

# LAPORAN PERSIDANGAN

## PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT MESYUARAT PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

---

**Hari** : 10 Mei 2011 (Selasa)

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri,  
Lebuh Light, Pulau Pinang.

**Jam** : 9.30 Pagi.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I /Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
16.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
17.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
18.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
19.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir

20.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
21.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
22.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
23.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
24.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
25.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
26.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
27.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
28.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
29.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
30.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
31.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
32.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
33.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggai
34.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
35.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
36.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
37.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh

#### **TIDAK HADIR**

1.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
2.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
3.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
4.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
5.	Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim	Penaga
6.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
7.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

#### **TURUT HADIR**

Encik Md Puat bin Romli

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Setiausaha:**

DOA.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula untuk sesi sambungan kepada Sesi Penggulangan. Seterusnya saya menjemput Ahli Kawasan Penanti untuk penggulangan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

*Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh* Selamat Pagi, Terima Kasih Y.B. Dato' Speaker. Y.B. Dato' Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang melibatkan *portfolio* saya dan sebelum itu izinkan saya juga untuk mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada kaum-kaum ibu kita yang telah memberi khidmat bakti bukan sahaja kepada keluarga tetapi juga kepada masyarakat dan seterusnya Negara.

Saya ingin mulakan dengan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Bunga yang membangkitkan cadangan supaya Kerajaan Negeri mewujudkan mekanisme bagi memberi pendedahan berkenaan zone industri antara Negara-negara Indo-China kepada usahawan-usahawan atau peniaga-peniaga di Negeri Pulau Pinang tentang peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh mereka.

Yang terhormat-yang terhormat sekalian, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang sering menggalakkan pelabur-pelabur tempatan dan luar Negara untuk melabur di Pulau Pinang melalui pelbagai kaedah dan telah terbukti melalui usaha gigih Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga tidak lupa kepada semua yang terlibat termasuk pegawai-pegawai yang berjaya meletakkan Pulau Pinang sebagai Jaguh Pelaburan 2010 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.24 bilion dan pada masa yang sama Pulau Pinang telah pada tahun 2010 mencatatkan jumlah eksport sebanyak RM162.87 bilion di mana jumlah ini menyumbang sebanyak 25.47 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2010 yang jumlahnya adalah sebanyak RM639.43 bilion dan sebagai sebuah negeri dengan penduduk hanya 5.8 peratus daripada penduduk Malaysia tetapi menyumbang sebanyak 25.47 peratus pada jumlah eksport Negara pada tahun 2010 merupakan satu kebanggaan bagi negeri ini dan oleh yang demikian Kerajaan Negeri akan lebih menitik beratkan sektor pelaburan dan juga pada masa yang sama untuk mencari jalan mengukuhkan sektor perdagangan melalui pelbagai kaedah seperti yang tercatat di bawah ini.

1. Menyasarkan dan menarik minat industri strategik Negara luar supaya mengembangkan serta menempatkan operasi mereka di Negeri Pulau Pinang melalui misi pelaburan ke luar Negara seperti ke Singapura, Thailand, Taiwan, Amerika Syarikat, Hong Kong dan juga Korea untuk menerokai peluang-peluang dan juga usaha sama dan potensi pelaburan.
2. Mempromosikan aktiviti-aktiviti yang bernilai tambah lebih tinggi iaitu *high value added activities*, ...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker serta membantu syarikat-syarikat yang sedia ada di Pulau Pinang untuk melabur dalam aktiviti-aktiviti tambah nilai berteknologi tinggi dengan menyediakan infrastruktur serta tenaga kerja yang diperlukan dan berkemahiran tinggi.

3. Mengambil bahagian dalam pameran antarabangsa melalui penyewaan ruang pameran sebagai salah satu usaha untuk mencari pelaburan baru serta peluang-peluang perniagaan. Namun begitu untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjung Bunga Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan bagi mewujudkan mekanisme serta memberi pendedahan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk meneroka pasaran baru di luar Negara yang dapat menaikkan, yang dapat meningkatkan eksport Negeri Pulau Pinang dan dengan ini juga akan meningkatkan aliran masuk mata wang asing dan sekali gus dapat membangunkan ekonomi serta memperkukuhkan daya saing syarikat tempatan iaitu syarikat kebanyakannya adalah IKS.

Y.B. Dato' Speaker seterusnya Yang Berhormat Sungai Aceh telah membangkitkan berkenaan pelantikan Ahli JKKK sama ada berlandaskan latar belakang politik. Y.B. Dato' Speaker seperti yang kita sedia maklum JKKK merupakan badan perantaraan antara Kerajaan Negeri dan rakyat di Negeri Pulau Pinang atau masyarakat setempat yang bertindak sebagai pelaksanaan pelan strategik untuk mencapai wawasan komuniti masing-masing, dan Kerajaan Negeri berpandangan JKKK merupakan mekanisme penting dalam menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri dan Rakyat. Justeru Kerajaan Negeri telah menambah bilangan JKKK kepada 289 ini adalah bagi memastikan agar perkhidmatan JKKK akan lebih berkesan dan mampu memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan dalam masa yang sama, JKKK juga diberikan pelbagai latihan dan kursus untuk melengkapkan JKKK dengan pelbagai kemahiran yang menyediakan mereka untuk berkhidmat kepada rakyat, kursus serta taklimat ini kita gembelngkan semua tenaga-tenaga atau jabatan-jabatan teknikal untuk memberikan pendedahan kepada JKKK supaya mereka bersiap sedia dan berkemahiran untuk menerima aduan-aduan daripada masyarakat dan seterusnya menyalurkan aduan-aduan tersebut dalam usaha menangani ataupun menyelesaikan masalah-masalah setempat kepada agensi ataupun jabatan yang relevan. Keanggotaan Ahli JKKK adalah dihadkan kepada 15 orang ahli yang termasuk Pengerusi dan Setiausaha. Pencalonan keahlian JKKK dilakukan berdasarkan garis panduan, Manual Gerak Kerja JKKK Pulau Pinang yang disediakan oleh Jawatankuasa dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri, yang telah menetapkan pencalonan haruslah merangkumi wanita, belia dan masyarakat berbilang kaum serta terdiri daripada pemimpin masyarakat. Sebagai contoh pencalonan haruslah dari kalangan Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Ahli Jawatankuasa Masjid dan juga ahli-ahli badan NGO yang lain.

Ahli JKKK juga perlu dipilih daripada penduduk yang bermastautin tetap di dalam kawasan JKKK berkenaan, proses pencalonan pada peringkat awal mengambil kira daripada cadangan Yang Berhormat atau ADUN kawasan dan Penyelaras KADUN dan juga Pengerusi JKKK, kebiasaannya calon tersebut terdiri daripada wakil parti politik, badan pertubuhan sukarela, badan bukan kerajaan dan juga orang perseorangan yang dihormati dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Keutamaan diberikan berdasarkan calon yang dicadangkan oleh Yang Berhormat KADUN kawasan dan Penyelaras KADUN bagi JKKK berkenaan. Pemilihan Ahli JKKK juga menekankan kepada *cross section*...(dengan izin). Untuk kepelbagaian lapisan masyarakat yang tinggal di lama sesuatu kawasan. Tempoh perkhidmatan bagi seorang Ahli JKKK maksimum selama 2 tahun dan tempoh ini boleh dilanjutkan dengan perakuan daripada Jawatankuasa Pemilihan di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan penglibatan Ahli JKKK ini adalah secara sukarela dan dibayar elaun berdasarkan kedatangan mesyuarat JKKK pada tiap-tiap bulan. Y.B. Dato' Speaker, yang ketiganya Yang Berhormat Adun Bertam telah memohon....(gangguan).

## **Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Boleh minta laluan. Yang pertama tadi berkaitan dengan JKJK, sedarkah Y.B. Penanti bahawa JKJK yang dilantik ini masih belum lengkap jawatankuasanya. Yang saya dapat tahu ada Pengerusi, Setiausaha, sedangkan ahlinya belum ada, mencari-cari siapa yang patut menganggotainya. Yang kedua dari segi tindak tanduk pimpinan JKJK telah banyak berjanji dengan pengundi atau masyarakat tempatan dalam menyelesaikan masalah projek-projek tertentu masih gagal, sebagai contoh di kawasan saya sendiri, ada pihak JKJK membuat bancian untuk membaiki rumah dan sebagainya, berjanji untuk baiki tapi akhirnya benda itu tak dapat dilaksanakan dan ada kesilapan teknikal berlaku, pihak mereka menganggap bahawa pusat khidmat saya sendiri yang membuat bancian tersebut. Ini harus perbetulkan. Kemudian Y.B. Penanti juga menyebut pemilihan Ahli JKJK ini adalah berdasarkan kepada pemimpin-pemimpin berpengaruh dari kalangan kariah penduduk dan NGO lain. Adakah sebenarnya perkara ini berlaku? Kerana ada sesetengah tempat mereka ini tidak tergolong dalam badan-badan NGO yang disebutkan tadi. Dan tadi Y.B. juga menyebut pencalonan ini juga dengan merujuk ADUN-ADUN kawasan tapi saya ingat dijelaskan lagi ADUN-ADUN kawasan Pakatan Rakyat saja, sebab kawasan saya tidak rujuk, jadi harus diperjelaskan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Sungai Aceh. Betul, belum tidak *complete* tidak lengkap 100% lagi pengisian di beberapa kawasan JKJK memang diakui. Tidak lengkap di beberapa kawasan tapi peratus kelengkapan tu melebihi 80% yang diisi. Dan yang keduanya tentang tindak tanduk kepimpinan JKJK yang dikatakan tabur janji atau mungkin buat kerja tapi tidak dapat diselesaikan. Saya tak nafi juga memang ada juga kita tak nafi ini dalam proses memberi khidmat kepada masyarakat dan yang tentang perbaiki rumah tu kebanyakan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk baiki rumah ini. Namun demikian saya juga akui JKJK boleh juga membuat cadangan daripada peruntukan kawasan untuk kita tangani isu ini.

Apa yang dibangkitkan oleh Sungai Aceh itu kita tak nafikan. Dan kita akan usaha untuk ambil tindakan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi. Justeru itu, itulah saya galakkan JKJK untuk menghadiri pelbagai kursus yang kita aturkan program untuk meningkatkan profesionalisme mereka untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat. Satu taklimat daripada pegawai-pegawai, jabatan-jabatan teknikal termasuk semua jabatan teknikal yang ada dalam Negeri Pulau Pinang. Dan kita juga membuat kursus pengurusan dan pentadbiran dan juga pengurusan kewangan supaya mereka dapat mengurus tadbir dengan lebih baik lagi. Kita juga memberi insentif kepada JKJK supaya mereka memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat dengan memberi hadiah tahunan umpamanya pada JKJK yang baik, JKJK yang cemerlang jadi kita cuba wujudkan.

Seterusnya kita juga menggalakkan JKJK supaya mewujudkan koperasi masing-masing supaya mereka dapat menjana kewangan agar lebih bebas dan tidak bergantung peruntukan kerajaan semata-mata supaya mereka juga terlibat dalam bidang untuk mencari dana sendiri mewujudkan penglibatan perniagaan supaya mereka bukan saja dapat membina JKJK masing-masing tapi juga mempunyai ruang dan peluang masyarakat setempat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Itu merupakan beberapa langkah yang kita ambil untuk bersiap sedia JKJK kita, supaya memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat. Dalam masa yang sama juga untuk soalan nombor tiga daripada Sungai Aceh. Memang betul kita pilih dan ambil dari ADUN-ADUN PKR saja sebab Kerajaan Persekutuan pun ada juga JKJK mereka sendiri iaitu JKJK (P) yang mereka namakan dan mereka ini bersaing begitu, ini juga di dalam kawasan kita sampai hingga menimbulkan beberapa masalah jugalah persaingan

terutama sekali dalam hal-hal untuk mendapat tempat berkhidmat ataupun pejabat ataupun dewan-dewan yang ada. Itu jawapan saya.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Y.B. Dato' Speaker, saya nampak Y.B. Penanti sebut bila wujudnya JKKK (P) timbulnya masalah. Tidak timbul masalah. Kita sebenarnya yang timbul itu kerana pihak JKKK yang diwujudkan oleh Negeri Pulau Pinang. Pertama dah jelas Penanti sebut untuk nak lantik hanya rujuk kepada wakil rakyat Pakatan Rakyat, makna dah asing dah. Yang wakil rakyat lain ni. Makna kata kita telus kalau ikut kita tak kiralah. Asalkan pemimpin mana, pembayar cukai, sebagai warga negeri harus dapat pertimbangan sewajarnya. Awal-awal seolah-olah dah asing dah. Ini hanya Pakatan Rakyat semata-mata. Dan kebetulan juga bila wujudnya JKKK ini memang tidak diberi tumpuan kepada yang bukan menyokong Pakatan Rakyat. Ini jelas, bila nak minta projek pun saya tengok mereka saja dan buat projek itu hanya di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Sebab itulah pihak Kerajaan Pusat wujud JKKK (P). Dan JKKK (P) pula kita wujud kita tidak kira siapa. Sebab di kawasan saya sendiri, saya telah bagi banyak projek-projek yang termasuk kawasan penyokong-penyokong Pakatan Rakyat sendiri. Saya ambil contoh di Sungai Aceh ada 2 buah rumah terbakar. Yang Y.B. Jawi pergi nak minta tolong, dia kata nak hantar tilam, tilam pun tak sampai, makanan pun tak sampai, dia kata nak buat rumah, rumah pun tak ada, akhirnya saya usaha melalui Kementerian Luar Bandar, kita buat rumah, memang jelas mereka itu adalah penyokong Pakatan Rakyat. Tapi akhirnya kerana jasa baik Barisan Nasional, mereka terus berikrar terus menyokong Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi saya laluan sikit. Saya rasa tuduhan yang disampaikan oleh Y.B. Sungai Aceh tu tak logiklah. Kita pergi bantu kawasan dia, padahal hari itu tak silap saya tahun lepas, saya memang ada pergi kawasan dia tiap-tiap kali kebakaran, tiap-tiap kali banjir dan sebagainya, tapi saya tak nampak Y.B. kawasan sampai lebih awal dari saya. Itu yang saya minta kebajikan hantar tilam dan sebagainya kita aturkan memang tiap-tiap kali tak pernah *miss*. Tapi hari ini dia boleh cakap saya seolah-olah, saya mengabaikan, cakap rendah diri tu memang perangai saya la, tapi saya tak bangga, macam sikit punya cerita nak heboh satu kampung. Ini bukan perangai saya. Saya rasa tuduhan, ini saya tak mahu cerita panjang pasai kalau saya boleh buat saya cuba buat. Bukan saja Sungai Aceh, Sungai Bakap pun saya pergi. Merata tempat saya dekat SPS.

Kita sebagai bukan Ahli Parlimen kerana itu Ahli Parlimen tau siapa dia. Kita kalau boleh buat kita buatlah. Untuk kebaikan rakyat, kita tak kira tempat. Padahal pembangunan apa yang saya nampak di Sungai Aceh, kerajaan juga meluluskan macam projek buat jalan dekat Sungai Udang, mana ada. Hari itu Sungai Aceh bikin longkang tak nampak kah? Y.B. Sungai Aceh kata usaha kerajaan kita di tempat itu, kita tak bilang tempat padahal Yang Berhormat kawasan kena bijak-bijak pakai peruntukan dia untuk kebaikan rakyat di sana juga. Jangan kita harap penuh kepada kerajaan kita. Saya difahamkan peruntukan daripada Y.B. Sungai Aceh jarang disentuh.

Dia tak ada sentuh langsung apa dalam mesyuarat pembangunan daerah. Sedangkan saya tak cukup pakai, saya tak tahu depa bikin dia punya cara kerja. Saya harap Y.B. Sungai Aceh jangan tuduh sembarangan terhadap orang lain. Padahal kita berusaha untuk kebaikan rakyat kita. Jangan anggap kita tak buat kerja. Itu saja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Teh Yee Cheu):**

Y.B. terima kasih saya fikirlah ini adalah satu pendirian yang diberikan oleh Y.B. Sungai Aceh maksudnya mereka ini adalah gila kuasa, maksudnya Yang Berhormat JKKK (P) nanti juga mahu klinik sapu ini semuanya satu langkah yang tidak ada, saya fikir tiada semangat demokrasi dan tidak mengaku kekalahan dalam pilihan raya berdasarkan demokrasi dan memakaikan salah gunakan kuasa Pusat mendirikan semua ini dan tidak memberi apa yang menang cara atau masa untuk membuktikan, nanti dengar harsard la. Ini cari-cari saja apa itu *reason* yang tidak benar atau tidak demokrasi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Y.B. Penanti saya minta, saya kena perelaskan ini.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Sungai Aceh sat lagi saya bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Nak perjelas ni, tak sesuai...(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti, nanti saya bagi.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):**

Ni ganggu saya ini, nanti saya buka buku biru nanti, ganggu orang dok tengah berucap.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Tak apa Sungai Aceh, sat lagi saya bagi. Y.B. Dato' Speaker, tentang khidmat perbandingan khidmat antara JKKK kita dengan JKKK (P) yang ini kita biar rakyat untuk menentukannya lah. Saya percaya rakyat telah membuat pilihan yang baik mengapa mereka mengundi Pakatan Rakyat 2008 berdasarkan kepada prestasi pembangkang sekarang ini di masa dulu.

Keduanya Y.B. Dato' Speaker, dalam latihan sesi latihan kita kepada JKKK kita, kita memberi penegasan yang cukup, saya kata dalam kursus kita kata kita tidak mahu, JKKK yang kita lantik ini berlagak, bertindak dan menjalan kerja macam JKKK dulu, JKKK (P) sekarang ini lah. Jadi saya kata, kalau contohnya, saya bagi contoh yang jelas, saya kata kalau dulu orang nak pergi ambil cop, nak pergi ambil tandatangan, anak-anak ibu bapa nak ambil pergi ambil tandatangan nak dapatkan bantuan buku sekolah pun, susah sangat untuk mendapat tandatangan, jawapan yang di dapat oleh rakyat pada masa itu, nantilah cop saya tinggal di rumah, cop tinggal di kereta, cop tinggal, itu saya kata kalau macam itu, 24 jam JKKK yang ada itu kita buang. Saya bagi. Jadi saya yakin saya yakin JKKK sekarang ini akan memberi khidmat yang baik dan jauh lebih baik daripada JKKK dulu, itu saya berkeyakinan tapi. Jika sekiranya ada rungutan daripada penduduk, ada rungutan daripada Yang Berhormat, yang mana JKKK yang tidak menjalankan tugas itu saya persilakan untuk Yang Berhormat kemukakan aduan kepada saya, untuk kita teliti dengan lebih mendalam, sebab saya yakin betul dengan senarai JKKK yang ada sekarang ini kita pilih orang-orang yang benar-benar untuk memberi khidmat kepada masyarakat dan khidmat kepada masyarakat ini kita tidak kira bangsa dan tidak kira fahaman politik mereka. Itu jelas dalam kita punya arahan dalam

tatacara gerak kerja kita sebab kita tahu. Akhir sekali yang memberi kuasa kepada kita adalah rakyat jadi rakyat yang boleh membuat penilaian, rakyat yang akan memberi penilaian dan rakyat yang akan memberi input dan menghukum siapa saja yang jalan atau pun tidak menjalankan tugas mereka di dalam kawasan masing-masing. Itu kita jelas Y.B. Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih. Boleh kan seperti yang dijanjikan. Saya nak jelas yang pertama tadi Y.B. Jawi kata, kata saya mai lambat, dia mai cepat. Terima kasihlah kejadian itu waktu maghrib, jadi sebagai seorang Islam saya kena sembahyang maghrib. Bila saya pergi dia sibuk hubungi Jabatan untuk dapatkan tilam tapi tak dapat. Tapi tak apa yang lewat sampai pun akhirnya hasilnya baik. Tapi kalau awal sampai hasil tak ada, maka rakyat nilailah tak baik. Jadi kedua soal projek yang ditimbulkan dalam Tindakan Daerah, bagaimana yang saya dapat tau sedangkan kami tidak dibenar langsung untuk menghadiri Mesyuarat Tindakan Daerah, ini tak adil lah kerana dibincang di situ dan kepada saya tidak dimaklumkan. Yang ketiga tadi ada Y.B. Tanjong Bunga dia sebut salah guna kuasa.

Jadi untuk pengetahuan Y.B. Dato' Speaker, untuk pengetahuan Y.B. Penanti, maknanya JKKK (P) tak salah guna kuasa, JKKK Negeri salah guna kuasa. Saya bagi contoh, sebuah rumah terbakar yang sebut tadi di Jalan Baru Jalan Sungai Itam, Sungai Bakap, apabila saya melawat, saya bagi tahu kita akan hubungi Pejabat Kebajikan untuk dapat bantuan, kita juga boleh menghubungi Pejabat Daerah untuk mendapatkan peruntukan, Tabung TYT di bawah Bencana Alam dan saya sendiri telah beri sumbangan tunai minimum RM500.00 kita bagi, dan esoknya saya berjumpa dengan pemilik rumah yang jadi mangsa tadi, saya tanya ada tak sapa-sapa yang telah mai bagi peruntukan dari Jabatan Pejabat Daerah dan Kebajikan? Dia berkata tidak ada sapa pun datang bagi. Dia cuma bagi tahu kata anaknya bagi tahu yang datang bagi ini cuma Parti Keadilan Rakyat yang bagi.

Duit itu sebenarnya adalah daripada Jabatan Kebajikan, ialah Negeri-Negeri lah, tapi masih nama Jabatan Kebajikan, yang satu lagi Pejabat Daerah, di bawah Tabung T.Y.T. Bencana Alam, siapa guna kuasa yang salah? Sepatutnya dia kena jelaslah, walaupun dia datang sebagai PKR, ataupun Pakatan Rakyat, dia harus jelaskan kepada tuan rumah, ini duit kebajikan. Sebut Kerajaan Negeri tak ada masalah, ini duit Tabung T.Y.T yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri, tapi dia melindungi perkara itu akhirnya bapanya tak dapat duit, yang dapat duit anaknya kerana sebut daripada PKR itu salah guna kuasa lah itu. Saya tak tau lah kalau dari segi undang-undang betul atau tidak, tapi sebagai rakyat kampung, jelas sudah salah guna kuasa terlalu mempolitikkan yang disebut katanya semua adil, mereka tak kira parti politik dan fahaman, saya ingat yang itu dulu kot, sebagai penjelasan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong beri laluan. Terima kasih Y.B. Penanti, saya rasa, saya rasa Y.B. Sungai Acheh dia itu alasan banyak, banyak sangat, lepas itu dia cakap dia punya kerja semua bolehlah ini lah itu lah dia kena fikir tengok, kalau saya tak pi hari itu apa, saya percaya itu bomba semua pun tak boleh saya percaya rumah itu terbakar sampai hangus pi, dia cakap dia semua boleh, soal ADUN kebajikan itu kebajikan apa, kepada macam tilam, itu hantar duit *check*, itu pun saya juga tapi dia nak bagi tambahan kita memang sokong dia nak bagi bantuan tambahan kita memang sokong, padahal ini pun adalah arahan daripada Kerajaan Negeri supaya semua Pejabat Kebajikan Daerah hendaklah memberikan bantuan yang segera kepada mangsa-mangsa kebakaran atau pun banjir kilat dan sebagainya. Jangan anggap dia saja yang buat kerja, padahal orang lain tak mampu buat kerja lah ini lah, itu saya tak mahu pertikaikan itu kawasan dia saya selalu pi tolong dia lagi cakap saya macam apa.



Saya kesian sama dia pasal dia sekarang dia panggil kebajikan dia tak mampu kita anggap dia punya penduduk-penduduk pun orang kita juga bukan gaduh lah, ini apa, kita harap apa Y.B. Sungai Acheh jangan kita bukan mahu kenang jasa ka apa ka, macam dia sikit kerja saja, heboh merata tempat tapi kita saya memang mengalu-alukan dia punya bantuan tambahan kepada penduduk kita, kalau tak percaya boleh tanya Y.B. Sungai Puyu, dia sudah masuk. Mengenai.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan-penjelasan Y.B. saya nak tanya kepada Y.B. Dato' Speaker, saya nak tanya kepada Penanti, saya ada satu kes di kawasan saya di mana JKKK (P) Sungai Nibong Kecil, mereka ada dua rumah terbakar, dan apabila kami memberi bantuan dan sebagainya mereka terasa terdesak, barulah dia datang nak bagi membina rumah semula, *ok* saya tak ada masalah bina rumah semula tak jadi masalah. Tetapi apabila peruntukan itu datang daripada Kerajaan Pusat melalui ICU, tetapi pelancarannya dia pakai semua itu bendera Barisan Nasional satu kampung, minta Menteri datang Barisan Nasional punya, macam pilihan raya, jadi saya nak tanya ini adakah satu penyalahgunaan kuasa, terima kasih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. kejam saja. Kita kena berhenti isu perbincangan yang ini yang politik antara dua. Cuma dua ada perkara penting yang dibangkitkan oleh Sungai Acheh tadi tentang penempatan pegawai kerajaan dalam majlis itu. Seperti yang dibangkitkan Pantai Jerejak tadi, bila ada apa program daripada JKKK (P), pegawai-pegawai pun terlibat juga, kita tak boleh salahkan pegawai, kita tak boleh salahkan JKM, kita tak boleh salahkan mana-mana pejabat pun. Pegawai Kerajaan iaitu *serve the government duty*, ... (dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, so kalau hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat yang berkuasa Negeri Pulau Pinang ini kesemua pegawai kerajaan wajib, wajib *serve* khidmat bawah khidmat Pakatan Rakyat, so kalau kes dalam masyarakat rumah macam tadi di kampung, kalau JKM bagi itu tak jadi salah sebab itu memang pun JKM, tak jadi salah Tabung T.Y.T. Itu prinsip dia kalau masa BN memerintah dulu, pegawai Kerajaan dia ikut BN, dia tak jadi kacau kita, dia tak *serve* kita langsung pun, so itu *order* dia. Itu *order* politiknya, jadi saya rasa pembangkang tak sepatutnya timbul isu itu langsung, tak timbulkan isu-isu langsung jadi begitu juga....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan. Y.B. Dato' Speaker, di sini saya ingin nak bagi tahu Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Acheh dia ada biasa kerja di Pejabat Daerah, selalunya apabila ada kebakaran jumlah berapa lama baru duit boleh sampai pada mangsa, dan di sini Pakatan Rakyat dapat bagi sumbangan dalam masa 24 jam baik pun daripada JKM, baik pun dari Pejabat Daerah, bila dapat maklumat terus turun padang siasatkan dan bagi bantuan dengan segera, pada dulu adakah Barisan Nasional buat begitu atau berapa minggu atau bulan baru dapat sumbangan? Bukan nak sangkut buang masa, saya nak bagi tahu Sungai Acheh bahawanya kalau kata JKKK (P) itu kerana terlampau banyak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, bila ada pangkat, dia tak mahu pangkat tak buat kerja tak ada apa dia tak mahu. Oleh yang demikian dalam satu tahun ada JKKK (P)....(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker saya kata ...(bahasa cina) takut kalah. Faham tak?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Penanti teruskan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih Sungai Puyu saya ingat cukuplah. Terima kasih kepada Y.B. Sungai Puyu. Saya ingat cukup dengan itu, cuma ada satu isu berkenaan JKKK yang menjadi isu juga iaitu tentang dewan-dewan. Saya telah bangkitkan banyak kali tentang ini dan saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat Pembangkang kena faham kedudukan perkara ini. Kalau dewan atas tanah Kerajaan Negeri memang hak milik JKKK, saya harap itu memang dapat difahamkan oleh Yang Berhormat Pembangkang-pembangkang.

Saya hendak teruskan dengan soalan seterusnya iaitu Y.B. Bertam telah memohon sedikit penjelasan mengenai perkembangan cadangan pelaburan oleh syarikat daripada Korea sebanyak RM100 juta bagi pembinaan padang golf di Batu Kawan. Y.B. Dato' Speaker, syarikat ini setelah membuat beberapa kajian perniagaan atau *core business study*, ekoran krisis ekonomi pada awal tahun 2009 maka pelabur daripada syarikat Korea tersebut telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan itu. Seterusnya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Saya difahamkan Kerajaan Negeri ada membuat lawatan ke Korea, ramainya dekat 40 atau 50 orang. Saya hendak tanya apakah sebenarnya berlaku? Kalau sudah diheboh-hebohkan dan menjadikan ia sebagai satu projek yang dapat memberikan satu pelaburan yang amat baik ke Negeri Pulau Pinang dan pada hari ini dikatakan akibat krisis ekonomi, adakah Y.B. Penanti bersetuju iaitu Kerajaan Negeri tidak melakukan sesuatu yang lebih proaktif di dalam menghayati apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh syarikat ini. Projek *golf course* yang dikatakan hendak dilakukan oleh Syarikat Korea ini, mula-mula ceritanya ratusan juta ringgit dan sebagainya, dan pada hari ini dikatakan tidak jadi kerana menghadapi masalah *economic problem* dan sebagainya. Jadi apakah tindakan Y.B. Penanti supaya boleh memujuk kembali pelabur ini untuk datang atau adakah alternatif lain yang telah pun dirancang supaya ada syarikat-syarikat lain yang berminat. Apakah pula tanah yang telah di *earmark* untuk *golf course*? Adakah telah pun diubahsuai untuk dijadikan perancangan lain atau masih di *earmark* sebagai *golf course* dan sebagainya?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Y.B. Dato' Speaker, keputusan untuk melabur di sesuatu tempat di sesebuah negeri itu adalah keputusan mereka sendiri. So kalau syarikat daripada Korea itu membuat keputusan sedemikian, maka kita terpaksa menghormati buat sementara waktu dengan keputusan mereka. Ini bukan keputusan kita tetapi keputusan mereka, namun demikian kita akan berusaha juga seperti Y.B. Seberang Jaya sebutkan tadi, kita akan cari jalan supaya projek ini dapat diteruskan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Berapakah nilai pelaburan tersebut yang dijangkakan? Saya hendak tahu nilai pelaburan yang dijangka.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Ianya macam ni Yang Berhormat, saya kurang pasti Yang Berhormat . .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ada lebih kurang RM200 juta? Okey, saya *quote* lebih kurang RM200 lebih juta lebih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti sekejap, saya hendak jawab yang itu sikit lagi. Keputusan ini adalah keputusan mereka, sama juga dengan industri tuna di Batu Maung, ianya telah bertapak agak lama juga dan memberi pulangan yang baik kepada kerajaan tetapi syarikat itu membuat keputusan untuk menarik diri, umpamanya. Apabila kita cuba pergi ke Taiwan dan bertanya mereka, ada penerangan dia ada sebab-sebab yang telah diberitahu oleh mereka dan salah satu sebab yang diberi oleh mereka bahawa *this is a trillion dollar business*, ...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker, bukannya sedikit. Tapi oleh kerana mereka tidak berpuas hati dengan keadaan dulu, mereka buat keputusan untuk beralih kepada Sri Lanka. Saya kata Sri Lanka itu jauh, bukan tempat strategik pun dan tidak menguntungkan bagi mereka, kenapa lari kepada Sri Lanka? Mereka nyatakan ada sebab-sebab .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

So boleh kata nilai pelaburan itu ada lebih kurang RM200 juta.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya tidak pasti, saya kena semak Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tetapi tidak kurang RM200 juta? Jadi secara tidak langsung Y.B. Kawasan Penanti hendak memberikan satu tajuk Kerajaan Negeri kehilangan pelaburan RM200 juta kerana penarikan diri daripada Syarikat Korea yang itulah. Tajuknya lebih kurang begitulah, Kerajaan Negeri kehilangan RM200 juta pelaburan kerana syarikat yang hendak memajukan padang golf ini menarik diri. Terima kasih.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, ...(dengan izin), Y.B. Seberang Jaya, *you dont have to put words into our mouth*. Kita tahu apa kita hendak kata, kita tahu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Dato Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi mengakulah maknanya kehilangan pelaburan, betulkan?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1:**

Tak mengapa, kalau kita hendak keluar *statement*, kita akan keluarkan *statement*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Dato Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Mengaku tidak? Mengaku kehilangan pelaburan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Kita tidak perlu ikut rentak dia.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi Y.B. Penanti beri penerangan dulu. Sila duduk.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

*You dont have to put words into our mouth*, Y.B. Dato' Speaker, ...(dengan izin).  
Macam tadi kita katakan *trillion dollars* industri tuna kita rugi, hasil ketidakcemerlangan daripada pentadbiran dulu, kalau kita hendak katakan, kita boleh kata.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan Yang Berhormat.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Nanti sekejap Y.B. Jawi. Saya hendak teruskan dengan soalan ke empat, menjawab soalan Y.B. Pulau Tikus yang telah mencadangkan agar Physician Information Technology Office (PITO) Office ditubuhkan di beberapa buah negara seperti China, India dan Vietnam bagi meningkatkan jumlah pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui investPenang akan mengambil perhatian terhadap cadangan penubuhan Pejabat PITO di negara-negara lain selain daripada Singapura.

Sehubungan dengan ini, izinkan saya Y.B. Dato' Speaker untuk memaklumkan bahawa melalui maklumat yang kita perolehi daripada Unit Perancang Ekonomi ataupun UPEN, eksport Pulau Pinang ke Negara China pada tahun 2019 berjumlah sebanyak RM34.793 bilion, manakala eksport Pulau Pinang ke India pada tahun 2010 berjumlah RM2.706 bilion dan eksport Pulau Pinang ke Vietnam pada 2010 berjumlah RM1.675.8 bilion. Ini jelas menunjukkan bahawa antara tiga buah negara yang dicadangkan oleh Y.B. Pulau Tikus, Negara Cina akan menjadi tumpuan dan pilihan utama dalam cadangan kita untuk menubuhkan PITO. Y.B. Jawi, silakan.

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Terima kasih Y.B. Penanti. Sebenarnya saya tidak puas hati dengan Y.B. Seberang Jaya, dia tanya soalan itu seolah-olah mereka sewaktu menjadi pihak kerajaan lebih bijak, lebih arif dan sebagainya....(ketawa). Mereka tidak fikir pelaburan Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas RM12.2 bilion, ini bukanlah dari usaha kerajaan dulu. Kalau kerajaan baru tidak buat rombongan delegasi seperti ini, adakah kita akan mendapat hasil? Orang hantar makanan sampai depan rumah dia secara buta, ini kena fikir panjanglah yang Berhormat. Nanti dulu, dia tanya soalan setuju tidak, siapa yang mahu *answer*? Kena fikir dulu .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Habis? Yang pertamanya, Arif memang saya yang arif, bagaimanapun orang akan panggil saya Arif, tetapi di mahkamah tidak bolehlah, di mahkamah Yang Arif. Nombor dua, tujuan saya tanya, setuju atau tidak kerana saya dengan Y.B. Penanti ini kawan baik, tujuannya saya hendak beritahu dia bagaimanakah caranya kalau berlakunya kehilangan sekian banyak, bagaimanakah caranya kalau ada yang berlaku hilang sekian banyak, bagaimanakah caranya boleh tarik balik. Y.B. Penanti telah menjawab dengan berhemah dan menyatakan bahawa kita akan menerima. Dia tidak ada masalah pun dan bersetuju dan telah menjawab dengan berhemah, kita akan mencuba mencari apa-apa jalan lain, mungkin ada syarikat lain atau kita boleh *convince* syarikat itu balik ka. So dia *very professional*, bagus, kita boleh panggil dia Professor Dr. Mansor.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Seberang Jaya. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin teruskan dengan satu lagi soalan iaitu isu, walaupun perkara ini sedikit sahaja, tetapi perlu juga diberi penjelasan. Yang Berhormat pembangkang ada menimbulkan tentang pencapaian yang cemerlang mengenai pelaburan di Pulau Pinang pada tahun 2010 dengan istilah jaguh. Mempersoalkan tentang istilah jaguh, memang jaguhlah, *champion*, nombor satu sebab fakta menunjukkan yang kita mendapat RM12.24 bilion berbanding dengan negeri-negeri lain dan berbanding dengan tahun-tahun lepas, itu satu fakta. Fakta ini diberikan oleh MIDA dan RM12.24 bilion melalui 128 projek daripada MIDA dan RM10.45 bilion adalah pelaburan luar negara dan RM1.97 bilion adalah daripada pelaburan domestik. Hasil daripada pelaburan ini sebanyak 21,600 peluang pekerjaan telah pun diwujudkan. Ini merupakan....(gangguan), sila Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan. Tadi Y.B. Penanti beritahu jumlah RM12.24 bilion pada tahun 2010 adalah pelaburan masuk. Yang Berhormat juga beritahu FDI lebih besar daripada DDI, sebenarnya ianya terbalik. Saya sudah dapat angka-angka itu yang menunjukkan iaitu DDI, Domestic Expansion yang telah ada di sini, saya sebut hari itu kilang Western Digital, ada tiga di mana semuanya DDI hampir atau lebih RM7 bilion manakala FDI hanya RM2.2 bilion. Saya harap Yang Berhormat dapat semak balik.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat, terima kasih. Betul tu, *Western Digital is an outside investor, ...* (dengan izin). Memang betul dia ada, kalau dia tak *confident* dia tidak akan melabur, *it is a reinvestment*, pelaburan semula. Kalau dia dalam usaha pengembangan, jadi saya hairan bagaimana Y.B. Telok Bahang tidak boleh menghayati istilah seperti itu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kita terima istilah itu, bagus. Tapi kita hendak buat pembetulan dari segi fakta, itu sahaja.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Faktanya memang betul. Faktanya ialah RM10.54 bilion adalah pelaburan daripada luar negara dan termasuk *reinvestment*, pelaburan semula dan kalau pelaburan semula, ini bukanlah daripada syarikat daripada Pulau Pinang, ianya daripada syarikat luar, Western Digital, St. Jude, dan semua ini daripada luar. Saya ingat Y.B. Telok Bahang hilang *touch on the .....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Penjelasan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Jawi, sila duduk dulu. Y.B. Penanti tidak ada banyak masa. Ini tidak ada sangkut-paut dengan soalan yang ditanya. Penggulangan ini kena merujuk kepada soalan yang ditanya.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Keputusan pelabur-pelabur luar untuk datang melabur di Pulau Pinang sudah tentu dan sudah pastinya kerana Pulau Pinang

mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu daripada negeri-negeri lain ataupun *cutting edge* daripada negeri-negeri lain. Kita sedar sekarang ini untuk mendapatkan pelaburan daripada luar negara kita perlu betul-betul bekerja keras kerana kita perlu bersaing dengan negeri-negeri lain. Contohnya bila kita pergi ke luar negara ada *trade mission* daripada Malaysia, jadi ada ramai negeri-negeri lain yang turut serta. Sebab itu kita kena menunjukkan kenapa Negeri Pulau Pinang mesti dipilih, kenapa Pulau Pinang perlu mempengaruhi pelabur-pelabur luar, kenapa Pulau Pinang perlu menjadi pilihan kepada mereka.

Jadi kita Y.B. Dato' Speaker, kita kena ingat yang ini apa motto kita di Pulau Pinang ini Pulau Pinang memimpin dalam beberapa aspek dan kita telah mencatat nombor satu dalam beberapa aspek pun. Oleh sebab itu pelabur-pelabur asing tertarik untuk datang ke sini. Umpamanya kita menjadi negeri yang pertama bersih dan hijau, *green and clean street*...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker kita juga mencatat kadar penurunan jenayah yang baik. Keadaan indeks jenayah kita dapat diperbaiki. Ini diakui oleh Negara dan juga kita juga negeri yang bebas daripada rasuah. Ini diakui oleh badan *Transparency International* dan kita juga negeri yang dapat pengurusan kewangan yang terbaik. Ini diakui oleh Ketua Audit Negara sendiri, bukan kita yang kata. Dan kita mempunyai tenaga kerja yang mahir dan secara ringkasnya Y.B. Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang berjaya mewujudkan, melaksanakan keselamatan yang terjamin, kesejahteraan hidup dengan infrastruktur yang bagus, kedudukannya yang strategik, dan *more importantly* Y.B. Dato' Speaker ....(dengan izin) *good governance*. Jadi itu membuatkan *cutting edge* yang dapat kita berikan kepada pelabur-pelabur yang potensi apabila kita bersaing dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia Y.B. Dato' Speaker.

Dan saya percaya dengan faktor-faktor yang kita gariskan tadi dengan langkah-langkah seperti yang kita senaraikan, langkah-langkah pengukuhan, langkah-langkah promosi dan juga langkah-langkah yang kita ambil untuk menarik minat pelabur-pelabur. 20 langkah kita senaraikan di hari pertama persidangan ini. Y.B. Dato' Speaker, saya percaya Pulau Pinang memang ada kelebihan daripada negeri-negeri lain untuk menarik pelabur-pelabur di luar Negara. Justeru itu jaguh dari 2010 itu tidak hairanlah diperolehi oleh Pulau Pinang, Y.B. Dato' Speaker.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya memang seronoklah dengar Penanti bercerita tentang kejayaan Pulau Pinang. Memang kita dengar seronoklah. Tapi kita yakin Penanti bersetuju kalau kita katakan, asas-asasnya diletakkan oleh Barisan Nasional sebelum ini. Y.B. Penanti cuma basuh kaki masuk dalam rumah saja. Setuju tak?

#### **Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):**

Tolong bagi laluan. Saya sambung, sekejap saja. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya rasa Y.B. dari Telok Bahang dia *happy* cakap dia berasa bangga dengan pencapaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas. Dia cakap dengan macam tak jujur. Saya percaya macam usaha yang pencapaian yang telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun lepas adalah disebabkan oleh satu kita punya polisi. Kita tak tahu makan rasuah. Pasal baru keputusan seperti ini boleh tercapai. Setuju kah Y.B. Penanti tentang pendapat saya. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sikit lagi. Pelaburan. Bila pelabur nak datang ke sesuatu negara, apa yang mereka *check* dulu? *Check* tentang *political stability*, satu. Yang kedua tentang keselamatan Negara dan ketiga tentang infrastruktur yang ada di situ. Dan jadi Y.B.

Penanti nak nafikan bahawa infrastruktur yang ada di Pulau Pinang ini telah pun diletakkan oleh Barisan Nasional sejak 53 tahun lalu. Sampai sekarang keadaan yang cukup istimewa, terbaik di Pulau Pinang ini. Lepas tu pelabur-pelabur datang ke sini kerana itu. Kerana tiga faktor yang disebut tadi, antara tarikannya. Jadi kita tak boleh nak kata oh ini kerja dah tiga tahun diletakkan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat, tak bolehlah kita kena bagi *credit* juga kerajaan yang lalu.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, memang betul keselamatan, infrastruktur, dan *stability* itu memang faktor-faktor yg penting tapi kita juga tidak dapat nafikan yang *good governance is the main element*. Orang mari di sini dia tahu pentadbiran ini bagus contoh umpamanya *Honeywell*. Dia bagi kita masa dalam enam bulan, permohonan terus kita boleh *in operation*, kilang dia. Ini satu-satunya kilang yang buat peralatan kapal terbang di Negara kita. Banyak orang tak tahu. Saya dulu pun tak tahu kata ada syarikat yang buat peralatan kapal terbang di Negeri Pulau Pinang. Dalam masa enam bulan sahaja. Daripada proses permohonan sampai boleh beroperasi. Itu menunjukkan bahawa pentadbiran yang cekap, yang efisien. Itu yang istilah *good governance*. Kalau itu *model story* nya, cerita yang kita beritahu kepada luar pelabur-pelabur asing, di samping kita kata kedudukan Pulau Pinang yang *strategic, political stability* sebab memanglah kalau nak dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain di Pulau Pinang, kita tak kacau orang. Kita tak ada pertelingkahan. Infrastruktur memang baik, infrastruktur yang bagus, sebagai asasnya, kita akui memang kerajaan yang dulu pun buat infrastruktur yang baik. Kita terima kasih bukan takat akui sahaja. Terima kasih di atas usaha-usaha yang dilakukan itu. Dan saya harap pembangkang tidak dapat menafikan faktor *good governance* adalah kunci kepada kejayaan ini. Dan sehubungan dengan itu kalau kita katakan yang sebenarnya kalau nak disebutkan lagi.

#### **Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Penjelasan. Minta penjelasan daripada Ahli Kawasan Penanti. Kalau kejayaan Pulau Pinang pada masa kini adalah disebabkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, ini bermakna kita mesti ubah balik ke sejarah. So jadi kita mesti memberikan ini kepada pihak kolonial. Bukan sahaja kepada pihak kolonial, kita kembali lagi. Kesultanan dulu, selepas itu Melaka, Sri Wijaya. So mana satu? Saya minta penjelasan. Mana kita bagi? Udara yang kita bernafas, hujan yang kita terima. Itu sebabkan oleh Barisan Nasional ka? Tolong perelaskan.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tak sangka profesor daripada universiti buat antologi yang amat-amat tak logik pada pagi ini. Ini tak boleh pakai. Tak apalah kita maafkan dia. Jadi itu yang kita akui jasa-jasa mereka. Daripada 53 tahun kita dah berjaya sehingga ke peringkat ini. Dan seluruh dunia dah yakin dengan kita dan mereka dah *recognize* kita sebagai sebuah Negara yang maju antaranya. Arab sendiri pun bila datang sini lihat Infrastruktur kita begitu hebat. Dan dia membandingkan Infrastruktur kita dengan Amerika. Dia kata kita sudah maju. Dan dia kata Malaysia sudah maju walaupun kita tak mengaku yang kita sudah maju, kita masih *developing country*, tapi orang luar yang tengok dia kata kita dah maju. Ini semua berkat usaha siapa? Kita tak boleh kata tiga tahun. Dia makan masa untuk membangunkan. Dan kita bangga walaupun tak lama selama 53 tahun, kita di peringkat ini. Jadi kita kena akuilah sumbangan pihak-pihak lain juga. Jangan kata kita saja yang bagus.

#### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Saya amat tertarik dengan hujah-hujah Telok Bahang bahawa Barisan Nasional buat inilah, buat itulah. Betul, ada buat. Penang Port betul ada buat,

betul ada buat lapangan terbang, tetapi masalahnya tengok *at what cost?* Tengok PKFZ. PKFZ buat pelabuhan betul, tetapi berbilion-bilion ringgit makan rasuah oleh pemimpin Barisan Nasional. Pelbagai projek infrastruktur seperti di Sarawak semuanya projek CMS. *Chief Minister and Son.* Ini semua Barisan Nasional buat, betul. Tapi menyebabkan banyak ketirisan *corruption* dan sebagainya. Yang penting di Pulau Pinang saya rasa adalah *good governance* kalau pemimpin tidak rasuah, maka rakyat dan ekonomi akan menjadi lebih baik.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Penjelasan Yang Berhormat, saya duduk di Pulau Pinang, saya anak jati Pulau Pinang. Di mana saya duduk di Bayan Lepas, duduk di pejabat kami tahun 1952, sebelum merdeka lagi. Jadi kami ini *traveling up and down* dari Bayan Lepas ke Tanjung, jadi orang yang bukan Pulau Pinang tak tahu cerita.

Asal Bayan Lepas dulu pokok jual tuak je, pokok nyiur sahaja. So bila Chong Eu masuk buat bangunkan Pulau Pinang, dia seperti Y.B. Telok Bahang kata, dia makan masa. Jadi pelabuhan yang datang pun bukannya sekadar *good governance* tapi dia tengok juga *supply*. Kalau dok *entrap* Philipine dia cabut, Dia nak tengok dari segi *water supply*. Dia nak tengok juga *cost* satu pelaburan ini kira, bukan hanya proses enam bulan *honestly* saya cakap tak profesional. Jadi dia nak tengok sama pelaburan di China tak percaya, tiap kali dia reka satu produk yang baru saja, *within half a day* saja, dah orang lain dapat tahu dah. Jadi *thats why they come to Malaysia*. *Everybody* bagi sumbangan, tapi *within to claim six month*. Tapi nak cakap enam bulan kerana kita proses itu, 100% nak kata itu tak boleh juga.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Bayan Lepas. Saya nak kata macam inilah. Satu yang saya percaya umum akan terima kalau kita dok bagi ruang macam Barisan Nasional 52 tahun *we can do much, much move better differently ...*(dengan izin), kalau kita ada ruang macam 52 tahun dulu sebab apa, sebab tiga tahun setengah pun kita dapat buktikan apa yang kita boleh buat.

Kita tak kata Barisan Nasional jahat, kita siap cakap apa Barisan Nasional buat 52 tahun. Ini 52 tahun apa BN buat, ini 3 tahun apa Pakatan Rakyat. So Pulau Pinang ini kita buat apalah dalam masa tiga tahun. Kita tunjuk kita *time* mesra rakyat. Dengan program-program, Y.A.B. Ketua Menteri, ucapan belanjawan terulung. Apa yang kita gariskan, kita gariskan Kerajaan Negeri akan fokus pada tiga benda. Iaitu *pro-job, pro-pour, and pro-gross*. So itu kita usaha selepas itu. Berlandaskan kepada tiga faktor itu dan kita usaha untuk cari peluang pekerjaan, berusaha untuk mengangkat penubuhan ekonomi negeri dan usaha mesra rakyat dengan memberi perhatian kepada orang miskin. Jadi program itu kita senaraikan jadi tak payah saya ulang yang kita olah, itu nombor satu. Dan nombor kedua tentang pelaburan ini memang kita akui kita sebut dari awal lagi ini hasil daripada kerjasama daripada semua pihak, kita akui itu. Tapi kita gariskan 20 langkah-langkah spesifik yang Kerajaan Negeri buat untuk menarik pelabur. 20, bukan dua, bukan empat, bukan enam. Dua Puluh daripada usaha penggalakan, depa dah usaha insentif kepada usaha pentadbiran. Semuanya itu, jadi 20 langkah-langkah. saya percaya 20 langkah yang kita buat ini kita akan dapat tarikan pelabur-pelabur yang lebih banyak lagi dalam Negeri Pulau Pinang.



Jadi itu Y.B. Dato' Speaker, dengan itu kalau saya sebenarnya nak sebutkan juga tapi saya ingat okeylah. Tak payah sebutlah kot. Sebab kalau nak sebut kata semuanya dilakukan oleh Barisan Nasional, ada juga sekarang ini kita juga terpaksa mewarisi permasalahan-permasalahan yang ditinggalkan oleh kerajaan dulu dalam beberapa kes ini. Dan saya ada satu senarai di sini yang kita terpaksa kita kena tangani. Jadi Y.B. Dato' Speaker, kita boleh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan. Apabila Y.B. mengatakan bahawa yang diwarisi daripada BN. Dulu Y.B. pun dalam BN. Lama dok dalam BN. Jadi penasihat pula tu. Jadi tak payahlah mempertikai benda lama Yang Berhormat pun sama-sama benda lama. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Itu pun kita warisi. Itu pun kita warisi....(ketawa)....(gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker saya sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada ni apa semua yang mengambil bahagian dalam ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Ni, Penanti, sebelum menggulung nak tanya satu saja, nak tanya satu soalan ya kalau dapat. Y.B. Penanti adakah benar yang Y.B. Penanti ada menyatakan, saya pasal itu tak cukup masa nak cakap, akan mendirikan sebuah Universiti di Penanti. Apakah nama Universiti tersebut, berapa dan apakah jurusan dan di lokasi manakah Universiti tersebut. Dak pasal saya nak cakap hari itu, masa tak cukup, semasa perbahasan. Kalau boleh dengan hati yang baik, tolonglah bagi sikit.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya soalan ini telah dibangkitkan oleh Y.B. Permatang Pasir. Kita ucapkan terima kasih kepada Permatang Pasir tentang sebutkan beberapa langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memartabatkan syiar Islam tapi kedudukan orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang seterusnya. Yang pertama dia kata kita berjaya wujudkan (YIPP) Yayasan Islam Pulau Pinang. Ini apa, kita telah luluskan penubuhannya dan kita akan mula beroperasi sedikit masa lagi dan insya-Allah dan betul seperti Y.B. ni apa Seberang Jaya sebut tadi kita cadang untuk mewujudkan satu Universiti Islam di Penanti. Ini sebahagian daripada perkembangan dengan pekan baru yang bersempadan dengan Kulim. Tanah di belakang Tuanku Bainun telah pun lulus ni apa tanah itu. Dan kita dalam merangka awal dalam membuat persediaan ni apa, pekan baru dan juga Universiti Islam di Negeri Pulau Pinang dengan harapan kita ialah untuk membangkitkan kecemerlangan ini apa pendidikan zaman awal-awal dulu masa Syed Syeikh Al-Hadi, Al-Tahir dan juga ni apa Tok Wan Perdana Menteri kita yang lepas pun. Ini merupakan pemimpin-pemimpin yang dulu, so kita ingin kembalikan kecemerlangan yang itu dan harapan kita dengan penubuhan Universiti ini di mana akan menjadi juga saluran penting kepada graduan-graduan, pelajar-pelajar sekolah agama rakyat dan tidak tahu akan pergi ke mana selepas ini, yang banyak sekarang di Negeri Pulau Pinang. Kalau ada Universiti macam ini, graduan-graduan itu, pelajar-pelajar dari sekolah agama rakyat boleh disalurkan ke tempat itu. Jadi itu Y.B. Seberang Jaya.

Y.B. Dato' Speaker, dengan itu saya akhiri penggulungan saya dengan ucapan terima kasih sekali lagi kepada Y.B. Dato' Speaker dan semua Ahli Dewan Yang Mulia ini dan saya menyokong ucapan usul T.Y.T. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih Ahli kawasan Penanti. Seterusnya saya nak menjemput Ahli Kawasan Air Putih membuat penggulungan pada hari ini. Silakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terus mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Ucapan Perasmian Dewan oleh Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang melibatkan semua portfolio EXCO-EXCO Kerajaan Negeri. Tahniah juga diucapkan kepada semua Ahli-ahli EXCO yang telah memberikan jawapan secara panjang lebar tentang hujah-hujah yang telah diberikan dan juga yang telah menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab.

Di samping itu juga ahli-ahli ex officio Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri baru dan juga Pegawai Kewangan Negeri yang baru yang juga telah meneruskan kesinambungan perkhidmatan cemerlang yang telah wujudkan sejak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengambil alih tampuk Kerajaan Negeri sejak 2008. Tidak asing lagi juga kepada Y.B. Dato' Penasihat Undang-undang yang juga telah terus memberikan perkhidmatan dan juga telah menyertai semangat baru, pasukan baru, inspirasi baru yang telah dicernakan sejak pengambil alih baru pemerintahan pada tahun 2008.

Sebagai permulaan Y.B. Dato' Speaker, Yang Berhormat Permatang Pasir dan Sungai Bakap telah membangkitkan tentang pertambahan peruntukan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Dari aspek pembangunan keagamaan secara keseluruhannya, iaitu pembangunan melibatkan pelbagai jabatan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Masjid Negeri, Mahkamah Syariah, didapati peruntukan pembangunan untuk projek-projek keagamaan dalam tahun 2011 telah meningkat daripada RM27.38 juta kepada RM33.33 juta. Ini bermakna terdapat pertambahan sebanyak 21.73%. Ini jauh lebih besar atau berkali-kali lebih besar daripada apa yang diperuntukan dalam tahun terakhir pemerintahan kawan baik saya. Y.B. Dato' Speaker, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Penjelasan sedikit.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Boleh saya habis perenggan ini. Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang adil dan peka kepada keperluan kepada semua rakyat tanpa mengira agama, Kerajaan Negeri telah berusaha untuk menyediakan tanah yang mencukupi bagi keperluan pembinaan Sekolah Agama Rakyat. Bagi tahun 2011, cadangan pengambilan balik tanah telah disediakan bagi Lot 904, Mukim 21, Guar Jering di KADUN Penanti, Seberang Perai Tengah dan keluasan tanah ini adalah 7,000 kaki persegi. Peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM480,000.00.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan lebih RM8.5 juta untuk membiayai kos pengambilan tanah untuk membina sekolah agama. 2008 - RM3.2 juta, 2009 RM3.7 juta, 2010 RM2.5 juta, 2011 RM2.25 juta.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Terima kasih Y.A.B. Tadi Y.A.B. telah menyatakan bahawa peruntukan setiap tahun bertambah dan bagi tahun 2010 sebanyak RM30, 2011 sebanyak RM33 juta. Boleh tak Y.A.B. memberi pecahan belanjawan apa. RM33 juta ini dibelanjakan untuk apa? Adakah termasuk bayaran gaji dan elaun-elaun ataupun perbelanjaan lain.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ingat tadi Yang Berhormat tidur. Saya sudah cakap pembangunan. Saya sudah cakap pembangunan, so, saya harap Y.B. Sungai Dua jangan tidur dalam Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Saya cuma nak dapatkan gambaran yang lebih jelas tentang perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibuat. Kalau pembangunan, bagaimana yang pembangunan yang boleh mencatat sehingga RM33 juta. Adakah pengambilan tanah juga termasuk dalam soal. Nak nak gambaran yang lebih jelas.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

So, itulah tadi saya dah kata untuk pembangunan. Boleh duduk tak. Jangan celah-celah sini, celah-celah sana tak boleh habis. Kalau *you* nak celah habis, biar *you* cakap habis ah. So, saya sudah cakap pembangunan, tetapi nampaknya Y.B. Sungai Dua pula cakap *oh* adakah ini termasuk itu elaun itu gaji, sudah tak dengar. So, saya harap jangan tidur dalam Dewan Yang Mulia ini. Dengar dengan betul-betul dan kalau Y.B. Sungai Dua buat *homework*, kita luluskan belanjawan pada tahun lepas. Ini semua tercatat. Rujuk balik kepada belanjawan yang kita luluskan tahun lepas. Tak kan Y.B. Sungai Dua sudah berapa penggal lah, 3 penggal. Tak tahu perkara ini. Lulus belanjawan sudah berapa tahun.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):**

Y.A.B. tak payah pusing. Cuma cerita sahaja....(gangguan). Cerita dia apa dia perbelanjaan dia itu apa, cerita sahaja. Kenapa nak pusing merata. ....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya tak mahu bagi laluan, duduk,duduk. So, kalau Y.B Sungai Dua nak tahu, cuba balik buat *homework*. Rujuk kembali kepada belanjawan Y.B. Sungai Dua sendiri luluskan pada tahun lepas. So, tak kan saya kena ulangi sekali lagi, saya bukan macam Y.B. Sungai Dua, saya bukan macam Burung Belatuk, ah angguk, angguk dan mengulangi sekali lagi apa yang saya sudah sebut pada tahun lepas. Kalau Y.B. Sungai Dua berminat nak tahu, baca balik kepada buku belanjawan, tak kan tak tahu.

So, dengan itu saya rasa, tanyalah perkara-perkara yang baru. Bukanlah perkara-perkara yang bukan-bukan. Malangnya Y.B. Dato' Speaker, niat murni Kerajaan Negeri menambahkan peruntukan untuk Hal Ehwal Agama melebihi peruntukan masa pemerintahan Barisan Nasional dikutuk dengan sekerasnya oleh Gerakan sebagai satu tindakan anti-Cina. Mengapa UMNO yang suka buat demonstrasi dengan label Kerajaan Negeri sebagai anti-Melayu tidak pernah mengutuk atau buat demonstrasi mengutuk Gerakan kerana Gerakan nyatakan bila kita tambahkan peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam, itu adalah perbuatan anti-Cina.

Jelas UMNO hanya tahu pecah belahkan rakyat seperti yang gerakan buat untuk kepentingan sempit politik sahaja. Tengok semua diam tak berani bangun langsung. Kita tahu itulah permainan daripada Barisan Nasional, Gerakan hentam Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat anti-Cina kerana tambah peruntukan Hal Ehwal Agama Islam. Tetapi kalau benar-benar pertahankan keadilan bukan hanya daripada Agama Islam sahaja, harus bangun untuk menentang tetapi tak pernah buat demikian. So ini menunjukkan bahawa kedua-dua ini adalah parti perkauman yang sungguh bahawa kepada masyarakat majmuk. Saya menegaskan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang tidak pernah anti-Melayu. Tidak pernah juga anti-Cina, kalau ada hanya anti Barisan Nasional Pulau Pinang sahaja. Mengenai tindakan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, minta penjelasan sikit.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.A.B. Ketua Menteri bagi tahu Dewan Yang Mulia ini yang kita ini parti racist. Itu tak betul. Tengok sejarah balik, sejak Merdeka, sejak sekarang, ah bila Merdeka dulu UMNO jemput MCA, jemput MIC bersama-sama mendapatkan kemerdekaan. Ini menunjukkan pada awal lagi kita memang parti yang bersama dengan bangsa lain. Bukan hanya UMNO cakap pasal UMNO sahaja. Dan perlembagaan kita memang begitu. Kita berjuang untuk semua bukan untuk orang Melayu kita perjuangan untuk kesemua sekali, keseluruhan Malaysia, satu negara. Sejak Merdeka sehingga sekarang. Sejarah dah ada. Jadi kita tak boleh nak Y.A.B. Ketua Menteri tak boleh nak labelkan UMNO sebagai *racist* kerana keadaan begini. Dan Y.B. Dato' Speaker, nak kita berkelahi ka bersama-sama dengan Gerakan, dengan parti komponen, nak suruh kita bergaduh. Kita ada cara kita untuk menyelesaikan masalah. Bukan kena hentam sama-sama kita. Kita boleh bercakap, kita berbincang sentiasa dengan kawan-kawan kita. Kita tak bergaduh dalam terbuka.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kalau UMNO tak *racist*, siapa pun tak percaya. UMNO memang *racist*, kalau tak *racist*, mengapa nak label orang-orang bukan Melayu sebagai pendatang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Penjelasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Nanti saya habis dulu. Kenapa nak label orang-orang bukan Melayu sebagai pendatang, tak ada hak langsung untuk mendapat hak-hak yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Itu dinyatakan oleh seorang pemimpin UMNO. Dan pada masa yang sama, bila saya cakap tentang Gerakan, mengapa apabila kenyataan ini dikeluarkan, takut tolak langsung, tak buat dalam surat khabar. Itu dan pada masa yang sama, di depan orang Melayu, UMNO hentam Kerajaan Pakatan Rakyat anti-Melayu. Di depan Cina pula, Gerakan hentam Kerajaan Pakatan Rakyat anti-Cina. Bukankah ini satu permainan politik perkauman yang sungguh bahaya. Bila kita tengok itu perjuangan UMNO hanya untuk orang Melayu. Perjuangan MCA hanya untuk Cina. MIC hanya untuk India, dan macam Pakatan Rakyat, dia untuk semua, lagi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingat kalau kita *argue* macam ini, memang tak habis lah. Ya. Memang tak habis. Y.B. Dato' Speaker, UMNO ini dia ada lebih dari 3 million, 3 juta ahli. Kalau seorang ahli bercakap walaupun dia peringkat Menteri kah, apa kah, dia bukan melambangkan sikap ataupun polisi UMNO, yang polisi UMNO jelas, kita memang baik-baik dengan semua kaum, kita perjuangkan semua sekali. Jadi kalau nak kata kerana satu atau dua yang bercakap tentang melabelkan orang Cina pendatang, sebagainya, itu pendapat dia, pendirian dia bukan UMNO mengatakan secara dasar sebagai polisi, *oh* orang Cina pendatang, orang ini pendatang dan sebagainya dak, dak kita tak kata macam itu pun. Ini saya ingat Y.A.B. Ketua Menteri kena betulkan pandangan terhadap UMNO ini.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Maksudnya Y.B. Telok Bahang bahawa kenyataan pemimpin yang tertentu itu boleh disifatkan sebagai *recist* sebab Y.B. Telok Bahang memang hendak membawa erti begitu tetapi apakah UMNO yang dikatakan tidak *recist* itu sanggup mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin yang mengeluarkan kenyataan *recist* termasuk akhbar Utusan Malaysia yang juga dimiliki oleh UMNO. Kalau ini apa yang dibuat oleh Utusan Malaysia tidak mewakili pendirian atau pandangan UMNO sepatutnya UMNO perlu mengambil tindakan untuk mengasingkan diri dari pendirian *recist* oleh Utusan Malaysia dan lain-lain pemimpin yang mengeluarkan kenyataan atas kapasiti persendirian kalau Y.B. Telok Bahang bermaksud begitu apakah Y.B. sudah ....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa apa yang dinyatakan amatlah jelas, bahawa semua pun kononnya UMNO, kononnya hendak mempertahankan orang Melayu tetapi bukan hendak mempertahankan orang Melayu tetapi bukan yang mempertahankan orang Melayu, yang hendak mempertahankan ialah kepentingan UMNO Putra sahaja, tengoklah skandal saham dia RM52 billion. Saham yang sepatutnya diberi kepada orang Melayu miskin. Mana saham itu pergi? Lingkup kebas oleh siapa? Pemimpin-pemimpin utama UMNO yang kebas habis. RM52 billion itu bukan jumlah kecil, tentang itu apa yang Y.B. Padang Kota kata itu memang benar, bagi saya habis dahulu, lidah pengarang, lidah rasmi UMNO Utusan Malaysia bukan sahaja sebarkan pandangan-pandangan yang *recist* sampai yang baru ini sampai hendak meraikan tragedi berdarah 13 Mei sebagai satu hari keramat. Ini datang daripada suara rasmi lidah pengarang UMNO, adakah sebuah parti yang bukan *recist* boleh cakap sedemikian meraikan 13 Mei sebagai satu hari keramat di mana begitu ramai rakyat Malaysia yang tidak berdosa dan bersalah dibunuh dan baru-baru ini hendak membakar 1Malaysia yang mengatakan bahawa DAP dan Paderi-paderi Kristian hendak tubuhkan sebuah negara Kristian. Dari mana buktinya datang? Ini tidak pernah berlaku dinafikan oleh semua paderi tetapi ini disiarkan sebagai satu berita benar oleh suara lidah pengarang rasmi daripada UMNO, silakan Y.B. Bayan Lepas.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingat dalam Dewan yang mulia ini, Y.A.B. Ketua Menteri hendak cakap tentang kerajaan punya polisikah, hendak cakap tentang pembangunan, rancangan-rancangan masa hadapan. Saya tidak nampak, Dewan ini dijadikan untuk perbahasan hentam politik, dakyah ini memang betulkan Dewan mana boleh, kita dengar macam itulah jadi saya ingat Y.A.B. Ketua Menteri tuduhan *recist* itu memang rasa pedihlah hati dengar, tetapi kalau *recist* sampai yang dikatakan daripada dahulu wujudnya kemerdekaan kita mesti ada orang Cina orang Melayu ini tidak boleh duduk di kedai kopi sekali ini, sekarang ini orang UMNO boleh duduk dengan orang

DAP, orang UMNO boleh duduk di kedai kopi tidak ada masalah apa, jadi kalau hendak labelkan sampai tahap begitu teruk sangat, saya ingat kita sudah lari daripada apa tujuan yang kita membahaskan sekarang ini, yang kami hendak dengar ialah tentang pembangunan di Pulau Pinang pada masa hadapan.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini memang saya setuju, itulah bila saya sebut tentang agama, tentang isu-isu berkaitan yang timbul persoalan ini ialah daripada Y.B. Telok Bahang, dia yang bangkit dahulu kalau tidak berani hadapi hakikat dan kebenaran jangan usik kalau usik sendiri cari pasal so, di sini saya harap bahawa Y.B. boleh, ini sebagai satu maklum balas dan satu *respond* terhadap Y.B. Bayan Lepas, kalau kita lihat dahulu Utusan Malaysia ataupun UMNO ia memang ada sumbangan pada Negara pada masa kemerdekaan tapi itu dahulu punya hal sudah berubah macam itu parti-parti yang asal, pada asalnya ada sumbangan tetapi sekarang sudah terpesong sudah jauh tersimpang dan jauh menyimpang daripada tujuan asalnya sekarang berjuang untuk apa berjuang untuk rakyat bukan, berjuang untuk dapat wang apa lagi berbilion-bilion, berpuluh-puluh bilion skandal yang saya telah sebutkan tadi tidak dapat dijawab langsung oleh pihak Barisan Nasional so, di sini saya pun tidak mahu panjangkan, tetapi kerana diusik oleh Y.B. Telok Bahang itu barulah saya bangkit dan jawab dan ini memang satu hakikat dan saya harap kalau boleh Y.B. daripada UMNO ini tanyalah Gerakan mengapa label Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat anti Cina kerana kita tambah peruntukan untuk Hal Ehwal Islam, bila kita dilabel anti Melayu telinga pedih, bila kita dilabel anti Cina telinga pun pedih kerana kita tidak pernah anti rakyat kita hanya dari segi perlawanan anti BN tetapi biarlah ianya berdasarkan hujah-hujah yang bernas bukanlah berdasarkan pertambahan peruntukan yang kita beri kepada rakyat ini tidak patut dipolitikkan tetapi mengapa UMNO diam bila perkara ini berlaku memang kerana hendak bermain politik perkauman, mungkin Y.B. Bayan Lepas tidak main politik perkauman seperti yang dimainkan oleh rakan-rakan lain itu sebab kalau begitu saya ingat Y.B. Bayan Lepas pun kena was-waslah kalau tidak nanti pun kena juga.

Y.B. Dato' Speaker, berbalik kepada tindakan Kerajaan Negeri mengenai surcaj air kepada pengguna-pengguna di negeri atau *Water Consumption Surcaj* ia adalah *surcaj* yang diperkenalkan untuk mengurangkan penggunaan air paip secara berlebihan, pendekatan ini bermatlamat untuk menggalakkan isi rumah menggunakan air secara lebih bijak, cas 20% dikenakan setiap bagi setiap 1000 liter penggunaan domestik yang melebihi 35 ribu liter air sebulan, jika penduduk mengurangkan penggunaan air PBAPP tidak perlu menanggung kos pelaburan yang tinggi bagi melaksanakan projek bekalan air mega yang bernilai berbillion ringgit pada masa yang sama kita perlu memupuk budaya menjimatkan penggunaan air untuk memastikan keperluan bekalan air yang mencukupi mengurangkan kos pembangunan infrastruktur dan juga mengamalkan tabiat mesra alam sekitar untuk generasi masa depan, berdasarkan penggunaan domestik rakyat Pulau Pinang sebanyak 290 liter air sehari pada tahun 2010 iaitu yang paling tinggi di Malaysia dan jika ia dibandingkan dengan purata penggunaan air bagi seluruh rakyat Malaysia ialah hanya 202 liter air sehari, Kerajaan Negeri berusaha untuk mencapai purata Malaysia sebanyak 202 liter sehari seorang. Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa GST atau ... tidak akan dikenakan untuk penggunaan air yang kurang daripada 35 ribu liter sebulan ini bermakna jika penggunaan air bagi isi rumah boleh dikurangkan daripada 35 ribu liter sebulan maka untuk *water surcaj* dan juga Government Service Tax (GST) tidak akan dikenakan so, akan dua-dua kali untung, akan dua kali untung GST tidak kena, *Water Conservation Surcaj* pun tidak kena, malangnya kerana keadaan air masih terlalu rendah, maka kalau kita lihat daripada penggunaan perubahan tidak begitu ketara tetapi pada suku pertama tahun 2011 kita telah lihat penggunaan daripada 291 liter seorang setiap hari kepada 286.5 liter seorang setiap hari.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan, *surcaj* kalau ikut istilah memanglah kita fahamlah *additional chargers text of cost excessive sum of prices charge, additional of excessive loads of burden* kita faham tapi yang menjadi masalah sekarang ini kita minta Kerajaan Negeri bila hendak buat *surcaj* itu biar kena pada tempatnya, katalah kalau satu rumah itu ada dua orang dia mungkin guna air sekian banyak, tetapi kalau macam rumah saya, saya ada lima orang anak termasuk yang lain-lain so isi rumah saya mungkin lebih. Jadi penggunaan air untuk rumah saya lebih maknanya tanggungan yang dihadapi oleh ketua isi rumah itu akan meningkat kerana orang di dalam rumah itu lebih. Jadi kalau ada kaedah lain yang boleh memberikan ruang kepada rumah-rumah yang mempunyai isi rumah lebih masih boleh merayu supaya tidak dikenakan *surcaj* maka adalah sikit keadilan di dalam polisi yang hendak dikenakan *surcaj* dan sebagainya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tentulah kita telah banyak kali membincang tentang kaedah-kaedah yang digunakan dan ini yang dilaksanakan oleh PBAPP. Ini adalah cadangan yang dibuat oleh pihak PBAPP tetapi sekiranya Yang Berhormat ada cara lain kita boleh mempertimbangkannya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Cadangan, Maafah saya tidak minta laluan, saya mohon supaya Kerajaan Negeri memberikan satu ruang di mana ada satu borang khas kepada isi rumah yang mempunyai penduduk yang lebih atau wakil-wakil rakyat dan juga ahli NGO lain yang menjadikan premis mereka tempat meraikan beberapa program dan sebagainya boleh merayu kepada PBA tidak dikenakan *surcaj* kerana mereka mempunyai kepentingan awam, terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini saya rasa kita telah kaji sekian lama dan saya telah meminta PBAPP untuk mengkaji lagi tentang amalan yang digunakan oleh negara-negara lain dan itulah model yang telah diberikan oleh PBAPP seperti yang saya sebutkan tadi sekiranya Yang Berhormat ada cadangan yang lain kita sanggup untuk menimbanginya.

Y.B. Dato' Speaker, kalau dibandingkan dengan negeri lain kadar domestik air adalah yang terendah di Malaysia, mengapa kritikan tidak dilemparkan kepada negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional seperti Melaka dan Johor yang telah menaikkan kadar air secara mendadak sehingga kadar air domestik di Melaka adalah melebihi tiga kali ganda kadar domestik air di Pulau Pinang dan di Negeri Johor adalah lebih menakutkan kadar air domestik di Johor adalah enam kali sampai enam kali lebih tinggi daripada kadar air di Pulau Pinang, memang tiga hingga tujuh kali ganda lebih tinggi daripada kadar air di Pulau Pinang. Pulau Pinang tidak naikkan kadar air domestik hanya *surcaj* air untuk mereka yang membazirkan air maka banyak NGO telah kritik Kerajaan Negeri kerana gagal menaikkan kadar air yang lebih tinggi supaya pembaziran air dapat dielakkan yang berlaku kerana kadar air yang terlalu rendah di Pulau Pinang, itu yang saya sebut tadi yang paling rendah di Malaysia. Di sini PBAPP akan melipatkan ganda usaha untuk menggalakkan pengurangan penggunaannya air termasuk di kalangan-kalangan Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keuntungan selepas cukai PBAPP pada tahun 2009 sebanyak RM15 juta walau bagaimanapun pada tahun 2010 keuntungan PBAPP telah naik kepada RM26.13 Juta iaitu kenaikan 76.4% kejayaan ini disebabkan oleh kenaikan keuntungan operasi sebanyak 63%, kenaikan penggunaan oleh pengguna perniagaan sebanyak 9.3% dan penurunan sebanyak 5% dalam perbelanjaan pentadbiran.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai perumahan Kerajaan Negeri bercadang memantapkan pembangunan perumahan mampu milik dengan Penubuhan Perbadanan Perumahan Pulau Pinang sebaik akta ini diwartakan pada 1 Julai tahun ini satu rancangan pembinaan perumahan akan dilancarkan, memandangkan kos tanah dan pembinaan yang begitu tinggi, Kerajaan Negeri akan mengkaji satu cukai atau satu caj tambahan untuk *super condo* yang dibina bagi membina atau bagi menampung pembinaan rumah mampu milik so satu caj tambahan untuk *super condo* ini kita harap sedikit sebanyak dapat membolehkan kita menampung kos pembinaan rumah mampu milik. Mengenai rasuah Y.B. daripada Padang Lalang mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan turut mencontohi Negeri Pulau Pinang.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya hendak minta kalau boleh Y.B. Air Putih tolong pertimbangkan satu mekanisme tentang pampasan kepada rumah-rumah yang diminta keluar oleh pemilik baru atau *owner* dan sebagainya, kerana saya dapati sekarang ini saya ingat rumah-rumah orang kampung yang telah dirobuhkan tidak mendapat pampasan yang sewajarnya ini mungkin Kerajaan Negeri boleh datang dengan satu mekanisme baru untuk menyelesaikan masalah ini .

#### **Y.A.B. Ketua Menteri**

Y.B. Dato' Speaker, memang ini menjadi isu yang penting bagi Kerajaan yang berjiwa rakyat. Oleh kerana kita mahukan keadilan diberikan kepada semua pihak. Bukan sahaja kepada penduduk tetapi juga kepada pemilik tanah. Maka kita cuba mencari satu mekanisme yang berpatutan tapi kadang kala ini kena lihat lokasi di mana penduduk ini tinggal. Oleh itu kita rasa untuk mencapai prinsip keadilan ia mesti disesuaikan mengikut keadilan. Oleh itu sungguh pun kita sedang mencari mekanisme yang paling baik tapi pada masa yang sama kita hendak pastikan bahawa tidak ada mana-mana pihak yang terpinggir dan kalau boleh satu penyelesaian yang baik diperolehi tanpa sebarang kontroversi. Kalau kita lihat rekod selama 3 tahun ini memang tidak boleh dinafikan sepertimana yang dipaparkan oleh setengah-tengah surat khabar seperti Utusan Malaysia bahawa ada beberapa penempatan dihancurkan atau diusir tapi ini tidak berlaku sama sekali. Macam ada beberapa dakwaan Kampung Binjai dan sebagainya telah hancur dan telah diusir keluar tapi sebenarnya masih wujud. Dan tidak ada satu rumah pun terjejas. Ini saya rasa satu permainan yang jahat oleh surat khabar seperti Utusan Malaysia yang langsung bertanggungjawab yang tidak mahu menyiarkan berita benar, hanya berita palsu.

Bagi menangani rasuah, Kerajaan Negeri telah menerapkan prinsip CAT, Cekap, Akauntabiliti dan Telus dalam urus tadbir kerajaan. Langkah ini diikuti dengan sistem tender terbuka dengan penggunaan sistem e-Perolehan dalam proses perolehan Kerajaan Negeri yang membuktikan ketelusan kerajaan dalam proses tawaran tender terbuka dan sebut harga. Tindakan ini telah meringkaskan proses kerja di jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang dahulunya dibuat secara manual dan memberi ruang untuk berlakunya penyelewengan dan ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan sedia ada. Pemilihan syarikat bagi pelaksanaan projek kerajaan melalui sistem e-Perolehan membolehkan hanya syarikat yang mematuhi merit dilantik. Kesemua urusan kelayakan dikendalikan oleh sistem bagi memastikan tiada unsur-unsur rasuah berlaku. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan *Integrity Pact*. Pengakuan dan pengisytiharan untuk tidak menyogok atau mempengaruhi penilaian dan keputusan tender bukan sahaja tertakluk kepada syarikat yang ingin menyertai tender tetapi juga kepada semua pihak yang terlibat dalam proses tender daripada peringkat pembuka, penilai dan pemilihan kontraktor oleh Lembaga Perolehan Negeri.



Y.B. Dato' Speaker, berkaitan dengan lawatan ke luar negeri, kejayaannya boleh dilihat dengan menarik pelaburan RM12.2 bilion pada tahun 2010. Antara syarikat yang telah mengumumkan pelaburan di Pulau Pinang bagi tahun 2010 ialah Advance Micro Devices (AMD) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM768.6 juta, Jabil Circuit dengan jumlah RM2.3 bilion dan Western Digital dengan jumlah pelaburan RM4.3 bilion. Bersama juga dengan B. Braun daripada Germany sebanyak RM1.73 bilion. Selain daripada itu lawatan-lawatan yang disertai juga telah berjaya merapatkan perhubungan dua hala dan menggalakkan perkongsian kemahiran dan sumber manusia di antara Pulau Pinang dan negara-negara yang dilawati. Terbaru satu memorandum persefahaman bagi *Friendship City Status* antara Bandar Taipei dan Pulau Pinang telah ditandatangani pada 28 Mac 2011 di Pejabat Bandar Taipei, Taiwan. *Status Friendship City* ini telah menggalakkan lagi persefahaman perkongsian maklumat mengenai hala tuju pembangunan kedua-dua Bandar. MOU yang sama juga ditandatangani dengan bandar raya-bandar raya di Negara Jepun.

Negeri Pulau Pinang juga telah dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi untuk pelaksanaan program kitar semula dalam sektor *Waste Electrical and Electronic Equipment* serta pengurusan sisa berbahaya industri dengan kerjasama Kerajaan Jepun. Pemindahan teknologi Jepun dalam pengurusan e-Waste akan dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan pemeliharaan kualiti alam sekitar negeri. Selain dari itu, inisiatif *Cleaner, Greener Penang* juga dilancarkan bagi memulihkan kembali keadaan persekitaran bandar raya supaya menjadi bandar raya yang bersih dan hijau serta meningkatkan kualiti hidup penduduk. Inisiatif ini juga turut dirancang hasil daripada pendedahan yang diterima daripada kunjungan ke luar negara.

Laporan hasil lawatan ke luar negara ini turut dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO untuk perhatian dan hala tuju selanjutnya. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat juga, jumlah kos lawatan yang terlibat adalah lebih rendah berbanding dengan lawatan Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Ini kerana Kerajaan Negeri sentiasa mengehadkan jumlah peserta, tempoh lawatan serta menggunakan mod pengangkutan yang paling munasabah untuk memastikan wang rakyat tidak dibazirkan. Kalau kita banding kos perbelanjaan luar negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional dulu kita boleh lihat perbezaan yang amat ketara. Dalam tahun 2006 untuk kos lawatan luar negara, sebanyak RM1,236,000.00 dibelanjakan. Tahun 2007 sebanyak 907,391.00 dibelanjakan.

Di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun pertama sebanyak RM427,632.00 dibelanjakan iaitu separuh daripada jumlah yang dibelanjakan oleh BN pada tahun 2007 dan satu pertiga daripada jumlah yang dibelanjakan pada tahun 2006. Untuk tahun 2009 kita pun mengekalkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM449,005.00 dan saya rasa ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan memang berhemah. Kita tidak bodoh, kita tidak bazirkan wang. Bukan macam BN dulu dia belanja sampai RM1.23 juta tahun 2007, RM907 juta. Di bawah Pakatan Rakyat, kita belanja kurang daripada setengah juta, RM400 ribu lebih sahaja. Dengan RM400 lebih ribu kita berjaya menarik pelaburan yang paling tinggi dalam sejarah Pulau Pinang RM12.2 bilion. saya rasa kita harus menggalakkan lebih banyak lagi kunjungan keluar negeri supaya kita boleh tarik banyak pelaburan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya nak kacau sikit, Y.A.B. Ketua Menteri ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Boleh kacau, tidak apa.

## **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.A.B. Ketua Menteri selalu bercakap dia *claim, false claim actually* dia datang pelaburan. Usaha ini bukan usaha Y.A.B. Ketua Menteri sahaja. Usaha daripada Federal, khususnya MIDA yang bawa banyak pelaburan dan sebagainya. Ketua Pengarah MIDA adalah orang Pulau Pinang, Datuk Jalilah, mungkin itulah dia ada sedikit perasaan istimewa kepada Pulau Pinang dan dia *divert* ke Pulau Pinang..... (gangguan). Apa yang saya tahu, kerajaan dulu memang agresif dalam hal pelaburan ini, pergi ke Amerika untuk menarik pelaburan bukan pergi belanja suka-suka sahaja. Jadi tidak bolehlah kata dulu belanja banyak, sekarang belanja sikit. Kita kena tengok *result* dia hasil daripada lawatan itu yang penting. Hasilnya memang ada had, tapi yang penting ialah hasilnya. Hari ini kita lihat banyak *claim* yang dibuat tidak berapa tepat oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang kenyataan atau maklumat yang saya berikan bukannya palsu. Memang benar iaitu Barisan Nasional belanja RM1.236 juta pada tahun 2007, RM907,000 pada 2007 iaitu 3 kali ganda dan 2 kali ganda lebih besar daripada apa yang Pakatan Rakyat belanjakan dalam 2008 dan 2009. Itu hakikat. Satu lagi hakikat ialah hanya di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, barulah kita lihat Pulau Pinang mencatat pelaburan yang paling tinggi dalam sejarah. Pulau Pinang yang juga pertama kali nombor satu di Malaysia. Itu satu hakikat yang tidak boleh dipertikaikan. Pada masa yang sama kita mengucapkan terima kasih kepada MIDA, mengucapkan terima kasih kepada Dato' Mustapa, kita mengucapkan secara terus terang, di depan Dato' Mustapa pun kita mengucapkan terima kasih, tetapi pada masa yang sama janganlah cuba menafikan sumbangan dan juga peranan penting yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri.

Kalau ini semuanya datang dari Kerajaan BN, mengapakah semasa memerintah selama 51 tahun tidak pernah sekali pun jadi nombor satu di Malaysia?...(tepek meja), dan pada masa yang sama kalau bila kita mencapai jumlah pelaburan yang begitu tinggi sebanyak RM12.2 bilion itu adalah usaha. Itu adalah satu kredit kepada BN. Pada tahun 2009 apabila kita mendapat RM2.1 bilion, kerana keadaan ekonomi dunia yang lembap dan menghadapi krisis kewangan mengapa pada masa itu BN menyatakan itu salah kita. Sebaliknya persalahkan Kerajaan Negeri tidak tahu buat kerja, tidak ada pengalaman. Tetapi bila sekarang jumlah pelaburan naik oh semuanya yang hendak sapu itu kredit. Itulah kadang-kadang itu bukan 1Malaysia tapi Sapu Malaysia.

Berkenaan dengan pelanjutan tempoh persidangan DUN yang dicadangkan oleh Y.B. Pantai Jerejak, ia telah terbukti dalam sesi ini yang akan ditambahkan sehari boleh dilanjutkan kalau perlu. Perancangan bagi mengadakan persidangan DUN sudah tentu memfokuskan kepada perkara utama dan penting yang perlu dibentangkan seperti Pembentangan Bajet Tahunan dan Rang Undang-undang. Cadangan ini akan dipertimbangkan serta bergantung kepada keperluan pada ketika persidangan selaras dengan Perkara 6A Masa Persidangan sebagaimana yang termaktub di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Mengenai penambahan laut di hadapan Queensbay seluas 100 ekar oleh Boustead, Kerajaan Negeri telah menetapkan pihak pemaju berkenaan hendaklah mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal bagi kerja-kerja penambahan tersebut serta kesan alam sekitar. Syarat-syarat ini telah ditetapkan oleh MPPP kepada pemaju dalam kelulusan perancangan khususnya yang berkaitan masalah mendapan lumpur di kawasan pantai.

Projek ini adalah bentuk pampasan kepada Boustead untuk menurunkan ketinggian bangunan daripada 12 tingkat kepada lima tingkat dalam kawasan warisan

UNESCO. Pada awalnya Boustead menuntut lebih RM60 juta, tetapi setuju mengurangkannya kepada RM20 juta dengan syarat mendapat projek ini selepas rundingan dan penilaian juruukur bebas di mana MPPP tidak perlu bayar apa-apa dan pembayaran adalah menerusi projek ini.

Pemaju sememangnya disyaratkan untuk menyediakan laporan EIA yang lengkap merangkumi syarat-syarat yang ketat yang perlu dipatuhi sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Pemaju juga perlu mengambil langkah-langkah *mitigasi* bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul dari segi mendakkan serta aspek-aspek alam sekitar yang lain.

Mengenai Tabung Amanah Pilihan Raya bagi memantau penggunaan dana politik semasa bertanding dalam pilihan raya, ia perlu dilihat dari segi aspek perundangan terutamanya yang berkaitan dengan Akta Pilihan Raya 1958 dan lain-lain perundangan yang berkaitan. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan lebih sesuai mengendalikan dengan sumber kewangan yang lebih besar.

Di samping itu, kaedah pengurusan tabung tersebut perlu ditentukan supaya ianya bukan sahaja tidak disalahgunakan tetapi juga digunakan bagi tujuan asal penubuhannya sahaja. Ini termasuk sumber peruntukan, kaedah pengeluaran, jumlah yang akan dibenarkan termasuk jumlah yang diperlukan dan lain-lain kaedah yang berkaitan. Oleh itu, cadangan ini perlu diperhalusi bagi memastikan pelaksanaannya kelak adalah selaras serta mematuhi segala keperluan undang-undang.

Mengenai belanjawan khas untuk DUN diletakkan secara berasingan daripada bajet di bawah PSUK dan dipantau oleh Audit Negara, Unit DUN sememangnya adalah satu *entity* khas yang diletakkan di bawah Pejabat SUK iaitu di bawah Aktiviti 034 dan mempunyai belanjawan khas baginya. Peruntukan yang disediakan dalam tahun 2011 untuk aktiviti 034 Dewan Undangan Negeri khususnya ialah sebanyak RM14.5 juta.

Potongan ini adalah sebahagian iaitu sebanyak 14 peratus daripada 14.15 peratus daripada keseluruhan peruntukan mengurus di bawah Pejabat SUK bagi tahun 2011 yang berjumlah RM102,483,490. Peruntukan mengurus bagi semua jabatan negeri adalah dibahaskan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan dipantau prestasi pengurusan kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Walau bagaimanapun sekiranya perlu untuk memastikan hasrat Dewan Undangan Negeri dilihat sebagai satu badan bebas pindaan yang seterusnya harus dilakukan di peringkat Persekutuan. Mengenai berkenaan pemberian kemudahan kredit kepada peniaga kecil Program Titian Saksama Rakyat oleh Kerajaan Negeri melalui kerjasama PDC (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak ( Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih kerana Ketua Menteri menjawab banyak soalan yang saya tunggukan, saya bertentang dengan apa isu yang dibangkitkan oleh saya dan dibangkitkan dan dijawab oleh Ketua Menteri. Saya ingin penjelasan yang lanjutan pertama adalah tentang DUN, hari DUN *sitting* saya kami daripada *back benchers* dan ADUN-ADUN kami berpendapat bahawa kalau boleh kita jangan *rush* terlalu sehingga lanjut sampai malam untuk sidang DUN, kalau boleh adakan *quality time*, maksudnya kalau boleh kita sampai pukul 5, tetapi dilanjutkan hari dan juga boleh masa-masa untuk soalan ditambahkan daripada tiga jam ke lebih, kerana ini adalah satu mengejutkan bahawa kita lebih *transparent* dan *accountable*.

Kedua adalah isu berkenaan *aspect* tambakan di Queensbay, saya kalau boleh Kerajaan Negeri memberi satu taklimat kepada saya, supaya kita tahu saya boleh jawab kepada penduduk-penduduk di kawasan saya. Ketiga adalah tentang Tabung Amanah Pilihan Raya, kita tahu bahawa Barisan Nasional tidak akan buat, kerana mereka ini adalah yang *depressive*, dia tidak ingin menunjukkan satu *free and fair election*, kita tahu

semua ni, mereka cuba mainkan, mereka cuba menggunakan SPRM tipu dan sebagainya dan kita tahu dan juga dari segi kawasan tidak adil kerana dulu Pakatan Rakyat dapat 49 peratus undi keseluruhan di Negara tetapi kita tahu hanya kita berjaya di *tiny 2/3 majority*. Jadi *level play field* memang tidak cukup dan kita perlu ada satu mekanisme di mana kita kena labelkan satu *playing field* untuk *two party system*, untuk menjayakan *two party system* di Negara kita.

Jadi untuk menerajui memimpin arus perubahan Pakatan Rakyat di negeri Pulau Pinang haruslah mengambil *take a big step forward* untuk mewujudkan satu *free and fair election* iaitu melalui *state funded election* supaya kita adakan mekanisme dari segi *funding* dari segi *level play field* itu untuk menjayakan *free and fair election*. Untuk isu DUN dan *independent* of Dewan, saya rasa dari segi ini Negeri Selangor lebih ke depan, mereka sudah berjaya adakan DUN yang lebih *independent* di mana di bawah Speaker Dewan Y.B Teng Chang Kim ada bajet sendiri untuk menguruskan bajet sendiri saya, harap Negeri Pulau Pinang juga akan mencontohi mereka, terima Kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pantai Jerejak, saya rasa apa yang dinyatakan tentang proses pilihan raya yang tidak bebas dan tidak adil memang benar, tapi seperti yang dinyatakan oleh Penasihat Undang-undang ia adalah di bawah peringkat Persekutuan dan tentunya kita harus halusinya dengan terperinci supaya kita tidak menyalahi peruntukan Persekutuan dan kalau perlu kita sedia untuk rujuk ke Mahkamah seperti yang kita buat beri isu lain.

Tentang itu isu penambahan hari dan juga soalan masa soalan dapat dilanjutkan saya itu terpulang kepada Dewan iaitu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Speaker akan menentukannya, untuk diputuskan oleh Dewan yang mulia ini dan tidak seharusnya datang daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan kebebasan dan integriti Dewan dapat dipelihara. Tentang itu projek tambakkan laut kita akan berikan taklimat sebaik sahaja perjanjian dapat dimuktamadkan, sehingga sekarang ia masih menunggu untuk dimuktamadkan di bawah Yang Berhormat dari Padang Kota dan saya pasti dia akan aturkan taklimat ini sewajarnya selepas ia dapat dimuktamadkan

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak ( Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Penjelasan. Y.A.B. Ketua Menteri saya terima kasih Y.B. Dato' Speaker dan juga saya ingin tahu cadangan saya untuk Tabung Amanah Pilihan Raya adalah untuk mengadakan satu Tabung Amanah seperti banyak Tabung Amanah yang kita sediakan dia akan diurus oleh panel-panel *independent* atau direktorinya *independent* di mana kita boleh adakah *auditor* yang *independent* untuk *check* semua akaun-akaun. Jadi ini adalah di luar kuasa daripada Pusat ini boleh ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk adakan satu *free and fair election level* dan *playing field* cadangan saya, saya harap saya akan *propose* pada Ketua Menteri, saya akan hantar *proposal* saya supaya ditelusi untuk tentang isu ini. Terima Kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik, untuk memastikan *free and fair election* di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah tugas dan juga tanggungjawab dan juga kuasa telah pun diberikan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, memang perkara ini dapat dihalusi sebelum kita dapat membuat apa-apa tindakan seterusnya. Tetapi walau macam mana pun Kerajaan Negeri sedia menimbang apa-apa cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak.

Tentang Titian Saksama Rakyat oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC telah pun dilaksanakan pada tahun 2009 dengan jumlah peruntukan RM3 juta. Program

ini sememangnya bertujuan untuk memberikan pinjaman mikro kredit kepada golongan sasaran seperti peniaga kecil, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Setakat April 2011 sejumlah RM1.473 juta telah dibelanjakan dengan jumlah kutipan bayaran balik berjumlah RM614,516.00 seramai 400 orang penjaja dan penjaja kecil dari semua daerah telah mendapat manfaat daripada projek pinjaman tanpa faedah ini bagi pembiayaan perniagaan mereka.

Mengenai pembinaan Pusat Giat MARA permohonan ini melibatkan lot 24087, Mukim 3 Daerah SPU. Seluas 5.256 ekar. Permohonan ini dibuat oleh Pengarah MARA Negeri Pulau Pinang dan telah diluluskan oleh AMK pada 14hb. Januari 2009 dan diwartakan pada seksyen 8 pada Februari 2009 melalui warta no 13. Proses pengambilan balik dan kertas siasatan bagi menentukan bayaran pampasan telah diadakan pada 19hb. Mei 2009 tawaran pampasan telah dikeluarkan pada 16hb. Julai 2009 berjumlah RM2.6 juta. Walau bagaimanapun pihak MARA telah gagal membuat pampasan seperti mana yang dikemukakan tempoh penguatkuasaan bagi pewartaan bagi pengambilan ini selama 2 tahun telah pun luput pada 14hb. Januari 2011. Memandangkan tempoh sah gazet sudah pun tamat maka pengambilan ini tidak boleh diteruskan lagi dan dianggap batal dengan sendiri.

Sekiranya pihak MARA berminat untuk pengambilan semula tanah ini maka permohonan semula perlu lah dibuat dan proses mengikut tatacara yang termaktub dalam proses pengambilan tanah perlu dilakukan semula. Mengenai soalan tentang perkhidmatan Wi-Fi penawaran secara tender terbuka telah pun diadakan, saya sukacita Kerajaan Negeri memaklumkan Syarikat Red Tone International sebuah syarikat bursa Malaysia telah menawarkan 750 Wi-Fi *hotspot* secara percuma. Hanya Syarikat Bursa Malaysia dipilih supaya ada kepastian yang lebih dan keyakinan bahawa janji perkhidmatan akan ditunaikan. Kerja-kerja pemasangan 750 Wi-Fi *hotspot* ini telah pun disiapkan dan sedang beroperasi. Oleh kerana Kerajaan Negeri tidak bayar satu sen pun untuk pemasangan 750 Wi-Fi *hotspot* yang pertama maka Kerajaan Negeri tidak dapat memaksa lokasi ia dipasang, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik Syarikat Red Tone International untuk memasang tambahan 750 Wi-Fi *hotspot* lagi dengan kos RM8.5 juta pada ketika ini yang masih pada peringkat rundingan. Kerajaan Negeri telah mewajibkan semua KADUN termasuk daripada pembangkang mestilah dipasang sekurang-kurangnya 10 Wi-Fi *hotspot* percuma. Ini membuktikan Kerajaan Pakatan Rakyat adalah kerajaan yang berjiwa rakyat maka Wi-Fi *hotspot* percuma adalah untuk semua rakyat termasuk di kawasan pembangkang. Dengan kata lain ia akan menjadikan keseluruhan Wi-Fi hotspot percuma kepada rakyat Pulau Pinang ditambah kepada 1,500.

Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan tawaran lain daripada Syarikat Bursa Malaysia sekiranya ada untuk menawarkan perkhidmatan tersebut dengan syarat bahawa syarikat perkhidmatan berkenaan perlu menyediakan kemudahan 750 Wi-Fi *hotspot* secara percuma terdahulu sebelum layak dipertimbangkan untuk memasang tambahan Wi-Fi *hotspot* dilakukan secara bayaran oleh Kerajaan Negeri. So di sini memang ada tender terbuka... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang( Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya)**

Terima Kasih. Ketua Menteri kata tender terbuka *its okay* kita terima tapi saya nak tahu keadaan Wi-Fi percuma ini saya dapat rungutan daripada orang ramai dan bahawa masih lagi kurang berkesan dari segi perlaksanaan jadi saya minta supaya dipercepatkan dan jangka masa 5 tahun dan peruntukan RM8.49 million nak belanja untuk 5 tahun terlalu lama sangat, yang mana kita nak *cover* seluruh negeri dalam masa 5 tahun terlalu lama sangat, jadi saya nak dipercepatkan supaya dalam kampung pun dapat sekarang tak ada.

## **Y.A.B. Ketua Menteri**

Yang kita bukan 5 tahun bukan dipasang, tempoh perkhidmatan adalah 5 tahun, tapi kita harap dapat dipasang dalam 15 bulan tapi *service* nya kita telah tetapkan ialah untuk selama 15 tahun, *sorry* 5 tahun, pemasangan siap dalam tempoh 15 bulan dan seperti yang saya sebut tadi. Itu yang saya kena datang nanti kemudian Yang Berhormat cepat sedikit *a bit premature there but ill come to it later, ...*(dengan izin).

Mengenai isu kebolehcapaian Wi-Fi, iaitu *international* pada masa ini sedang meneliti kaedah pengujian kebolehcapaian kemudahan Wi-Fi bagi memastikan kebolehcapaian dalam jarak yang ditentukan. Satu *Service Level Agreement* (SLA) akan ditandatangani untuk memastikan mutu penerimaan dan liputan adalah menemui piawai dan mencapai tahap yang ditetapkan. Ini adalah kali pertama satu SLA di buat di Malaysia yang akan diumumkan apabila perjanjian mentakhirkan dan diputuskan nanti. So tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Telok Bahang memang kita akan pastikan kalau boleh kita nak habis esok, tapi kita akan tetapkan tempohnya dalam masa 15 bulan supaya 750 ini boleh dipasang, sebelum ini mereka mengambil masa hampir 2 tahun lebih, 2 tahun setengah untuk pasang 750 Wi-Fi *hotspot* yang pertama. Tetapi ini kerana mereka buat secara percuma, jadi kita tidak boleh paksa mereka. Bayaran dibuat oleh Kerajaan Negeri dan PDC, ini adalah bersama dengan PDC, maka kita boleh memaksa mereka untuk buat bukan dalam masa 30 bulan, tetapi dalam masa 15 bulan.

Seperti yang saya sebutkan, ini adalah secara tender terbuka, syarat utama, *pre qualification* ialah mesti sediakan 750 Wi-Fi *hotspot* percuma dulu, lepas ini baru boleh layak untuk dipertimbangkan mendapat bayaran daripada Kerajaan Negeri untuk tambahan lagi 750 Wi-Fi *hotspot*. Y.B. Seberang Jaya dia sudah untung, kawasan utama yang kita pasang di Seberang Perai ialah Kawasan Y.B. Seberang Jaya. macam mana kita sayang dan jaga Y.B. Seberang Jaya Arif Shah, tetapi budi tidak dikenang, sebaliknya diperkotak-katikkan lagi.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai peruntukan pula, sebelum kita pergi kepada peruntukan kepada Georgetown World Heritage Incorporated, saya pun ingin sebut tentang satu isu tanah iaitu projek MTP Properties iaitu isu sekolah. Tapak lot 726 sebanyak seluas 6 ekar yang dikatakan tidak membina sekolah. Saya telah mendapat sepucuk surat di sini daripada Kementerian Persekutuan yang menyatakan mereka tiada halangan untuk tapak sekolah ini dibina sekolah antarabangsa. Ini datang daripada Kementerian Persekutuan iaitu Jabatan Pelajaran Pulau Pinang. Oleh itu, atas surat tanpa halangan daripada Jabatan Pelajaran Pulau Pinang, maka kelulusan diberikan oleh MPPP. Ini adalah semakan daripada MPPP.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih dan saya fahamlah peraturan diikuti, merujuk kepada jawapan daripada Jabatan Pelajaran yang memberi kelulusan. Yang saya hairannya satu, MPPP, sepatutnya dia tahu, setiap pembangunan mesti ada lokasi untuk sekolah, ini pula pembangunan yang begitu besar di Air Puteh, dekat 200 ekar dan memang patut diperuntukkan tapak itu untuk sekolah kerajaan. Kedua, saya pun hairan dengan Jabatan Pendidikan itu sendiri kenapa surat dalam masa 4 hari sahaja dia *respond*, kata tidak ada halangan. Saya hendak tahu sama ada perkara ini telah dirujuk kepada peringkat Pengarah itu sendiri dan pihak Pengarah itu telah merujuk kepada Pusat. Saya rasa ada yang tidak kena di sini, saya harap pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk mengganti tapak 4 ekar itu di kawasan yang sama. Kita perlu sangat tapak itu untuk menggantikan sekolah St. George, itu sekolah saya dulu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kita cakap dulu dari segi prosedur. Biar saya habiskan dulu. Saya tidak tahu mengenai prosedur yang telah diurus oleh MPPP sehingga ianya dibangkitkan dan apabila ianya dibangkit saya telah meminta MPPP membuat satu siasatan dan laporan. Bukan sahaja daripada MPPP tetapi juga dari Pejabat Tanah dan Galian dan jawapan yang diberikan adalah mereka mengikut prosedur. Jadi dari segi proses, jabatan kerajaan ataupun MPPP tidak menyalahi apa-apa peraturan, mereka mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Tapak ini sebenarnya untuk sekolah, betul, tetapi mereka telah mendapat surat pelepasan daripada Jabatan Pelajaran, sebab itu boleh diluluskan. Tetapi selepas itu, saya pun, seperti yang kita selalu sebutkan bahawa perlu ada tapak sekolah untuk projek yang begitu luas. Saya juga telah mengambil inisiatif untuk bertanya mengapa tidak ada tapak untuk tujuan demikian, kerana kita mahu sekolah di situ. Pihak pemaju juga telah menulis surat kepada pihak Kerajaan Negeri bahawa mereka bersedia untuk memberikan satu tapak sekolah selepas projek mereka siap, ini sebagai satu tapak tambahan oleh pihak pemaju.

Dengan ini kita berharap perkara ini apabila siap, di sini ada satu surat rasmi daripada pihak pemaju bahawa mereka akan memberikan satu tapak tanah untuk sekolah...(gangguan). Nanti saya habiskan dulu, bila habis saya akan berikan, jangan bimbang. Di sini sungguhpun dari segi peraturan telah pun dipenuhi oleh jabatan, kalau Yang Berhormat hendak tanya mengapa ianya diluluskan ini di luar bidang kuasa saya kerana ini perlu ditanya kepada Kementerian Persekutuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dan berusaha dan pihak pemaju telah bersetuju untuk memberi satu tapak sekolah apabila projek mereka siap.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Penjelasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, sila. Saya kena bagi kepada EXCO dulu.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Mengikut prosedur dan atur cara OSC, mana-mana agensi yang dipelawa untuk memberi ulasan perlu dibuat dalam masa 21 hari, itu memang prosedur OSC yang ditetapkan oleh JPKT. Jadi kalau saya dapat pastikan dalam masa 4 hari jabatan ini membuat ulasan, memang baguslah kerana itu memang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian. Memang MPPP dalam kes ini atau dalam mana-mana kes kepada agensi luar memang tulis kepada Pengarah, tetapi siapa yang membalas surat itu, terpulung kepada jabatan berkenaan. Y.B. Bayan Lepas pun setuju dengan atur cara ini.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, terima kasih. Saya jawab dahulu, sila duduk. Saya memang setuju dengan Y.B. Padang Kota, kita boleh lihat selepas kerajaan baru mengambil alih tampuk pemerintahan, kita telah membawa atau mengorak satu perubahan, satu *reinvention of the government*, ...(dengan izin), *reinventing the government* di mana pelancaran atau tugas kerja dijalankan dengan lebih baik. Di sini kalau kita melihat, dalam masa empat hari, saya tidak tahu mengapa Y.B. Telok Bahang pula mempertikaikan keputusan ini, sepatutnya menganggap ini adalah satu kemajuan kerana telah menunjukkan bahawa jabatan Kerajaan Negeri efisien, beliau sebaliknya menimbulkan syak wasangka. Mungkin ini adalah untuk maklum balas dan pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat,

bahawa sekarang semua jabatan perlu memenuhi bidang kuasa dan juga tugas kerja yang ditetapkan, menepati *guideline* dan KPI. Kita boleh melihat bahawa impak ini telah merangkumi ke beberapa jabatan Persekutuan. Tetapi tentulah ada sesetengah jabatan Persekutuan yang masih mahu ikut cara lama, sebab itu mereka agak mundur sedikit. Boleh beri kepada Yang Berhormat pemangku Ketua Pembangkang dulu tidak?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Saya sebutkan tadi bahawa saya tidak pertikaikan keputusan, walau bagaimanapun saya was-was sahaja, tak mengapalah tu, saya terima. Saya sebenarnya menyokong kalau hendak dibina sekolah internasional di situ. Yang saya pertikaikan kenapa dalam jawapan pihak jabatan kerajaan, biasanya yang saya tahu, mengikut pengalaman saya dahulu, bila hendak setuju tapak ini diberi kepada orang lain, mesti ada tapak ganti, disebut secara spesifik ianya mesti ada tapak ganti. Saya berterima kasih lah kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah berusaha untuk mendapatkan tapak ganti.....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapak tambahan bukan ganti.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Tapak tambahan, tetapi *timing* yang penting kerana Sekolah St. George ini akan diambil balik pada tahun 2016.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sekolah apa?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sekolah Menengah St. George, sekolah saya dulu, sekolah rendah pun sekolah saya, sekolah menengah pun sekolah saya juga dan ianya akan diambil balik oleh Chatholic Church pada tahun 2016.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sekolah Speaker juga...(ketawa). Jangan lupa *mention*, sekolah rendah.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Jadi kita sama-sama ada *interest* di situ. Y.A.B. Ketua Menteri, *the timing is very important* Y.A.B. Ketua Menteri, kita perlu segerakan kerana ia memakan masa lebih kurang 3 tahun sebelum kita hendak binakan sekolah di situ.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kalau kita bercakap isu tanah, kita boleh bincang. Kita sedia berbincang untuk kepentingan pendidikan. Selama ini Kerajaan Negeri tidak mahu politikkan isu pendidikan dan Y.B. Bayan Lepas boleh sahkan bahawa ketika beliau mencari saya mengenai isu pendidikan, pihak Kerajaan Negeri memberikan kerjasama yang penuh, betul tidak? Itu tidak menjadi isu, kalau Y.B. Telok Bahang atau mana-mana pihak sedia berjumpa dengan Kerajaan Negeri kita bersedia memberikan bantuan yang sewajarnya. Termasuk juga dengan Y.B. Dato' Speaker, kalau apa-apa saya kena runding dengan Y.B. Dato' Speaker kerana ini *alma mater* dia.



Tentang Georgetown World Heritage Incorporated, sebanyak RM2.65 juta telah diperuntukkan dan daripada peruntukan ini sejumlah RM1.15 juta adalah peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan projek seperti *Intergrated System*, menaik taraf Pusat Sumber GTWHI dan Interactive Georgetown Digital Muda. Manakala RM1.5 juta adalah peruntukan bagi perbelanjaan mengurus yang disalurkan melalui Akaun Amanah Pusat Warisan kepada GTWHI bagi menampung perbelanjaan program-program GTWHI.

Y.B. Dato' Speaker, Pulau Pinang telah membuktikan kecemerlangannya dalam pelbagai sektor sama ada di bidang ekonomi mahupun sosial yang telah membawa perkembangan pesat ke atas penempatan penduduk dan perbandaran. Prestasi cemerlang ini terbukti pada tahun 2010 apabila Pulau Pinang menjadi jaguh pelaburan di Malaysia dengan RM12.24 bilion, satu pencapaian yang tidak pernah dicatat dalam sejarah Pulau Pinang. Di samping itu Pulau Pinang juga menjadi nombor satu dalam menurunkan kadar indeks jenayah sebanyak 27%, nombor satu dalam pertumbuhan penumpang di Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak 25% jauh mendahului nombor dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, nombor satu dalam inisiatif hijau seperti mengurangkan penggunaan beg plastik setiap hari, nombor satu dalam pelancongan perubatan dengan lebih 60% daripada penerimaan ataupun *receipt* Malaysia datangnya daripada Pulau Pinang, nombor satu dalam urus tadbir kewangan Kerajaan Negeri yang paling baik dalam Malaysia dan juga nombor satu Kerajaan Negeri yang paling bersih dan mencegah rasuah dengan sistem tender terbuka.

Demi meneruskan kemajuan dan pencapaian ini, Kerajaan Negeri telah merangka Penang Blueprint 2011-2015 untuk menggariskan rancangan pelan induk perindustrian untuk 5 tahun. Akan tetapi apabila Kerajaan Negeri dijemput oleh Kerajaan Persekutuan untuk merangka Greater Penang Masterplan secara bersama, Kerajaan Negeri telah menyambut hasrat Y.A.B. Perdana Menteri dengan menyetujui Penang Blueprint ini. Lantaran itu satu kajian akan dijalankan oleh sebuah jawatankuasa bersama, yang dianggotai oleh Kerajaan Negeri, badan pelaksanaan Koridor Utara ataupun NCIA, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Pemandu dan Khazanah Nasional Berhad yang bertujuan meningkatkan pelaburan ini di Pulau Pinang.

Seterusnya jawatankuasa ini akan membuat laporan kepada Majlis Ekonomi Negara mengenai hasil kajian berkenaan. Prestasi baik yang dicapai Negeri Pulau Pinang diakui umum sehingga mendapat perhatian pelabur di dalam dan di luar negeri. Baru-baru ini sebuah syarikat pembinaan besar di Negara Cina yang telah membangunkan sebuah Stadium Olimpik Sarang Burung atau Bird Nest Stadium di Beijing telah pun menunjukkan minat untuk membina terowong sebagai langkah jangka masa panjang untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan kepulauan dan juga mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan di antara Seberang Perai dan kawasan pulau. Sekiranya diterjemahkan, terowong ini akan menjadi laluan ketiga yang akan memastikan kemajuan dan pembangunan ekonomi bukan sahaja di kawasan kepulauan tetapi juga di Seberang Perai untuk sekurang-kurangnya 20 tahun. Hasrat .... (ganguan).

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Penjelasan. Apakah ia akan menjadi kesan kepada impak lalu lintas di kawasan apabila berlakunya begitu banyak laluan pergi balik. Adakah ianya telah dilakukan satu kajian yang menyeluruh terutamanya di peringkat pulau supaya tidak menjadi tempat kesesakan lalu lintas dan kegagalan mengawal lalu lintas dengan baik.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah usaha untuk menyuraikan kesesakan lalu lintas kerana kalau ianya terjadi, saya pun tidak pasti dan tidak boleh beri jaminan 100% ia akan terlaksana tetapi kita hendak cuba. *As I said we prefer to fail trying than*

*fail to try, ...*(dengan izin). Biar saya habiskan dulu. Kalau saya tidak jaga dia nanti tidak arif pula, saya akan arif dan adil. Untuk terowong itu, sekiranya terlaksana, ia akan memberikan satu lagi laluan dan tidak akan membuat kedua-dua jambatan. sebagai satu *bottel-neck*. Kerana kita ada di bahagian tengah. Kita pun ada di bahagian Selatan. Bahagian tengah untuk serviskan SPT. Bahagian Selatan untuk serviskan SPS. Kalau ada satu laluan di bahagian utara, ini boleh serviskan SPU. Dan juga sama-sama membawa pembangunan kepada kawasan SPU. Apabila laluan ini terlaksana, maka apabila ia timbul bukan mendarat, kerana ia terowong, ia muncul trafik ini bolehlah ditunjukkan kepada Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Kerana ia mesti kalau ada terowong ini mesti sambung terus dengan satu lagi sistem jalan, baik di bawah tanah ataupun di atas tanah terus ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu.

Itu daripada Bagan Ajam terus kepada Jalan Gurney Drive, Jalan Kelawai, Jalan Pangkor lepas itu Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu. Ini ialah untuk menyelesaikan kesesakan trafik. Tentu ada setengah pihak yang nyatakan kita harus memberikan penekanan kepada pengangkutan awam. Ini kita memang setuju tapi yang sedia dimaklumkan oleh Y.B. Seberang Jaya, pengangkutan awam bukanlah di bawah kuasa Kerajaan Negeri tetapi di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. So kita tidak ada peranan yang sewajarnya yang kita boleh mainkan. Malah bila KN nak tubuhkan atau tidak ada tubuhkan tapi nak gerakkan Syarikat Bas yg dimiliki oleh MPPP kita tidak dapat lesen daripada masa itu RKPP sekarang *spare* KP tak luluskan lesen kepada Kerajaan Negeri ataupun MPPP untuk jalankan operasi pengangkutan bas. Oleh demikian kita amat sukar untuk memastikan kita ada satu sistem pengangkutan awam yang berkesan tapi kita tak boleh duduk di tepi tanpa berbuat apa-apa. Kita mesti juga berusaha untuk menambah lagi satu alternatif untuk jalan tersebut. Macam alternatif yang kita bagi untuk Jalan Bagan ke Jalan Siram, sungguhpun mungkin UMNO tidak bersetuju, tapi saya rasa Y.B. Seberang Jaya bersetuju kerana ini membawa banyak kemudahan kepada rakyat di kawasan itu, termasuk di Seberang Jaya. Saya tahu ada demonstrasi oleh UMNO.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Jalan itu tidak ada *connection*. Dia tidak memberikan apa-apa impak, hanya memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk kawasan Bagan. *Its okay*, kita tak ada masalah tapi bagi Seberang Jaya kita masih hendak tol BKA itu sebab tidak kena apa-apa *charges*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya memang bersetuju. Saya berharap Y.B. daripada Seberang Jaya boleh sampaikan kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri telah tulis surat kepada Kerajaan Persekutuan. Mereka tidak mahu kerana ini bukan bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. So kita tulis surat, jawapannya tidak dibenarkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi kalau Kerajaan Negeri bagi *package* pembayaran balik dengan RM230 juta ke, berapa juta ke? Dan terus boleh beri percuma.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau Y.B. Seberang Jaya boleh pinjam wang itu, bagi pihak kita tidak ada masalah.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Itu janji pilihan raya daripada Kerajaan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bukan janji pilihan raya. Janji pilihan raya kalau kita jadi Kerajaan Persekutuan, kita akan lakukan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tak ada sebut pun janji Kerajaan Persekutuan tidak disebut. Yang saya minta pada Padang Kota itu hari ialah *alternative parallel*. Sorry Bagan Jermal.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apa saya jawab, kita telah minta, kita akan usahakan tapi tidak dipersetujui, oleh kerana tidak dipersetujui jadi kita fikir okey, kita bagi lagi satu jalan alternator secara percuma kerana sebelum ini ialah tidak alternator, jadi bila kita buat jalan percuma itu ditentang sekuat-kuatnya oleh kuncu-kuncu, mungkin bukan orang Y.B. Seberang Jaya lah. Ini kuncu-kuncu UMNO yang tidak mahu kita buat itu jalan percuma.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Bukan. Yang UMNO bantah itu kerana dia kata Yang Berhormat Dr. Teng *misleading* kerana dah ada jalan itu, dah tak payah, menyelesaikan terus masalah pembayaran tol, *misleading*, jalan di bina, dia tidak ada kena mengena dengan hendak menghapuskan...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Buat demonstrasi. So saya di sini macam jalan itu, tadi cakap tiada pengangkutan awam kita tidak ada kuasa kerana kita tidak boleh buat apa-apa, ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sama juga dengan tol, tol itu di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kalau kita jadi Kerajaan Persekutuan akan hapuskannya senang sahaja. Tapi kalau kita tidak jadi Kerajaan Persekutuan, kita pun tidak akan berdiri di tepi pun tidak buat apa-apa, kita berusaha berikan satu alternatif dan saya rasa alternatif ini disambut dengan baik oleh semua termasuk oleh penyokong-penyokong Yang Berhormat di Seberang Jaya. Memang ada penduduk di Seberang Jaya cakap, sungguhpun saya orang Arif Shah tetapi saya setuju dengan jalan ini yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan kalau Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak ada hubungan secara langsung *direct connection* boleh berikan cadangan, tidak ada masalah. Macam mana kita boleh hubungkan secara langsung, *how to we connect it directly*, tetapi sekurang-kurangnya ini adalah satu langkah pertama yang betul yang saya rasa harus disokong dan disambut oleh seorang wakil rakyat yang prihatin tentang masalah rakyat, tolong sampaikan sekarang, sekarang rakyat boleh berjimat, sebelum ini tidak boleh jimat, sekarang boleh jimat, betul tak? Akui tak Y.B. Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi tidak menyelesaikan masalah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Dia bukan, tapi boleh jimat tak? Boleh jimat tak?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Untuk kawasan sana sajalah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Bukan, lain-lain boleh.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kalau hendak selesaikan di Jalan Bagan 29 itu, saya mohon supaya di penaikan jalan yang dekat dengan Bagan, barulah ada gunanya....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat ini ialah langkah yang seterusnya, Yang Berhormat boleh bincang dengan Y.B. Bagan Jermal dengan cadangan ini. Ini tentang jalan yang spesifiknya, kedua-dua Yang Berhormat lagi pakar, kedua-dua Yang Berhormat tahu tentang kontrak jalan dan sebagainya, tapi yang saya hendak sebut di sini, setuju atau tidak bahawa jalan alternatif ini akan meringankan beban pengguna kenderaan, kerana seperti Yang Berhormat sebut sebelum ini, kena bayar, sekarang tak perlu bayar. Setuju tak? Bukan ini adalah satu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tapi laluan itu tidak perlu....(gangguan). Laluan itu tidak perlu digunakan pun. Tak pernah bayar pun, dari dulu pun tak pernah bayar, cuma sekarang ini buat biar dia laju sikit, yang tu saja, sebab laluan dia *totally* jauh daripadanya. Tadi cerita tentang pengangkutan saya tadi...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Jangan, jangan lari dulu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tak, tak, nak bagi tahu tentang terowong itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Habiskan isu ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sebab apa, saya hendak tanya sebab apa *traffic assessment* itu *impact traffic assessment*, pasal apa, apabila berlaku di terowong adakah Kerajaan Negeri sudah sedia dengan sistem transit monorel dan juga dengan *high great train system* dan sebagainya supaya memberi satu tambahan yang tidak payah pun menunggu kelulusan daripada Kerajaan Pusat. Jadi kita hendak menambahkan lagi *public system traffic* yang ada, itu saja yang saya mohon.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Baik-baik, saya rasa Yang Berhormat cuba lari daripada pertanyaan saya tadi, iaitu sama ada setuju atau tidak bahawa macam mana pun dipertikaikan, pembukaan jalan ini adalah satu pembaikan, *that is definite improvement* dan membolehkan rakyat

jimatkan wang. Kalau tidak saya rasa Yang Berhormat Kalau tak saya rasa Y.B. sama dengan mereka yang buat demonstrasi jalanan pada hari itu. Betul tak? Saya rasa Yang Berhormat pun setuju...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Demonstrasi itu kerana *misleading*. Saya dah kata banyak kali. Tapi untuk memuaskan hati Air Putih, apa-apa jalan sama ada ia baru atau lama, sudah tentulah akan memberikan kemudahan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu satu pengakuan yang tidak dikongsi oleh mereka yang buat demonstrasi. So di sini saya rasa jelas perbezaan di antara dunia sekarang. Dulu nak ketuk rakyat dengan kenaikan tol sahaja. Semua tak ada jalan alternatif, bukan macam Pakatan Rakyat. Kita nak bagi jalan alternator. Kalau ada jalan alternator, kenakan tol yang munasabah itu boleh dipertimbangkan. Tapi kalau tak ada alternatif, kenakan tol, itu saya rasa zalim kepada rakyat dan itu perbezaan antara dulu dan sekarang. Dulu kenakan tol, ketuk habis. Sekarang kita bagi alternator percuma habis dan jalan itu asalnya jalan mati. Kita bagi hidup balik. Itulah Pakatan Rakyat. Kasi yang mati, hidup balik dan tentang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasihlah, maknanya kasi Pakatan Rakyat mati Barisan Nasional hidup balik. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Janganlah tipu sendirilah. Y.B. Arif Shah pun tahu itu bahasa Mandarin...(cakap bahasa Mandarin), jangan tipu sendirilah. Jadi saya harap...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

(cakap bahasa Mandarin). Saya cakap ini memang buruk dulu, lepas itu baik punya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi kita berdasarkan kepada apa yang betul. Apa yang beri faedah kepada rakyat, dan apa yang boleh menjimatkan wang rakyat, macam *servis*. Serupa juga. Jimatkan wang rakyat. Tentang itu terowong seperti yang saya sebutkan tadi, kita harap projek ini harap dapat berjalan dengan juga input daripada Kerajaan Persekutuan. Itu sebab seperti yang saya hendak habis perenggan ini sebelum saya hendak bagi jalan daripada Y.B. Telok Bahang.

Hasrat syarikat ini dibulatkan bila satu MOU telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Syarikat Beijing Urban Construction Group (BUCG) yang disaksikan oleh Y.A.B Perdana Menteri dan China di Putrajaya. Dan ini adalah satu babak bersejarah untuk Pulau Pinang dengan perhatian beberapa negara besar selain daripada Negara China dan tentu kita harap dengan restu oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, kita berharap input yang diberikan kita boleh menjadikan terowong ini satu realiti. Dan saya rasa untuk Yang Berhormat daripada Seberang Jaya pun nak lihat kalau boleh saya rasa ini akan menjadi satu projek yang ajaib, *empirical project*. Kalau ia boleh berlaku. Saya ingin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Sikit ja penjelasan. Kerajaan Negeri akan mengadakan berkemungkinan sedang mengkaji untuk membuatkan satu kaedah kawasan larangan atau sekatan, *traffic restraint majors* dan juga sebagai *electronic enlock prinzing system* maknanya, antara lain Kerajaan Negeri takut terlampau banyak kenderaan datang ke Pulau. Jadi adakah sesuai untuk ditambahkan pula dengan adanya terowong, sebab awal-awal lagi Kerajaan Negeri dah berpandangan bahawa nak cari jalan kurangkan lagi trafik di Pulau ini. Kerajaan Negeri ada menyebut akan melakukan kedua-dua itu, iaitu *traffic restraint majors* dan juga sebagai *road prinzing system*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini adalah beberapa cadangan yang diutarakan oleh beberapa pihak. Tapi untuk masa sekarang masih awal lagi. Kita masih ada satu *road transport master plan* yang telah pun dirangka secara bersama dengan ICIA yang di mana kita telah melantik How Crow untuk menjalankan kajian. So kita tunggu apabila siap. Tapi walau bagaimanapun kita nak berikan lebih banyak alternatif yang lain dan pada masa yang sama dimaklumkan oleh Y.B. dari Seberang Jaya bila Kerajaan Negeri membina jalan, ini membuka peluang untuk rakyat dan peniaga untuk kemajuan ekonomi. So saya rasa apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri harus digalakkan. Kerana rela tak rela, Yang Berhormat pun kena akui bahawa ini semua tidak dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu sungguhpun diberikan peluang selama 51 tahun yang lalu. Hanya dalam tiga (3) tahun ini... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Kerajaan Barisan Nasional lah yang buat jambatan. Dulu ayahanda kepada Air Putih nak terjun, nak buang tiket dan sebagainya kan. Tak taulah saya lupa bahawa DAP, sekarang guna jambatan, so maknanya Kerajaan Barisan Nasional buat... (gangguan), dulu depa tak mahu pakai, sekarang dah disambung besar. Ada orang tak mahu pakai jambatan Pulau Pinang... (gangguan). Sekarang dah bersambung besar... (gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa Y.B. dari Seberang Jaya janganlah bohong macam ini. Saya punya ayah tak pernah buat janji sedemikian.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya lupa, kalau saya lupa saya minta maaf, saya.....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya terima, *you* sudah lupa *you* tarik balik lah. Tarik balik okey lah, okeh saya terima, kita *gentle* di sini, betul-betul, tak betul, tak betul, so saya rasa biar kita henti di situ tapi saya harap kita boleh berikan sokongan bukan macam bila kita buka jalan saya tak pernah tengok, mana-mana berlaku di Malaysia, bila ada satu upacara buka jalan, ada orang buat demonstrasi, hanya di Bagan itu, Jalan Bagan itu pernah berlaku, oleh UMNO lagi, tengok macam ini boleh dijelaskan saya tak tau. Sila Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tunggu lama. Okey hal terowong ini nombor satu saya nak ingatkan Ketua Menteri iaitu *statement* yang kita buat, Kerajaan Barisan Nasional yang itu, tak bagi *alternative road*, yang itu tak betul. Kita tengok jalan PLUS Highway, jalan lama masih

ada, masih beroperasi dibesarkan. Yang kedua, jalan *highway* yang lama, dibesarkan dan boleh lalu, kalau tak mahu bayar tol boleh pakai jalan itu. *Im talking about PLUS Highway*. Saya nak cakap ini. PLUS Highway, alternatif ada, tak mahu bayar tol, guna Jalan Federal yang lama. Persoalan dia, bila Y.A.B. Ketua Menteri cakap terowong yang nak dibina ini saya pun tak tahu bila masa yang telah, kita tak tahu langsung, tak ada angin tak ada ribut, tiba-tiba sing MOU dengan Syarikat Beijing Urban Construction Group (BUCG) depan Perdana Menteri. Kita pun nak tahu jadi bagaimana Ketua Menteri memilih syarikat ini adakah melalui tender juga? Atau pun bagaimana.

Yang keduanya bila saya bimbang pada Ketua Menteri cadang nak bina terowong Bagan Jermal dengan Bagan Ajam, di mana dia kena lalu bawah pelabuhan. Laluan ini dulu pernah kita dicadangkan oleh JKR dulu dan kita tolak, Kerajaan pada masa itu kita tolak, saya ingat lagi kita tolak dan kita setuju laluan di Selatan, laluan ini Bagan Jermal dengan Bagan Ajam kawasan penduduknya sibuk, tak logik kalau kita nak hubungkan kedua kawasan yang sibuk dengan lebih banyak trafik. Yang kedua pelabuhan Pulau Pinang sekarang kita perlu 11 meter, kedalaman jadi kita nak buat *capital radgrid* 14.5 meter dan *in future* kita perlu lagi sehingga 18.5 meter atau pun lebih daripada itu, jadi kalau kita buat terowong kalau terlalu rendah sangat, kalau terlalu cetek sangat dia akan menjejaskan perkembangan pelabuhan akan datang dan kapal-kapal hari ini bukan kapal yang kecil lagi dah, kapal yang besar, kalau dulu dia bawa 1,000 kontena, 2,000 kontena hari ini sampai 12,000 kontena satu kapal sekali gus, jadi dia perlu satu draf yang dalam jadi kalau kita hadkan nak buat terowong jadi tiba-tiba kita nak korek tak boleh dah.

Jadi kena Ketua Menteri kena ambil perhatian ini dan juga bila Ketua Menteri sebut nak bina terowong daripada Gurney Drive sampai Jalan Tun Lim Chong Eu daripada Bandar Baru Air Itam, kita fikir juga sebab di *water table* yang ada di George Town ini adalah tinggi kita pernah berpengalaman dulu di Prangin Mall bila nak bina korek nak buat bangunan di situ bila korek, di situ air masuk semua situ dan kelilingi itu habis retak, ini kawasan warisan kena fikir juga, ini saya bimbang bila kita nak korek terowong berlaku lagi masalah begitu jadi semua ini kena ambil perhatian dan bila nak buat juga terowong bawah jambatan dia mesti dalam mungkin 25 meter ke dalam mana nak *landing*, tak kan nak *landing* kat Gurney Drive, mungkin jauh sampai ke Jesselton Heights, kita tak tau dan dia kena ada *gradient* dia, dan ini semua kena fikir sebab itu saya harap Ketua Menteri berhati-hati dan buat kajian untuk pastikan tidak timbul masalah kemudian.

Saya hairan bila kita tau hari Kerajaan Negeri *provide Shuttle Service* antara Seberang Perai dengan Pulau, BEST, mana apa tujuan dia, tujuan dia nak kurang kan *cut* kereta lalu lintas menyeberangi jambatan, nak kurangkan trafik di Pulau, tiba-tiba Ketua Menteri nak sambung lagi jadi banyak lagi trafik akan masuk cuba bayangkan, kawasan dah sesak jadi lagi sesak. Jadi ini kena fikirilah saya seru supaya betul-betul fikir sama ada sesuai tak bina ini.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang saya rasa Y.B. Telok Bahang bukanlah seorang pakar pengangkutan biar apa yang disebut Y.B. diambil kira dan dikaji oleh pakar pengangkutan awam saya ingin menyatakan bahawa Syarikat BUCG ini datang dengan sendirinya atas inisiatif sendirinya dengan cadangan mereka, so kita tidak cari sama syarikat BUCG, mereka datang dengan sendirinya. Itu menunjukkan bahawa memang atas usaha kita selama 3 tahun Pulau Pinang mulai menyinari semula, oleh itu telah mendapat perhatian daripada Negara-negara yang sebelum ini tak berminat dengan Pulau Pinang. Apa yang kita tandatangani adalah satu MOU so bila kita cakap MOU itu dari segi undang-undang tidak ada keberkesanan. Kalau projek ini hendak dijalankan seperti yang saya sebut tadi, teras perkhidmatan atau teras pentadbiran Kerajaan Negeri adalah sistem tender terbuka kita tetap kita pasti kita akan adakan satu

tender terbuka untuk projek ini di mana semua yang ada minat bolehlah menyertainya dan membuat pembidaan termasuk syarikat tersebut, yang kita buat MOU ialah untuk menunjukkan mereka sangat minat dan bahawa mereka bukanlah syarikat apabila kita boleh sebut syarikat alang-alang. Ini syarikat yang benar-benar ada kredibiliti, itulah sebabnya sampai itu MOU ditukar dan disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan juga Negara China.

So di sini saya rasa tentang keresahan yang ditimbulkan oleh Y.B. Telok Bahang itu pun dikhuatiri oleh Kerajaan Negeri tetapi itu tertakluk kepada kajian teknikal oleh pihak jurutera dan juga hidrologi, ini saya rasa memang mesti mendapat kajian yang sepenuhnya dan sekiranya ini tidak jadi, tidak boleh dilakukan maka ia tidak akan diteruskan. Tentang itu betapa dalamnya saya rasa Pengurus Besar En. Ahmad Hilmi Hajar, sekiranya ia cukup dalam maka malah pihak pelabuhan tidak ada sebarang bantahan. Saya pun tak tahu mengapa Y.B. Telok Bahang nampaknya pandangan bercanggah dengan CEO sendiri, itu saya tak mahu saya masuk campurlah, ini perkara lainlah so di situ tentu kita pun ada dengar ada bisikan ura-ura tertentu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*C.M. naughty.*

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi itu saya bukan, saya cakap hakikat saja, *you know* Pulau Pinang kecil, *it a open secret* lah, ini satu rahsia terbuka lah kira semua tahu,...(gangguan), biar saya habis dulu saya akan bagi, so tentang kajian teknikal kita akan pasti dan seperti saya sebut tadi saya tak ada jaminan ia boleh dilakukan tapi kita bersedih juga bila ada sebuah syarikat yang besar ini menunjukkan minat, tak akan kita nak halau mereka bila mereka datang sendiri, so kalau mereka menunjukkan minat kita cuba kalau berjaya baik, kalau tak berjaya tak apa, tapi sekurang-kurangnya kita mencuba itulah tanggungjawab sebagai Kerajaan Negeri kerana kita mesti berani mencuba jangan kerana takut gagal, tak berani mencuba itu perbezaan antara dulu dan sekarang. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Cubalah lah, memang semua orang nak cuba, tak cuba kita tak tau sama ada berjaya atau tidak memanglah betul-tetapi itu, betul, tetapi saya sebut tadi kita kena ambil kira semua sekali, *Im the chairman on the port* jadi saya fikir tentang pelabuhan perkembangan pelabuhan masa depan, dulu memang kita tolak 14.5, sekarang ini kapal bukan 14.5 meter, dia nak 18.5 meter, *in future* mungkin *even* 25 meter, jadi makin besar sebab itu saya bimbang kalau dibina satu struktur di bawah pelabuhan dan akhirnya kita membantut perkembangan pelabuhan itu, jadi *for the future of the state and the northan region* sebab ini kita tau *international transportation* ini 98% melalui laut, bukan udara, jadi yang ini makna pelabuhan amat penting di Pulau Pinang ini jadi kita buat apa-apa juga kita buat, kita kena fikir untuk masa depan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih kepada pandangan yang dibuat oleh Y.B. dari Telok Bahang, kita pun sama-sama ambil berat sebab kita pun nak dapat restu daripada semua pihak oleh kerana itu disaksikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, kita tak pinggirkan ataupun tak mahu minta pandangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, tapi bila kita cadangkan usaha ini nampaknya masih saya lihat perbincangan Y.B. Telok Bahang dengan CEO itu PBSB ada percanggahan antara Yang Berhormat dengan CEO PBSB tak ada baguslah. Kalau ada kita lihat kemudian hari apa akan berlaku mungkin ada sesuatu akan berlaku tak lama lagi itu kita tunggu dan lihatlah.



Saya ingin menyeru semua rakyat, tak akan Y.B. Telok Bahang tak tahu, saya pun kalau kita dah dapat ura-ura tak akan tak tahu. Saya ingin menyeru semua rakyat Malaysia termasuk daripada pihak pembangkang untuk bersatu dan menolak fikiran ekstremis yang sempit dan bersifat perkauman serta menghindari diri daripada amalan rasuah dan penyelewengan dengan sentiasa amal makruf nahi mungkar, demi menjamin kemakmuran Pulau Pinang dapat tercapai dan dinikmati semua tanpa kira kaum, agama dan hindar dari fahaman politik. Marilah kita pastikan bahawa Negeri Pulau Pinang menjadi Mega Polis yang utama di Malaysia sebagai Negeri yang bersih, hijau dan selamat. Saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli Yang Berhormat sesi penggulungan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah pun tamat. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul, bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Yang Pertama, Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas pada 29 April 2011 dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Semuanya bersetuju. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan berhenti rehat dapat sedikit perubahan dalam jadual kita petang ini Dewan akan bersidang semula pada jam 2.00 petang bukan 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.00 petang.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Setiausaha:**

"Rang Undang-undang".

"Rang Undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang Tahun 2011".

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya", dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada yang menyokong.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, "mengikut peraturan 59, peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang diteruskan dengan serta merta."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya beri kebenaran.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya".

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya" dibacakan bagi kali yang kedua."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan dengan ucapan.

## Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, Pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan Dunia UNESCO oleh World Heritage Committee pada 7 Julai 2008 di Quebec City, Canada, memerlukan Kerajaan untuk menyediakan satu bentuk mekanisme pengurusan dan perundangan yang sesuai bagi memastikan tapak warisan Dunia UNESCO George Town dijaga.

Draf Rancangan Kawasan Khas (*Draft Special Area Plan*) dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Bandaraya Bersejarah Selat Melaka: George Town telah disediakan mengikut seksyen 16B, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan ini merupakan mekanisme pengurusan seperti yang dimaksudkan oleh pengurusan Unested World Heritage Committee dan Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menyediakan Rang Undang-undang Warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

Y.B. Dato' Speaker, Peruntukan undang-undang perihal warisan negeri Pulau Pinang ini dizahirkan dengan niat untuk mengiktiraf *significency* elemen-elemen bangunan, tapak warisan, warisan kebudayaan dan warisan semulajadi yang telah wujud sekian lama untuk kita tetapi dan hargai dan seterusnya untuk menjadi kebanggaan generasi akan datang.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan Senarai III bahawa *subject matter* ...(dengan izin) *culture, preservation of heritage* adalah di bawah senarai bersama iaitu antara Negeri dan Persekutuan. Saya ingin juga menambah bahawa di bawah Senarai II – 12A di bawah Perlembagaan Persekutuan bahawa *libraries, museums, ancient and historical monuments and records and archaeological sites and remains* adalah di bawah senarai Negeri. Iaitu Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mempunyai bidang kuasa untuk membuat enakmen warisan Negeri Pulau Pinang seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Y.B. Dato' Speaker, selain daripada itu, mengikut Seksyen 30(1) Akta Warisan Kebangsaan 2005 bagi tapak-tapak warisan yang belum mendapat atau tidak mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri, maka Kerajaan Negeri bolehlah bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan tersebut dengan kaedah dan perundangan sendiri. Dari segi isi kandungan Rang Undang-undang ini, di samping memperincikan tafsiran elemen-elemen warisan negeri ia juga mengandungi perkara-perkara berkaitan dengan antara lainnya :

Fasal 4 dan Fasal 5 telah menggariskan penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang bersama fungsinya. Penubuhan Majlis Warisan Negeri yang berfungsi sebagai badan tertinggi yang menetapkan dasar-dasar dan garis panduan berkaitan dengan warisan dalam negeri, di samping membuat pemantauan terhadap pelaksanaan "*conservation management plan*" bagi bangunan atau tapak warisan yang telah didaftarkan dalam Daftar Warisan Negeri.

Bahagian III Enakmen yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi pelantikan, fungsi dan kuasa Pesuruhjaya Warisan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi dan menjalankan tanggungjawab di bawah Rang Undang-undang ini. Pesuruhjaya Warisan Negeri terlibat dengan usaha dengan agensi lain, Pihak Berkuasa Tempatan serta lain-lain agensi berusaha untuk pemeliharaan dan pemuliharaan warisan dalam negeri, meninjau dan menetapkan apa-apa warisan kebudayaan dan warisan semula jadi, membuat kerja-kerja penyelidikan berkaitan warisan, di samping bertanggungjawab dalam menyediakan dan menjaga Daftar Warisan Negeri. Dalam hal ini pelantikan Pesuruhjaya Warisan Negeri serta pegawai-pegawai bantuannya adalah dari kalangan penjawat awam dalam pentadbiran Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, Bahagian IV Enakmen yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi tatacara penetapan warisan kebudayaan ketara dan warisan semula jadi sebagai tapak warisan dan perkara berkaitan warisan kebudayaan tidak ketara. Proses pengenalpastian dan penetapan tapak warisan yang bermula dari kerja-kerja tinjauan tapak atau bangunan, notis pemberitahuan awam, bantahan awam, kelulusan Majlis, pewartaan dan seterusnya rayuan bagi pihak-pihak yang terkilan.

Y.B. Dato' Speaker, Fasal 25 memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya boleh membuat rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh 30 hari daripada keputusan ini, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad. Di bawah Fasal 29(2) Pesuruhjaya apabila membuat pertimbangan ini, hendaklah mengambil kira kepentingan sejarah negeri, ciri reka bentuk atau estetik, pembaharuan atau pencapaian estetika atau teknikal, hubungan sosial atau kebudayaan masyarakat, potensi untuk mendidik, penyiasatan saintifik berkenaan dengan kebudayaan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang atau keunikan kebudayaan atau warisan semula jadi. Y.B. Dato' Speaker, Daftar warisan negeri yang dicadangkan akan mengandungi senarai bagi tapak bangunan warisan termasuk warisan tidak ketara yang telah diwartakan dan boleh dirujuk dan diperiksa oleh orang awam pada waktu pejabat. Demi melindungi tapak warisan yang telah diwartakan, Fasal 32 mengenakan kewajipan kepada empunya tapak warisan yang berhasrat untuk menjual keseluruhan atau mana-mana bahagian tapak warisan hendaklah memberitahu Pesuruhjaya secara bertulis maklumat tentang perjanjian penjualan dalam tempoh 28 hari dari tarikh perjanjian itu ditandatangani.

Y.B. Dato' Speaker, Bahagian 7, Enakmen yang dicadangkan juga mengadakan peruntukan bagi pelantikan pegawai penguatkuasaan dan pengeluaran kad kuasa untuk menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya. Fasal 49 juga mengkehendaki empunya atau penghuni tapak warisan untuk mendapatkan persetujuan daripada Pesuruhjaya sebelum mengenakan apa-apa fi kemasukan ke mana-mana tapak warisan.

Fasal 52 memperuntukkan berkenaan kesalahan-kesalahan berkenaan dengan kerosakan tapak warisan dan sekiranya disabitkan didenda maksimum RM500.000 ribu atau dipenjarakan maksimum 5 tahun atau kedua-duanya.

Fasal 54 juga memperuntukkan mana-mana orang yang menyebabkan kerosakan atau kemusnahan tapak warisan atau bahan warisan hendaklah membayar kos pembaikan bagi tapak atau bahan ini sebagai tambahan kepada denda atau penjara.

Y.B. Dato' Speaker, dengan wujudnya Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang ini, Kerajaan Negeri pastinya akan menjadi lebih komited dan bertanggungjawab untuk terus memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan serta juga warisan kebudayaan tidak ketara dengan kaedah dan perundangan yang telah lebih lengkap dan teratur.

Y.B. Dato' Speaker, umum juga mengetahui bahawa di negeri Pulau Pinang banyak mempunyai kawasan dan tapak-tapak bersejarah yang perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai warisan negeri. Setakat ini kita telah menyenaraipendekkan 24 bangunan bersejarah di seluruh negeri yang didaftar di seluruh negeri untuk menjadi Warisan Negeri. Dan antara lainnya termasuk bangunan-bangunan MPPP di Padang Kota, Bangunan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan selainnya. Dan masih terdapat banyak lagi tapak dan bangunan bersejarah di seluruh Negeri Pulau Pinang yang bukan sahaja di kawasan George Town tetapi juga di kawasan-kawasan bahagian Pulau dan di Seberang Perai. Dan tapak-tapak ini yang belum lagi diterokai dan belum lagi diberi perhatian yang secukupnya sama ada di bahagian pulau mahu pun di Seberang Perai. Misalnya kawasan-kawasan seperti Kubur Jepun di Bumbung Lima,

Seberang Perai Utara, Telaga Emas, Gudang Peluru dan Gudang Perompak di Pulau Aman dan Pulau Gedung.

Antaranya contoh-contoh kawasan-kawasan yang berpotensi untuk kita terokai dan berikan perhatian secukupnya untuk dicakupi di bawah Enakmen Warisan ini. Apabila menggariskan Rang Undang-undang ini, pertimbangan khas telah diambil bahawa warisan bukan sahaja wujud di George Town. Skop pemakaian Rang Undang-undang ini meliputi seluruh Pulau Pinang di mana tapak warisan yang dikenal pasti dan didaftarkan. Skop Pemakaian Rang Undang-undang ini juga merangkumi bukan sahaja bangunan warisan tetapi warisan semula jadi dan warisan budaya tidak ketara.

Y.B. Dato' Speaker, dengan terlaksananya Enakmen Warisan Negeri ini, serta dengan tenaga kepakaran yang ada, diharapkan lebih banyak tapak dan bangunan warisan yang akan dikenal pasti, di daftar dan dipelihara dengan lebih terjamin dan sistematik. Dalam pada itu, barang diingat, kewujudan warisan kebudayaan tidak ketara yang meliputi aspek budaya dan adap resam, hasil kesenian anak negeri yang unik akan juga akan dikenal pasti, didaftar dan dipelihara di bawah peruntukan enakmen warisan ini. Dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada yang menyokong.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli Y.B. yang ingin mengambil bahagian dahulu, dipersilakan. Silakan Ahli Kawasan Komtar.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Alk):**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker ke atas bagi peluang kepada saya bagi menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Enakmen Warisan 2011 dalam Dewan yang mulia ini. Pengenalan Enakmen Warisan Negeri adalah dalam tepat pada masanya. Ini merupakan satu pendekatan baru yang cuba diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan usaha kita, untuk memelihara elemen-elemen yang berwarisan dalam lingkungan Negeri Pulau Pinang. Selain daripada warisan kebudayaan yang telah diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Warisan Kebangsaan gantikan Jabatan Warisan Negara di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Y.B. Dato' Speaker, jikalau Enakmen tersebut dapat diperkenalkan lebih awal lagi maka kita dapat mengekalkan jambatan di Nibong Tebal Seberang Perai Selatan sepanjang 10 meter yang dibina pada tahun 1800-an dan digunakan sebagai landasan kereta api daripada dirobuhkan. Selain daripada itu, tanah-tanah perkuburan yang telah disemadikan tokoh-tokoh setempat yang terkemuka juga dapat dikekalkan. Bangunan-bangunan Warisan seperti di alamat No. 20 Lebuhraya *Pykett* milikan Syarikat Keluarga Khaw Sim Bee sebelum dijual kepada Klasik Tropika Development Sdn. Bhd., sebuah syarikat milikan *Penuh Marching Group* Bhd. tidak dapat dirobuhkan oleh pihak pemaju.

Walaupun pihak pemaju telah dibawa ke mahkamah atas perobohan yang tidak dibenarkan, tetapi syarikat tersebut hanya dikenakan denda RM6,000.00 sahaja. Bagi mereka RM6,000.00 itu bukan satu amaun yang besar dan memang ini tidak dapat

memberi satu pengajaran terhadap syarikat tersebut. Kalau mereka nak roboh, tak payah dikenakan, merobohkan bangunan-bangunan Warisan tanpa dikenakan hukuman yang lebih berat maka kita tidak dapat menghalang bangunan-bangunan berwarisan atau tapak-tapak berwarisan dalam lingkungan Negeri Pulau Pinang dapat dirobuhkan atau terjejas dengan tindakan-tindakan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun kita masih dapat menahan lebih banyak lagi tapak warisan kebudayaan dan warisan semula jadi daripada dirobuhkan oleh pihak-pihak tersebut. Dengan adanya Rang Undang-undang Enakmen yang sedang kita bahaskan ini. Selain daripada itu, saya juga berharap supaya *object* warisan, warisan kebudayaan di bawah air dan warisan orang hidup juga dapat diberi perhatian khas oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Tidak hanya bergantung kepada usaha Kerajaan Negeri untuk membuat kerja-kerja pemuliharaan yang diperlukan.

Daripada senarai 34 butiran warisan yang tersenarai sebagai tapak Warisan Kebudayaan Kebangsaan, dukacita dikatakan hanya terdapat Gereja *St. George* daripada Negeri Pulau Pinang yang tersenarai di atasnya. Jikalau sekolah kebangsaan *Victoria* yang dibina pada tahun 1893 dapat disenaraikan sebagai tapak Warisan Kebudayaan Kebangsaan maka Sekolah Menengah *Penang Free* yang dibuka secara rasminya pada 21 Oktober 1816, tahun 1816 ya, dan merupakan sekolah yang pertama di Malaysia, juga berkelayakan untuk disenaraikan sebagai tapak Warisan Kebudayaan Kebangsaan.

Jikalau Pesuruhjaya Warisan Kebangsaan gagal berbuat demikian, maka Sekolah Menengah *Penang Free* kini berpeluang disenaraikan sebagai tapak Warisan Kebudayaan Negeri melalui Pesuruhjaya Warisan Negeri yang bakal dilantik oleh Kerajaan Negeri. Dengan adanya Enakmen tersebut, kita tidak terhalang daripada menyenaraikan elemen-elemen berwarisan yang kini berada dalam lingkungan tapak warisan sedunia George Town sebagai tapak Warisan Kebudayaan Negeri.

Mengikut pandangan sesetengah pihak, pelan kawasan khas atau *special area plan* ...(dengan izin) yang telah didrafkan bagi tapak warisan sedunia George Town tidak memberi penekanan spesifik terhadap warisan kebudayaan tidak ketara dalam lingkungan tapak warisan sedunia tersebut.

Maka dengan adanya Enakmen ini, persoalan tersebut dapatlah kita tangani di mana makanan-makanan setempat seperti Serabai, Nasi Kandar, Takua Rendang atau Pasembor, Permainan-permainan setempat seperti galah panjang atau Toi dan sebagainya dapat disenaraikan sebagai objek warisan kebudayaan yang tidak ketara. Di sini saya juga ingin memberi sedikit input selain daripada contoh-contoh yang disebut oleh Ahli Y.B. Air Itam tadi saya ingin memberi sedikit input untuk menyenaraikan elemen-elemen yang berwarisan di luar tapak warisan George Town yang perlu disenaraikan sebagai Warisan Negeri dengan secepat mungkin termasuk:-

Pertama feri dengan Pengkalan Raja Tun Uda di Bahagian Pulau dan Pengkalan Sultan Abdul Halim di Seberang Perai;

Kedua Safer House,

Ketiga Seri Mutiara iaitu kediaman T.Y.T. Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang,

Keempat Muzium Perang di Batu Maung,

Kelima King Edward Seven Memorial Hospital Building di 57 Jalan Macalister Pulau Pinang,

Keenam bekas kediaman Tan Sri P. Ramlee,

Ketujuh Taman Botanic Pulau Pinang,

Kelapan Relia Mantion di Relia,

Kesembilan Rumah Tunku Kudin di Gelugor,

Kesepuluh Batu Sempadan, Sempadan British dengan Siam yang terletak di Pinang Tunggai,

Kesebelas Tapak Perkuburan Muhibah di Pulau Jerejak,

Kedua belas Penjara Pulau Pinang,

Ketiga belas Jambatan Merdeka di sempadan Negeri Pulau Pinang dan Kedah dan sebagainya.

Jikalau dibandingkan dengan pengenalpastian dan permintaan rakyat elemen-elemen berwarisan sebagai tapak warisan ataupun warisan kebudayaan tidak ketara kerja-kerja pemuliharaan yang menelan kos-kos berjuta-juta ringgit adalah jauh lebih penting. Bagaimana data tersebut dapat diwujudkan supaya pemilik-pemilik swasta juga dapat dimanfaatkan untuk tujuan pemuliharaan elemen-elemen warisan di atas tanah milikan mereka saya ingin mencadangkan satu dana pusingan iaitu *revolving fund* ... (dengan izin) diwujudkan bagi tujuan tersebut di mana jikalau terdapat bangunan-bangunan berwarisan milikan swasta yang tidak dapat dibaikpulih oleh pemiliknya maka melalui *revolving fund* tersebut Kerajaan Negeri boleh mengambil alih untuk membaiki bangunan tersebut dan seterusnya menguruskan bangunan tersebut atau dijual balik kepada pemilik swasta.

Jikalau terdapat pihak-pihak yang ingin mengekalkan harta milikan mereka walau pun mereka tiadanya keupayaan dari segi kewangan maka melalui dana pusingan tersebut pinjaman tanpa faedah juga dapat dikekalkan supaya mereka dapat melakukan kerja-kerja pemuliharaan secara lebih sistematik selaras dengan usaha kita untuk memperkenalkan elemen warisan negeri ini jadi dengan kata-kata ini saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dalam enakmen ini. Sejak George Town diiktiraf sebagai tapak warisan dunia UNESCO, telah banyak merangsang kepada kegiatan ekonomi di dalam kawasan George Town dan menarik ramai pelancong melawat ke sini. Sebagai penduduk Pulau Pinang, saya berasa amat gembira dengan sambutan baik ini. George Town berjaya diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO berdasarkan 3 *Outstanding Universal Value* iaitu kriteria sejarah perkembangan George Town, keunikan tradisi kebudayaan pelbagai kaum serta seni bina bangunan di George Town.

Bangunan-bangunan di George Town, kebanyakan sudah hampir seratus tahun dan ada juga yang melebihi seratus tahun. Bangunan dan kedai rumah yang istimewa ini mempunyai unsur-unsur bersejarah yang amat bernilai dan unik perlu kita memelihara dengan baiknya. Malangnya apa yang kita lihat pada hari ini, adalah terdapat banyak bangunan dalam George Town telah diubahsuai untuk kepentingan tertentu dan kepentingan persendirian.

Bangunan-bangunan diubahsuai tanpa kebenaran MPPP, struktur tambahan haram yang tidak berharmoni dengan persekitaran dan juga premis burung walit yang mendatangkan kacau ganggu kepada penduduk bersebelahan. Ini telah menjejaskan OUV warisan dan mengancam kedudukan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Kita tidak menafikan bahawa sesetengah kegiatan yang dijalankan seperti *budget* hotel, boleh mendatangkan untung dan merangsang kegiatan ekonomi George Town. Namun begitu kita masih perlu perancangan yang sempurna supaya kegiatan-kegiatan ini tidak melampau. Kita perlu memastikan kegiatan-kegiatan ini bukan membawa keuntungan dan kebaikan kepada sesetengah golongan tertentu sahaja tetapi menjejaskan OUV yang penting dan membawa impak buruk pada keseluruhannya.

Y.B. Dato' Speaker, oleh itu, kita perlu mempunyai perancangan yang sempurna, pemantauan yang kerap serta penguatkuasaan yang efisien bagi melindungi tapak warisan kita. Walaupun pun terdapat sesetengah pemilik rumah atau pengusaha menekankan bahawa mereka akan mengekalkan fasad bangunan supaya tidak menjejaskan unsur-unsur bersejarah, tetapi saya berasa bahawa ini tidak bermakna jikalau kita hanya mengekalkan fasad bangunan tetapi bahagian lain bangunan tersebut diubahsuai tanpa mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan sehingga kehilangan unsur-unsur asal tersendiri. Lagipun tanpa penghuni dan penyelenggaraan yang baik, ia akan menjejaskan dan merosotkan nilai warisan serta *living cultural* ...(dengan izin) di George Town. Oleh yang demikian, saya amat berharap dengan melalui pewartaan Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang, kita dapat merancang bagaimana memelihara dan memulihara warisan kita, serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

Y.B. Dato' Speaker, Clan Jetty yang terletak di KADUN saya juga merupakan satu aset warisan unik bersejarah. Ramai pelancong melawat ke Clan Jetty setiap hari. Apa yang saya ingin membangkitkan adalah di samping mengekal, memelihara dan memulihara, saya juga amat berharap kerajaan dapat menaiktarafkan infrastruktur asas Clan Jetty bagi menjamin keselamatan penduduk dan pelancong. Keunikan Clan Jetty adalah *living cultural* ...(dengan izin), yang bersejarah di sana, penduduk tinggal di rumah yang didirikan di atas laut dan jambatan berkayu merupakan laluan utama bagi penduduk kawasan keluar masuk. Selain mendapat peruntukan untuk menukar papan-papan Clan Jetty bagi menjamin keselamatan penduduk dan pelancong, saya juga berharap sistem pembedungan dapat diwujudkan supaya meningkatkan tahap kebersihan dan suasana hidup penduduk.

Apa yang kita boleh lihat sekarang adalah semua terus ke dalam laut. Landskap dan penanaman pokok juga boleh diadakan di kawasan Clan Jetty bagi mengindahkan kawasan tersebut. Selain itu, sistem pencegah api jugalah amat penting kepada Clan Jetty. Walaupun bomba sukarela telah ditubuhkan, tetapi saya masih berharap satu sistem pencegah api yang lebih sempurna dapat diwujudkan untuk kecemasan. Saya amat berharap dengan enakmen ini penubuhan Majlis Warisan Negeri Pulau Pinang, kita dapat merancang dengan rapi bagaimana kita dapat mencapai pembangunan seimbang dalam memelihara dan memulihara warisan dan pembangunan.

Y.B. Dato' Speaker, Di sini saya ingin mendapat sedikit penjelasan terhadap fasal-fasal dalam enakmen ini. Fasal 25 memperuntukkan bahawa seseorang yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya boleh buat rayuan kepada Pihak Berkuasa



Negeri. Dalam sub seksyen (3), Pihak Berkuasa Negeri boleh merujuk kepada Majlis Warisan sebelum membuat apa keputusan mengenai rayuan. Saya ingin tahu mengapa perlu rujuk balik kepada Majlis, memandangkan ini proses rayuan yang boleh diputuskan oleh Pihak Kerajaan Negeri. Dalam sub-seksyen (5), keputusan Pihak Kerajaan Negeri adalah muktamad. Saya ingin penjelasan adakah ini bermakna seseorang yang terkilan itu tidak boleh membawa kes kepada Mahkamah untuk menolak keputusan muktamad Pihak Berkuasa Negeri.

Fasal 29 mengenai perisytiharan Warisan Negeri, saya ingin tahu sama ada Pesuruhjaya juga akan mengisytiharkan tapak warisan budaya ketara dan tidak ketara yang sudah pun diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Warisan Kebangsaan.

Fasal 32 mengenai Notis menjual tapak warisan, bolehkah seseorang empunya mengeluarkan *Notice of Purchase* kepada Pesuruhjaya, jika hartanah mereka akan diisytiharkan sebagai tapak warisan, supaya Pesuruhjaya boleh membeli harta itu. Hak sememangnya diberikan oleh Akta Warisan Kebangsaan.

Fasal 32 juga mengenakan kewajipan kepada empunya suatu tapak warisan yang berhasrat untuk menjual tapak itu untuk memaklumkan Pesuruhjaya supaya mengenai butiran perjanjian penjualan itu dalam tempoh 28 hari dari tarikh perjanjian itu ditandatangani.

Saya ingin tahu mengapa kewajipan ini dikenakan selepas perjanjian itu ditandatangani dan bukan sebelum perjanjian itu ditandatangani. Kalau Pesuruhjaya buat apa-apa keputusan yang menjejaskan kepentingan satu atau dua pihak yang menandatangani jual-beli hartanah atau tapak warisan, kemungkinan Kerajaan Negeri akan menghadapi tanggungjawab perundangan dari pihak yang terjejas oleh keputusan Pesuruhjaya.

Fasal 34 (3) empunya atau penghuni tapak itu perlu membayar balik kos dan belanja yang ditanggung semasa menjalankan kerja pembaikan oleh pihak Pesuruhjaya, apakah akan terjadi apabila empunya atau penghuni tidak mampu membayar balik. Dalam kes seperti ini, apakah empunya boleh meminta Pesuruhjaya membeli harta mereka.

Bagi Fasal 35 (1) Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyelaras dan mendapatkan nasihat daripada Pesuruhjaya sebelum meluluskan apa-apa permohonan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan tapak warisan. Saya ingin tahu, apabila Enakmen ini dikuatkuasakan, apakah ia ada kesan *retrospektif*. Demi keadilan, apa-apa permohonan yang dibuat atau diluluskan, tidak akan dijejaskan oleh peruntukan Fasal 35 (1).

Fasal 36 membenarkan empunya atau penghuni tapak warisan untuk memohon pemberian atau penjamin daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud menjalankan kerja pemeliharaan dan pemuliharaan di tapak itu. Saya ingin tahu bahawa dari mana pemberian atau pinjaman datangnya, mengapa Enakmen ini tidak ada peruntukan untuk menubuhkan Tabung Warisan Negeri yang amat penting. Bolehkah beri penjelasan mengapa sekarang tabung warisan tidak ditubuhkan dan bilakah ia akan ditubuhkan. Di sini saya ingin bercadang kepada Kewangan Negeri memperuntukkan sekurang-kurangnya RM50 juta sebagai Tabung Warisan memandangkan negeri kita telah dianiyai oleh Kerajaan Pusat bahawa tidak memberi Tabung Warisan kepada Kerajaan Negeri. Kita kerajaan lebih kena sendiri berdikari kerana ini *daddy* tak kasi. Ini juga menunjukkan satu cabaran kepada Kerajaan Pusat bahawa Kerajaan Negeri mampu menubuhkan Tabung Warisan tersebut .

Fasa 52 juga menyatakan berkenaan kesalahan berkaitan dengan Tapak Warisan. Kesalahan A hingga G juga merupakan kesalahan di bawah akta-akta yang disediakan seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa dan Akta Kerajaan Tempatan. Apabila ini berlaku siapa yang akan menjadi badan pendakwa? Apakah ini merupakan penindihan bidang kuasa? Apakah satu kesalahan itu didakwa oleh dua badan berasingan?

Y.B. Dato' Speaker, saya memang berharap bahawa kita boleh mendapat maklumat yang lebih terperinci dan sempurna bagi mengelakkan isu-isu yang mungkin akan timbul pada masa hadapan sebelum enakmen ini dikuatkuasakan. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Tanjong Bunga. Hadkan kepada 10 minit sahaja.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan pembentangan Rang Undang-undang Enakmen Warisan Pulau Pinang 2011 ini dan saya mengalu-alukan pembentangan ini. Memang dengan adanya keinginan politik kita kerajaan memang telah berjaya membentangkan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2010 dan selain daripada itu, saya juga harap beberapa Rang Undang-undang boleh di berdasarkan *federal conscience* iaitu Perlembagaan Persekutuan boleh dibentangkan di bawah *legislative concurrently*.

Misalnya Rang Undang-undang Burung Walit Pulau Pinang di bawah *protection of wild animals and wild birds*. Rang Undang-undang Pulau Pinang *renewable energy* Pulau Pinang di bawah *Town and Country Planning*. Rang Undang-undang Telekomunikasi di bawah *public health sanitation and the prevention of legislative* di bawah artikel 95B(1) list 3.

Dalam mesyuarat kali ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan semangat dinamik kita sekali lagi membentangkan satu lagi Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 ini amatlah, ia sangat diperlukan. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya yakin kita dapat memperhalusi dan memperluas, mendalami dan memperlebari semua aspek Warisan Negeri Pulau Pinang supaya dapat diuruskan, dipelihara dengan lebih tersusun, sempurna dan juga pembinaan semula. Memang perkara-perkara yang tidak cukup ketara dipelihara dalam *structure* pelan 2007 atau *local plan* misalnya *Penang Hill Local Plan* atau *local plan* Pualu Pinang bahagian pulau yang akan diwartakan mungkin tidak cukup iaitu dengan adanya Rang Undang-undang ini akan memperkuatkannya.

Saya ingin berbahas dari 3 aspek Warisan Enakmen ini iaitu Warisan Kebudayaan di bawah air, Warisan Alam Semulajadi dan Warisan Kebudayaan Ketara. Tentang Warisan Kebudayaan di bawah air, saya fikir selain daripada warisan yang disebutkan dalam Rang Undang-undang Enakmen Warisan Pulau Pinang yang dibentangkan ini, saya fikir ia terlepas aspek Warisan di bawah air. Ini kerana Negeri Pulau Pinang adalah sebuah pelabuhan bertaraf Internasional semenjak beratus-ratus tahun terutamanya sejak 1786 dan dalam masa 200 tahun ini pelabuhan ini dikunjungi banyak kapal besar pelbagai urusan. Sepanjang masa ini pelabuhan Pulau Pinang bukan sahaja sibuk dan sudah menjadi satu pusat ekonomi, kebudayaan, perdagangan, kajian sains dan teknologi (R&D), perindustrian, pelancongan, pendidikan dan sebagainya. Tidak hairanlah ada kapal-kapal yang tenggelam di sekitar lautan Negeri Pulau Pinang semasa peperangan dahulu sama ada peperangan I dan II Perang Dunia. Kapal-kapal yang tenggelam itu berkemungkinan dimuati dengan barang-barang yang berharga dan bersejarah.

Maka semua ini saya fikir akan menjadi warisan kebudayaan di bawah air yang perlu dimasuki dalam Rang Undang-undang Enakmen tersebut. Sebagai tambahan di masa depan kalau boleh. Yang kedua, alam semula jadi, kita faham pulau kita di tengah-tengah adalah satu bukit namanya Bukit Bendera, satu aset Negeri Pulau Pinang. Ia jatuh dalam kategori warisan alam sekitar. Bukit Bendera boleh dipecahkan kepada 2 aspek iaitu kawasan Bukit Bendera mungkin dikawali oleh Bukit Bendera *local plan*...(dengan izin), yang meliputi kawasan pembangunan dan bangunan yang sedia ada di atas bukit. Satu dari kawasan hutan simpanan dan kawasan tadahan air di seluruh Bukit Bendera. Memang Bukit Bendera dengan umur beratus juta tahun dipenuhi flora dan fauna yang beraneka.

Kita cuma ada satu bukit yang unik ini saja memang maka saya sangat perlulah diwartakan sebagai warisan Pulau Pinang di bawah kategori alam sekitar agar ekologi dapat dipelihara. Mungkin ia juga boleh dipecahkan kepada *core zone*, maksudnya Warisan Alam Semulajadi dengan ketinggiannya 250 kaki ke atas dan *buffer zone* di antara 150 hingga 250 kaki tingginya.

Jadi kawasan tadahan ini memang sangat mustahak untuk Negeri Pulau Pinang dan ia membekalkan 30% minuman di seluruh negeri dan kawasan ini termasuk tadahan air Batu Feringghi dengan luas 2,031 ekar, tadahan air Sungai Krian 986 ekar, tadahan air Waterfall 1,172 ekar, tadahan air Tasik(tak jelas), nombor satu 416 ekar, tadahan Air Itam *side stream* 55 ekar, tadahan air Air Itam Utama 1,495 ekar, tadahan air Sungai Pinang Barat 1,244 ekar dan tadahan air Sungai Tengah, Sungai Kechil dan Sungai Siru.

Bukit Bendera juga adalah satu hutan kekal di mana tinggalnya lebih kurang 60% untuk negeri kita ini. Ini adalah satu aset untuk kita semua. Dan aspek yang ketiga adalah Warisan Kebudayaan Ketara termasuk di sini saya nak bincang adalah kampung-kampung tradisi. Terdapat banyak kampung tradisi di Negeri Pulau Pinang makin merosot dan mundur kerana dilanda pembangunan konkrit yang tidak terkawal. Maka adalah perlu diwartakan dan dikawalkan di bawah kategori ini dalam Rang Undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang ini.

Misalnya Tanjung Tokong, kita tahu mengikut takrif warisan menurut Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan pada 2005. Warisan adalah sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu yang menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melengkapkan ketamadunnya. Ini adalah jelas mengapa kita mahu warisan kebudayaan ketara ini dikekalkan dan untuk makluman mengenai warisan-warisan tertentu terutamanya kampung tradisi, ramai pakar warisan juga boleh dirujuk misalnya Profesor Wazir, Jahan Karim, pakar dalam bidang warisan Islam, Melayu selat dan Warisan Pulau Pinang dan lain-lain lagi.

Misalnya Tanjung Tokong pembangunan kampung di atas bahagian tanah Kampung Tanjung Tokong tradisi iaitu di bahagian yang tersusun dan lot asasnya telah dibina sebelum mereka. Jadi pengabaian mengakibatkan kampung ini menjadi kucar kacir. Amat berpotensi jika dibangunkan semula dalam kawasan *rebuild and rebate Tanjung Tokong to become tourist and heritage attraction for penang and international network* ...(dengan izin). Jadi sesuaiilah dengan kedudukan sebagai pintu masuk dari sebelah utara dan kedudukan sebelah barat sebagai bandar raya warisan dunia yang merangkumi segala rencah budaya. Pulau Pinang pusat warisan dunia timur barat dan Nusantara.

Jadi asal kampung moden yang dibangunkan dan dikurniakan oleh Kerajaan British iaitu kampung Tanjong Tokong kepada para nelayan Tanjung Tokong pada tahun 1956. Jadi tanah yang ditebus guna daripada laut ....(gangguan), jadi tanpa warisan

Melayu wajib dibangunkan semula atas nama pembangunan warisan. Di atas tapak ini telah ada juga bangunan-bangunan warisan ketara misalnya ada 2 buah masjid tertua, Masjid Kawah dibina 1885, Masjid Tuan Guru lebih kurang pada abad ke 19 dan sebagainya. Jadi fikir Kampong Tanjong Tokong tradisi adalah salah satu kampung tradisi yang harus dipertahankan daripada dimusnahkan pembangunan UDA dan tidak ditelankan pembangunan yang tidak .....(gangguan) ..(dengan izinnya), Jadi dengan ini saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker beri peluang saya bahaskan Rang Undang-undang Enakmen Warisan. Saya menyokong enakmen ini yang *very timely* setelah Negeri Pulau Pinang telah diisytiharkan sebagai bandar raya warisan. Saya hanya sentuh satu perkara saja. Iaitu kuasa Pesuruhjaya. Daripada enakmen ini nampaknya terlalu *white* lah kuasa komisioner untuk membuat keputusan. Keputusan hanya boleh dibuat oleh seorang komisioner tanpa mendengar sesiapa ataupun *assistant any other people*. Dan selepas itu peranan *clause 24* dan *clause 25* iaitu untuk *appeal* rayuan. Rayuan ini kepada Pihak Berkuasa Negeri tidak dikata siapa itu Pihak Berkuasa Negeri, seorang sahaja atau satu jawatankuasa atau EXCO, ini tidak diberitahu dengan teliti dan juga adakah pihak *aggrieved party as a right to be heard before the state dorby* ... (dengan izin). Itu pun mesti ditimbang. Ini ada satu perkara yang sangat mustahak, di mana seseorang akan mungkin yang tidak mahu bangunan mereka diisytiharkan sebagai tapak *heritage* akan dibuat demikian. Dan akhir sekali saya ingat untuk *natural justice the must be right appeal to the court* untuk rayuan kepada mahkamah untuk satu keputusan yang muktamad dan akan *seen is very fair decision by the rakyat* dengan izin. Itu yang saya ingin sentuh.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Enakmen ini memang saya sokong baik untuk negeri untuk warisan Negeri Pulau Pinang di kawasan warisan dan di luar kawasan Warisan banyak yang cakap kata frasa ini. Saya juga berminat ingin mencadangkan majlis mengadakan satu dana untuk membayar ganti rugi kalau perlu untuk nak *repair* bangunan kalau rosak dan perlu baiki semula. Mungkin tuan punya rumah tak mampu kita perlu ada dana untuk nak gunakan untuk *repair*. Contohnya.

Bagi mereka katalah objek rumah jadi sampaikan sebagai objek warisan tradisi maka dia hilang peluang untuk bangunkan bangunan itu. Ini pun juga bincang perlu kita bagi pampasan pada tuan-tuan rumah. Selain daripada itu Y.B. Dato' Speaker, saya nak tahu juga Kerajaan Negeri dah ada senarai objek-objek warisan dalam kawasan warisan memang semuanya. Sama ada atau tidak senarai? Kalau belum lengkap lagi saya minta dan cadangkan lengkapkanlah. Rumah P. Ramlee memang ada dalam senarai. Kemudian masjid Batu Uban saya sarankan Sungai Bakap pergi tengok Masjid ini. Masjid ini dibina tahun 1334, Masjid pertama di Pulau Pinang tahun 1334 Masjid ni ada di tepi pantai dia ada telaganya. Telaganya Air Tawar. Hari ini masih lagi dan masih ada dan masih lagi dibenarkan masjid yang istimewa dan mesti dimasukkan dalam senarai warisan.

Di Balik Pulau ada satu Pejabat Daerah lama. Daerah sekarang adalah yang ketiga yang kedua dah 100 ratus lebih dah yang kedua. Yang pertama dalam hutan di kawasan pembangunan Air Puteh, perumahan Air Puteh ada satu pejabat, yang asalnya Pejabat Daerah, membentuk dia lama. Tempat kuda dia ada tempat *smock* dia ada memang cantik tempat itu tradisi.

Cantik tempat itu. Patut kena ini kena masuk wajib masuk dalam senarai dan memang istimewa. Bangunan yang lama mungkin tak tahulah 150 tahun 200 tahun. Tapi memang lama dan bangunan pejabat yang kedua dah 100 tahun lebih. Yang pertama lebih lamalah. Patut dimasukkan dalam senarai. Taman Negara adakah kita mesti masukkan juga dalam senarai warisan kita? Dan juga yang menarik pelancong di kawasan Balik Pulau kampung-kampung tradisi Melayu. Dan juga kampung-kampung tradisi Cina dan Kampung India di belakang ada sikit. Tapi yang ketaranya kampung dalam Struktur Pelan ke negeri ada sebut Kampung Tradisi. Saya harap kampung ini dikekalkan sebagai Kampung Tradisi dan hendaklah dikawal dengan bangunan-bangunan bercanggah dengan tradisi di kampung itu dan kekal sebagai tradisi kampung. Saya lihat ini ada aktiviti *homestay*. Ramai yang buat *homestay* ini juga menarik pelancong melawat-melawat ke kampung ini. Y.B. Dato' Speaker saya menyokong Enakmen ini.

#### **Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, peringkat saya secara keseluruhannya saya rasa enakmen ini cukup menyeluruh kerana dan saya ucapkan tahniah kepada EXCO Air Itam dan Kerajaan Negeri kerana bertungkus lumus buat enakmen ini, dia memberi kuasa dan *authority* yang cukup untuk menjalankan, melaksanakan kerja-kerja tentang *heritage preservation* ...(dengan izin).

Tentang isu warisan ini kita tahu bahawa untuk menyelamatkan atau untuk memulihara atau memelihara pun sesuatu tapak warisan dia akan belanja yang cukup besar dan saya tertarik hati dengan Sekyen 36 di mana seseorang empunya tapak warisan boleh memohon Pesuruhjaya, apa-apa pinjaman atau maksudnya Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Negeri atau pada masa depan kita akan belanja wang yang cukup besar seperti yang kawan saya Padang Kota cadangkan RM50 juta ini walaupun kita rasa dia agak besar tetapi sebenarnya dia bukan tak cukup pun untuk memelihara secara baik, sekurang-kurangnya, tetapi itu akan menjadi satu bebanan yang besar kepada Kerajaan Negeri penting bahawa kita mempunyai kuasa untuk memungut cukai atau memungut *levi*.

Saya nak cadangkan kita kena ada satu tabung untuk memungut cukai atau *entrance fees* pun daripada kita punya pelancong-pelancong. Kerana kita tahu bahawa ramai yang datang tertarik selepas kita *listing* dalam *listing* kita dapat tahu Buku *Penang Economic Monthly* isu Februari 2011 kita tahu bahawa berlipat ganda dan ramai yang masuk. Sekarang sudah pelancong-pelancong naik 35% dan juga banyak lagi hotel-hotel bajet ke dalam tahun selepas kita dapat *listing* kita tahun *heritage* zon sahaja, 300 bilik hotel baru dibina.

Dan kalau kita tidak ada mekanisme untuk memungut lebih cukai atau *fees* itu kita tidak dapat menyalurkan kewangan untuk memelihara atau memulihara *heritage site* yang lain adalah perlu supaya ada mekanisme untuk memungut cukai dan saya rasa enakmen ini tidak nyatalah tentang isu ini. Dan saya juga ingin bangkitkan *heritage sites* tentang di Pulau Jerejak. Kita tahu sebelum *Francis Light landing* dekat George Town ini dia *staging* dekat Pulau Jerejak sebelum dia masuk George Town atau Pulau Pinang. Jadi adalah penting bahawa tempat itu kita kena cari *historical evidence* tempat yang dia naik di Pulau Jerejak itu kita isytiharkan *heritage* itu kerana tak ada Pulau Jerejak tak adalah Pulau Pinang. Jadi ini adalah penting dan saya dengan ini saya menyokong.

## **Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli Berhormat sesi perbahasan telah tamat. Kita dalam sesi penggulungan dipersilakan Ahli Kawasan Air Itam untuk menggulung.

## **Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, terutama sekali menghargai sokongan ADUN-ADUN daripada pembangkang yang telah menyatakan sokongan terhadap cadangan Enakmen Warisan. Enakmen warisan Negeri Pulau Pinang ini dan sepatutnya buat 10 tahun lalu atau 20 tahun lalu kita melihat aspek undang-undang ini kita boleh buat kita mencadangkan supaya satu Enakmen Warisan yang lebih menyeluruh untuk kita pakai di Pulau Pinang dan berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang senarai yang ada kita ada satu senarai yang panjang sama ada terlibat bangunan Kerajaan Persekutuan, negeri atau persendirian di Pulau Pinang banyak tempat-tempat ini dan saya tidak ingin mengulangi di sini senarai-senarai yang panjang ini memang meliputi aspek-aspek berpotensi untuk kita menerokai memberikan taraf warisan negeri.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan tentang dana saya ingin menggunakan *platform* ini mengulangi sekali lagi seruan ataupun permintaan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat sepatutnya ada satu peruntukan RM50 juta diberikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka dan sepatutnya kita menerima peruntukan adil RM25 juta seperti peruntukan RM30 juta yang diterima oleh Melaka. Kerajaan Persekutuan tidak melaksanakan keadilan dalam hal ini. Ini seolah-olah satu negara luar sistem, walau bagaimanapun tak pernah ketinggalan dalam usaha untuk mempromosikan Negeri Pulau Pinang dan juga warisan Kerajaan Negeri sentiasa berusaha melipatgandakan program-program Tapak Warisan Dunia George Town.

Walaupun kita Kerajaan Negeri masih tidak mendapat peruntukan kewangan RM25 juta seperti dijanjikan, Pulau Pinang telah mendahului World Heritage Incorporated dengan cepat dan berbagai program telah dijalankan bagi tujuan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Dan berkenaan dengan isu dana ini, sebenarnya enakmen ini tidak memperuntukkan kerana tabung warisan boleh ataupun Akaun Amanah Warisan boleh ditubuhkan melalui Akta Prosedur Kewangan di bawah Seksyen 9 sebagai Tabung Amanah Warisan dan kita ini boleh ditubuhkan di bawah Akta Prosedur Kewangan dan ini keperluan buat masa ini untuk kita *qualified* satu kumpulan wang warisan.

Berkenaan dengan soalan dana saya ambil maklum cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat dan kita lihat bagaimana pada masa depan kita dapat melaksanakan perkara itu. Tentang proses mahkamah yang dibangkitkan tadi, sebenarnya Pihak Berkuasa Negeri bermaksud EXCO Pihak Berkuasa Negeri bermaksud keputusan daripada Mesyuarat Majlis Kerajaan dan *natural justice* masih terpakai dan prosedur-prosedur bagaimana *reality* seperti yang telah diperuntukkan dan di *develop* prosedur bagaimana nak *handle* rayuan-rayuan sebegini.

Isu membangkitkan tentang keputusan Pihak Berkuasa Negeri, pihak-pihak yang terkilang masih selepas keputusan yang diberi seperti dalam *administrative law*. Pihak-pihak boleh memfailkan kehakiman. Iaitu *treasury review* mahkamah atas isu undang-undang, jika tidak berpuas hati dengan Pihak Berkuasa Negeri ini adalah memang *standard practice law*. *Treasury review* boleh difailkan dan di samping itu Seksyen 52 berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Padang Kota tentang pertindihan kuasa ini. Sebenarnya Seksyen 52 bukan pertindihan kuasa ia akan bergantung kepada pihak yang menguatkuasakan sama ada hendak mengambil tindakan di bawah enakmen ini ataupun di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa atau enakmen-enakmen yang lain.

Saya ambil maklum tentang cadangan Tanjung Bungah tentang perkara-perkara di bawah dalam hal perkara harta karun sebenarnya harta karun ini telah diperuntukkan dengan jelas dan teliti di bawah Seksyen 73 Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan ini Seksyen 73, Seksyen 78 telah menyatakan harta karun bagaimana hak letaknya oleh Kerajaan Negeri dan prosedur-prosedur telah dinyatakan secara jelas di bawah Akta Warisan Kebangsaan. Oleh itu kita tidak dimaksudkan di sini dan dalam isu-isu bersampingan yang telah dibangkitkan, saya rasa tentang perjanjian sama ada *purchase notice* ini adalah satu ciptaan akta di bawah ECPA digariskan tapi di bawah enakmen ini tidak berbuat demikian, ingin *highlight* satu perkara yang iaitu Seksyen 30, mana-mana Warisan Negeri yang dipunyai atau dimiliki mana-mana orang boleh terus berada dalam milikan empunya penjaga atau penjaga amanahnya.

Maksudnya satu warisan negeri contohnya seperti Telok Bahang nyatakan contoh Kampung Jamek di Batu Uban. Contohnya kita isytiharkan warisan negeri masih ada pada hak milik tanah, hak milikan masih ada pada kariah pihak-pihak bertanggungjawab kepada pentadbiran ini. Ini tidak mengganggu *ownership* tentang bangunan tersebut.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri apabila di samping memberikan nafas baru dan hala tuju baru dari segi perancangan tentang hal ehwal warisan ini telah menyediakan *draf special area plan* dan petang ini kita label enakmen warisan negeri Pulau Pinang dan ini merupakan satu hari yang bersejarah kerana kita mengemukakan satu Rang Undang-undang yang merangkumi bukan sahaja di kawasan George Town tetapi juga kawasan-kawasan di luar George Town tetapi juga di seluruh negeri Pulau Pinang, terdapat cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi satu yang boleh dilaksanakan secara pentadbiran. Kalau kita lihat bagaimana kita membuat dasar ataupun melakukan secara pentadbiran tentang cadangan-cadangan tersebut dan saya juga mengalu-alukan *input* tadi dan menjadikan satu *basis* kepada kita untuk membuat penambahbaikan pada masa-masa yang akan datang.

Saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang selalu mengambil berat terhadap hal ehwal warisan kepada Ketua Penasihat Undang-Undang, Kepada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, kepada Pengurus Besar, George Town World Heritage Incorporated, kepada Tourism Museum, empat-empat pihak yang membantu dalam penyediaan dan juga penyediaan Rang Undang-undang ini. Dengan ini saya mohon sokong, Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih banyak.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama satu enakmen warisan Negeri Pulau Pinang 2011.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha:**

Fasal 1 hingga 3.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 1 hingga 3, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**Setiausaha:**

Fasal 4 hingga 14.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 4 hingga 14, adakah menjadi sebahagian daripada Rang undang-undang?.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasal 15 hingga 17.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 15 hingga 17. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Fasal 18 hingga 27.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 18 hingga 27. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."



**Setiausaha:**

Fasal 28.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 28. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Fasal 29 hingga 31.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 29 hingga 31. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Fasal 32 hingga 37.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 32 hingga 37. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Fasal 38.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 38. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Fasal 39 hingga 48.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 39 hingga 48. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Fasal 49 hingga 58.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 49 hingga 58. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan pemeliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tajuk penuh, dan fasal yang mengundangkan adakah sebahagian Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Wong Hon Wai):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan kebudayaan warisan semula jadi bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan fasal demi fasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan.

Saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga sudah diluluskan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ke tiga adalah diluluskan, Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan,"Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Semua bersetuju "Ya."

**Setiausaha:**

Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang yang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang Enakmen Caj Air Pulau Pinang 2011.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi berkenaan dengan caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010 dibacakan bagi kali pertama.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi berkenaan dengan caj air, Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober, 2010.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, mengikut peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya memberikan kebenaran.

**Setiausaha:**

Rang undang-undang untuk meminda Enakmen caj air Pulau Pinang pengesahan 2011 bacaan bagi kali yang kedua.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, adalah saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Enakmen untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010 dibacakan bagi kali kedua."

Y.B. Dato' Speaker, Mesyuarat Majlis Kerajaan bilangan 40/2000 bertarikh 29hb. November, 2000 ketika menimbang kertas bilangan 842/2000 telah bersetuju dan memutuskan cadangan kadar kenaikan air yang diperakukan oleh Lembaga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sendirian Berhad atau PBAPPSB, bagi kadar kenaikan pada pengguna domestik yang menggunakan daripada 40,000 liter hingga 60,000 hendaklah daripada 42 sen seliter kepada 52 sen seliter sahaja dan bukan 70 sen seliter.

Kadar ini mula berkuat kuasa mulai 1hb. Januari 2001 sehingga ianya diterima semula pada kadar yang baru yang mulai berkuat kuasa pada 1hb. November, 2010 melalui Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air, kadar Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang 2010, PUA-334. Kadar tarif air pada 1 Januari 2001 tidak wartakan di bawah seksyen 44 di bawah seksyen Enakmen Pembekalan Air 1998. Namun begitu melalui satu notis pemberitahuan kepada umum mengenai kadar baru tarif air telah dikeluarkan pada ketika itu. Terbaharu kadar tarif baru telah disemak semula pada tahun 2010 yang telah diwartakan pada 1hb. Oktober, 2010 di bawah Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air. Kadar Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang 2010 telah berkuat kuasa 1hb. November 2010 dan bagi maksud itu kesemua takrif yang telah berkuat kuasa sebelum ini perlu diselaraskan berdasarkan keperluan undang-undang.

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengakui bahawa saya agak keberatan, untuk mencadangkan Rang Undang-undang ini untuk membetulkan kegagalan dan kecuaihan pentadbiran kerajaan Barisan Nasional yang lepas untuk meluluskan Rang Undang-undang ini

Sungguhpun saya kurang bersetuju dengan enakmen undang-undang yang berbentuk retrospektif itu, saya terpaksa akur untuk membentangkannya atas nasihat Y.B. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri. Beliau menyatakan bahawa Enakmen ini adalah untuk memenuhi Akta Persekutuan iaitu Akta Perkhidmatan Industri Air. Oleh itu mahu tidak mahu, suka tidak suka, rela tidak rela, saya terpaksa mencadangkannya untuk membetulkan satu kesilapan besar oleh pentadbiran Barisan Nasional yang lepas. Kerajaan Negeri sedang mengambil tindakan untuk mengesahkan pungutan caj air mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010 bagi tujuan mematuhi keperluan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 44 Enakmen Pembekalan Air 1998.

Maka Rang Undang-undang ini dibentangkan bertujuan untuk mengesahkan pengenaan dan pungutan fi yang telah dipungut berkenaan dengan pengenaan caj air selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 iaitu dua hari fi yang mula dipungut hingga 31hb. Oktober 2010 iaitu tarikh mula berkuat kuasanya Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air, kadar Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang 2010. Itulah

tempoh 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010, 10 tahun kecuaiannya undang-undang yang dilakukan oleh pentadbiran yang lepas, di mana kita wariskannya Kerajaan Pakatan Rakyat wariskannya dan terpaksa membetulkannya. Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, saya mencadangkannya, Sekian.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Caj Air Pulau Pinang dalam kurungan pengesahan 2011. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dahulu dipersilakan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Y.B. Dato' Speaker, saya amat terharu tadi dengan cadangan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berkenaan dengan Rang Undang-undang ini di mana dinyatakan bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini adalah sebenarnya akibat kecuaiannya dan kelalaian di pihak kerajaan terdahulu dan ini adalah satu perkara yang begitu serius di mana pihak kerajaan baru sekarang, Kerajaan Pakatan Rakyat terpaksa mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan keadaan tersebut dan memandangkan ini telah dilakukan saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan saya berpendapat bahawa pembentangan Enakmen ini adalah amat sesuai dan tepat pada masanya di mana kita mengambil kesempatan yang tercepat di mana apabila dimaklumkan oleh Pegawai Penasihat Undang-undang untuk memperbetulkan keadaan tersebut. Jadi dengan itu saya mohon menyokong, Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, silakan Ahli Kawasan Komtar.

**Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya berasa lebih terharu jikalau tanpanya Ahli-ahli Yang Berhormat dari kerajaan yang membahaskan terhadapnya mengapa tiada pembangkang yang membahaskan terhadap Rang Undang-undang ini, sepatutnya adakah ini kerana mereka mengakui mereka telah melakukan satu kesilapan. Walaupun Rang Undang-undang ini menyebut bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan peruntukan tambahan terhadap Kerajaan Negeri, tetapi jikalau Rang Undang-undang ini tidak diluluskan dengan segera, makanya jikalau sebarang tuntutan terhadap kerajaan akan melibatkan satu kerugian yang besar, di mana semua wang yang dikutip bagi 10 tahun yang lepas perlu dikembalikan. Jadi saya berharap kerajaan Pakatan Rakyat mengambil iktibar daripada kecuaiannya ini supaya kita dapat lebih berhati-hati dalam pemerintahan kita supaya kita tidak akan diambil sebarang tindakan oleh mereka yang mengalami kerugian. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tidak ada perbahasan lain, sesi perbahasan dengan itu tamat, sekarang kita berada di dalam sesi penggulungan dipersilakan Y.A.B. Ketua Menteri untuk sesi penggulungan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Y.B. daripada Y.B. Datok Keramat dan Komtar yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya rasa itu bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan oleh pentadbiran yang lepas dan tentulah kita pun tak tahu sama ada perkara-perkara sedemikian masih belum muncul lagi, mungkin ada lebih ada lebih banyak yang belum muncul lagi tetapi sekurang-kurangnya kita akan terus membetulkannya. Itulah yang kita sebut masalah-masalah yang kita warisi yang kita terpaksa membetulkannya selangkah demi langkah dan juga satu demi satu dan saya rasa dengan sokongan yang diberikan oleh rakyat Pulau Pinang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan pastikan bahawa apa yang dilakukan kesilapan besar dan kecuaiian yang dilakukan oleh Barisan Nasional tidak akan berlaku semasa pentadbiran Pakatan Rakyat.

Sekiranya itu kesilapan ini mereka akui bahawa mereka silap dan meminta maaf tentulah ini sekurang-kurangnya akan meringankan kerja kita sedikit. Kita terpaksa buat kerja ini sungguhpun agak keberatan tapi sekurang-kurangnya lebih lancar, tetapi saya rasa itulah perbezaan di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional di mana pihak Barisan Nasional di mana pihak Barisan Nasional tidak akan mengakui sebarang kesilapan atau kesilapan yang mereka lakukan bukan seperti Pakatan Rakyat sekiranya kita lakukan kesilapan kita akan mengakuinya kerana kita mahu membetulkan diri dan menjadi lebih baik so di sini dengan sikap sedemikian kerana sesiapa pun boleh buat salah tapi perbezaannya ialah sikap bersedia untuk membetulkan diri, bersedia untuk memperakunya, bersedia untuk dengar suara rakyat, suara yang betul, maka kita terpaksa mencadangkan Rang Undang-undang ini atau membentangkan Rang Undang-undang demi membetulkan kesilapan orang lain. Dengan ini saya mencadangkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih banyak.

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengesahkan berkeanaan dan pemungutan fi, berkeanaan dengan caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang undang-undang bernama, Rang Undang-undang telah dibacakan kali yang kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha:**

Fasal 1 hingga 2.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Fasal 1 hingga 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Setiausaha:**

Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengesahkan berkeajaan dan pemungutan fi berkeajaan dengan caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tajuk penuh dan fasalnya yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi berkeajaan dengan caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa yang dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga adalah diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih banyak.

**Setiausaha:**

Enakmen untuk mengesahkan pengenaan dan pemungutan fi berkenaan dengan caj air oleh Pihak Berkuasa Negeri selama tempoh mulai 1hb. Januari 2001 hingga 31hb. Oktober 2010 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

**Setiausaha:**

Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri :**

Sebelum ini, Y.B. Dato' Speaker saya ingin memohon selaras dengan peraturan 6A (i) peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya memohon supaya masa persidangan hari ini 10hb. Mei 2011 dilanjutkan hingga jam 7.00 malam.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada sokongan?

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Y.B. Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah peraturan 6A(i) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 10hb. Mei 2011 dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

Semua setuju. Usul dipersetujui.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Sub Peraturan, 109B(i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan keputusan usul yang diluluskan oleh Dewan pada 11hb. November 2010, maka Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibentangkan di atas meja mesyuarat dalam Dewan ini sebagai risalah Dewan Bil. 1 tahun 2011 diterima dan dipersetujui.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.



## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker pada 11hb. November 2010 Y.B. Ahli Kawasan Komtar telah mengemukakan satu usul untuk merujuk akhbar harian Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan 109B(i) Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kerana membuat satu laporan palsu dalam edisinya bertarikh 11hb. November 2010 di muka surat 7 di bawah tajuk. "Apa status kediaman rasmi Guan Eng", di mana telah melaporkan bahawa Ahli Y.B. Permatang Berangan telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb. November 2010 bahawa kos pengubahsuaian banglo yang disewa, yang didiami oleh Y.A.B. Ketua Menteri melebihi RM1.5 juta seperti keratan akhbar Utusan Malaysia di lampiran "B" pada risalah Bil. 1 tahun 2011. Lagipun kediaman rasmi bukan dimiliki secara peribadi oleh saya tetapi oleh Kerajaan Negeri dan tajuk sebenarnya haruslah status kediaman rasmi Ketua Menteri.

Y.B. Dato' Speaker ini adalah satu bukti yang menunjukkan Utusan yang merupakan satu akhbar yang dikawal dan dimiliki oleh UMNO sekali lagi membuat perhubungan yang jelas, tidak berasas dan saya telah bertanyakan kepada Y.B. Ahli Kawasan Permatang Berangan dalam Dewan yang mulia ini pada 11hb. November 2010 sama ada Y.B. Kawasan Permatang Berangan telah mengeluarkan kenyataan sedemikian dan Y.B. Ahli Permatang Berangan menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan sedemikian, jadi siapakah yang sebenarnya mengeluarkan kenyataan sedemikian. Malah Utusan Malaysia sanggup menyiarkan berita palsu seorang ADUN UMNO demi memburukkan dan menjatuhkan imej Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Ini bukan kali pertama Utusan Malaysia menyiarkan berita palsu, yang lebih membimbangkan apabila berita palsu ini merupakan fitnah berunsur perkauman dan ekstremis yang mengancam keharmonian kaum dan agama.

Pembohongan bahaya ini terserlah dalam laporan muka depan bahawa ada konspirasi oleh DAP dan paderi-paderi Kristian di Pulau Pinang untuk menubuhkan sebuah negara Kristian dan melantik Perdana Menteri beragama Kristian, jelas sekali dalam usaha membunuh DAP akhbar milikan UMNO ini rela membakar satu Malaysia dengan menganiayai agama Kristian dengan fitnah yang sungguh jahat ini. Utusan Malaysia rela menjadikan penganut Kristian dibenci dan menyemarakkan kebencian terhadap penganut agama Kristian dengan satu pembohongan besar demi mencapai matlamat politik mereka ...(dengan izin), *like what the nazi says when you tell a lie, tell a big lie and repeat it ten tounsand time it will became a truth*. Malah Utusan Malaysia pernah mencadangkan tragedi 13hb. Mei diraikan sebagai hari keramat, beria-ria meraikan dan dia sanggup beria-ria meraikan pembunuhan rakyat Malaysia yang tidak berdosa dan tidak bersalah.

Y.B. Dato' Speaker rakyat Malaysia masih ingat kebakaran gereja lebih setahun dahulu dan sekiranya ada kejadian yang tidak diingini berlaku ke atas masyarakat Kristian di Malaysia maka Utusan Malaysia dan pemiliknya harus bertanggungjawab dengan sepenuhnya oleh itu jawapannya memang jelas adalah angkara akhbar Utusan Malaysia yang sentiasa membuat laporan palsu membuat tohmahan membuat fitnah terhadap Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat supaya mengakibatkan satu keadaan yang kacau bilau satu keadaan yang huru-hara supaya rakyat dapat diputar belitkan rakyat dapat dipesongkan oleh laporan akhbar Utusan Malaysia yang tidak berasas. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk hansard yang jelas menunjukkan ke semua ini adalah satu pembohongan.

Y.B. Dato' Speaker Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri telah mengadakan dua kali mesyuarat iaitu pada 26hb. Januari 2011 dan 16hb. Februari 2011. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di mesyuaratnya pada 26hb. Januari 2011 bersetuju untuk menjemput Ketua Pengarang

Akhbar Utusan Malaysia untuk memberi penjelasan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada 16hb. Februari 2011. Dalam mesyuarat kedua Jawatankuasa ini pada 16hb. Februari 2011 Y.B. Dato' Speaker sebagai pengerusi telah memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Utusan Malaysia telah dipanggil untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa pada hari ini, tetapi Ketua Pengarang Utusan Malaysia atau wakilnya tidak hadir serta tidak memaklumkan urus setia melalui surat.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa surat jemputan kepada Ketua Pengarang Akhbar Utusan Malaysia telah dihantar melalui pos ekspres pada 27hb. Januari 2011. Di samping itu, pihak urus setia juga telah menghubungi Pejabat Ketua Pengarang Akhbar Utusan Malaysia melalui telefon pada hari Isnin 14hb. Februari tahun ini dan dimaklumkan bahawa tidak dapat hadir ke mesyuarat pada hari tersebut. Ini jelas menunjukkan bahawa Ketua Pengarang Akhbar Utusan Malaysia tidak mahu memikul tanggungjawab untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Y.B. Dato' Speaker, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah membuat tiga rumusan iaitu:-

Pertama, memutuskan untuk merakamkan rasa kesal atas tindakan akhbar Utusan Malaysia yang telah membuat fitnah ke atas Kerajaan Negeri dalam akhbar Utusan Malaysia yang bertarikh 11hb. November 2011 iaitu bahawa kerja-kerja pembaikan kediaman Ketua Menteri adalah sebanyak RM1.5 juta.

Kedua, memberi kenyataan yang keras dan mengutuk akhbar Utusan Malaysia kerana menghina Dewan disebabkan gagal menghadirkan diri untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Ketiga, melarang Utusan Malaysia daripada terus membuat liputan sidang Dewan yang akan datang. Ini termasuk larangan daripada membuat liputan sama ada di dalam Dewan Persidangan atau di perkarangan Dewan dan menghadiri sidang Dewan. Ketua Pengarang Akhbar Utusan Malaysia hendaklah meminta maaf kerana tidak dapat hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada 16hb. Februari 2011 serta memperbetulkan kenyataannya melalui akhbar Utusan Malaysia.

Saya sebagai Ketua Menteri hanyalah menjalankan tugas untuk membentangkan usul yang diputuskan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri dipersilakan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin memulakan dengan menyatakan bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sebenarnya diketuai atau dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri. Saya mendapati bahawa tindakan Pengarang Utusan Malaysia di dalam tidak menghadiri sesi yang telah dijalankan oleh jawatankuasa tersebut adalah satu tindakan yang menghina Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terutamanya menghina Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri.

Saya berharap bahawa satu tindakan yang lebih tegas dapat diadakan atau dikenakan terhadap Pengarang Utusan Malaysia ini kerana ini adalah satu Dewan Undangan Negeri. Seperti di dalam mahkamah, sekiranya seseorang itu menghina mahkamah, mahkamah ada hak untuk mendapatinya sebagai *contempt of the court*.

Antara lain seseorang itu boleh dimasukkan ke dalam penjara *civil* dan saya berharap mungkin ini dapat dipertimbangkan sama ada terdapat kuasa di bawah *Houses of Parliament Act* untuk membolehkan Y.B. Dato' Speaker mengambil tindakan seperti itu. Bukan sahaja kita hendak meminta dia minta maaf, kerana saya pasti dia tidak akan meminta maaf kerana sejak Mac 2008.

Apabila kita mengambil alih pucuk pimpinan di Pulau Pinang, dua, tiga hari sahaja mereka sudah *start* kerja, sudah ada pelan, sudah ada rancangan dan sudah diatitkan dan menyatakan Ketua Menteri Pulau Pinang hendak menghapuskan Dasar Ekonomi Baru. Langsung dia tidak kata begitu. *That was the beginning and it has not ended.* Seperti mereka diberikan *free hand* untuk melakukan apa sahaja. Kita ada Menteri Dalam Negeri seperti Hishamuddin, seorang menteri yang mandul, tidak boleh buat kerja dia, betul-betul tidak boleh buat kerja dia. Kalau benar-benar hendak mempertahankan hak rakyat Malaysia, tanpa mengira agama, kaum dan bangsa, sejak tahun 2008 apabila diperkaumkan semua isu oleh Utusan Malaysia, tindakan seharusnya sudah diambil tetapi tidak.

Tindakan menjadi lebih serius, laporan berita menjadi lebih menghasut, lebih memecahbelahkan kaum. Baru-baru ini kita lihat seperti yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi, isu Kristian. ....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sebelum itu saya hendak minta elak dari menggunakan perkataan mandul, kena cari perkataan lain.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Okey. Mandul kerana tidak boleh buat, seorang menteri yang tidak boleh buat kerja dia. *So anyway the point is this*, ianya menjadi lebih teruk Y.B. Dato' Speaker. Sepertimana yang saya nyatakan, kita tahu semua isu-isunya, *I dont want to repeat, but the point is it is as if they are being given a free hand to do this, this is what I am trying to stress here, ...*(dengan izin). Seperti mereka diberi *green light* sahaja, *any rational thinking Malaysian who does not think as a racist will certainly not prescribed, ...*(dengan izin), *to what is being reported by Utusan.* So kita dalam satu keadaan di mana begitu bahaya negara ini kerana ada satu akhbar harian yang dipanggil Utusan Malaysia. Saya percaya ...*(dengan izin), with all my heart, that Malaysia today will be a much better, a peaceful nation if there was no Utusan Malaysia....*(tepuk meja). Saya begitu mengucapkan terima kasihlah kerana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah mengambil keputusan supaya akhbar harian ini dilarang daripada memasuki Dewan, sebenarnya mereka pada keseluruhan sesi Dewan ini mereka tiada di Dewan, itu betul Y.B. Dato' Speaker. *I dont know whether it has been implemented* keputusan tersebut.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Belum lagi.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Belum lagi? So mereka masih ada di sini?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Minggu lepas mereka ada.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Okey. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kerana jawatankuasa ini mengambil berat tentang apa yang telah dinyatakan. *Of course* ini adalah satu daripada banyaknya perkara salah yang telah dilakukan oleh akhbar harian Utusan Malaysia yang tersebut. Sekian, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih. Saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan usul ini. *Subject matter* adalah Utusan Malaysia, memang Utusan Malaysia *shareholder* yang terbesarnya adalah UMNO, ini kita semua tahu. Ini tidak bererti apa yang Utusan Malaysia buat kita akan sokong dengan apa yang dibawa di dalam Utusan. Tentang kesungguhan pihak-pihak kerajaan khususnya Menteri Dalam Negeri memang telah diambil tindakan. Dalam kes terbaru ini pun beliau telah panggil semua pihak dan menentukan di mana sumber berita dan sebagainya, akhirnya dia hendak tahu siapa sebenarnya yang *spin the issue*. Kadang-kadang memanglah surat khabar ini hendak jual surat khabar mereka, so dia *sensational* sedikit, bukan Utusan sahaja, semua surat khabar begitu, sebenarnya tidak ada pun, tetapi oleh kerana tajuk ni kadang-kadang menarik minat orang untuk membaca, so dibeli surat khabar. Bila dibaca tidak ada perkara pun.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Minta laluan, adakah sekarang Y.B. Telok Bahang bersetuju bahawa mereka ini secara sengaja telah *spin of ....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

*We don't know.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*No, no*, ini serius, Y.B. Telok Bahang sekarang telah mengaku bukan sahaja sebagai *bigger shareholder*, kamu telah mengakui sekarang, Y.B. Telok Bahang bahawa Utusan Malaysia selalu *spin* untuk men *sensationalised*, *to sensationalized* berita supaya dapat menjual. Ini baru dinyatakan, ada di atas *hansard*. Betul atau tidak, itu yang saya dapat dengar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

*I am talking in general.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*No, you did not say in general. With due respect you are referring to Utusan. You said others also* tetapi berkenaan Utusan, maka inilah satu pengakuan bahawa Utusan *spin their stories* supaya mereka dapat jual lebih surat khabar mereka. Itu yang saya baru dengar dan sekiranya itu betul, saya ingin Y.B. Telok Bahang sekarang sebagai seorang UMNO dan *major shareholders of the Utusan* untuk mengambil tindakan untuk memberhentikan perkara sebegini. Boleh buat atau tidak perkara ini, saya tanya sekarang Y.B. Telok Bahang.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi peluang kepada Y.B. Telok Bahang beri penerangan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Boleh buat atau tidak? Kalau sudah setuju boleh buat atau tidak? Ini adalah permintaan saya, dalam ucapan sila jawab.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita dengar. Y.B. Datok Keramat sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Jangan pusing-pusinglah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Dalam ucapan sila jawab.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Jangan pusing-pusinglah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya tidak mahu pusing-pusing, saya nampak terus kepada *you* dan saya tanya, dalam ucapan nanti sila jawab boleh atau tidak sebagai seorang ahli pucuk pimpinan UMNO minta Utusan berhentikan cara laporan mereka seperti ini. Boleh atau tidak? Jawab dalam ucapan sekarang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, tadi saya cakap secara *general*. Surat khabar hendak jual surat khabar, mana-mana surat khabar pun hendak jual surat khabar mereka termasuk surat khabar Cina ka, Melayu ka, Tamil atau Inggeris ka, semua sama. Kadang-kadang.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*I take your point.*

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bagi peluang dia habis dulu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Kalau semua surat khabar buat, boleh. Tapi surat-surat khabar lain tidak *sensationalize*, tidak memperkauman, betul atau tidak? Mereka tidak berbuat demikian.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Peraturan Dewan macam mana ini, tidak ikut.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Biar Telok Bahang teruskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*There was spinning of by Utusan is to racialise issues, so that is the point, here Y.B. Dato' Speaker that is the point.*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tidak kata secara spesifik Utusan *spin*, saya tak kata, saya kata banyak kali kita lihat beginilah keadaannya. Surat khabar ini *business*, kalau tajuknya tidak menarik orang tidak membeli surat khabar. Dalam hal ini Menteri Dalam Negeri sudah panggil pun pihak-pihak yang berkenaan, kerana dia hendak tahu .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Minta penjelasan. Sekejap sahaja, satu *point* sahaja. Sebenarnya Y.B. Telok Bahang tadi kata hendak *spin*, supaya dia boleh jual lebih banyak surat khabar, betul? Untuk Utusan. Tetapi saya hendak terangkan, sebenarnya Utusan lagi dia *spin*, *circulation* dia lagi *drop*. Sekarang 30,000 sehari saja, betul? Ini adalah satu petunjuk bahawa ini adalah satu alat politik UMNO Barisan Nasional, utusan sudah jadi satu alat untuk meraih kepanasan atau ketidakpuasan hati orang Melayu terutamanya orang-orang kampung, bukan lagi di bandar kerana di bandar sudah ada internet dan mereka tahu. Sekarang mereka hendak meraih simpati pada penduduk di luar kawasan bandar.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, sekarang Dewan ini sudah tidak ada peraturan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Penjelasan. Saya ikut peraturan dan minta penjelasan. Secara spesifik.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Nanti sekejaplah.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Secara spesifik tadi Yang Berhormat kata secara *general* bahawa ada akhbar termasuk Utusan Malaysia *spin*, jadi sebagai pemimpin UMNO yang menjadi pemegang terbesar Utusan Malaysia, secara spesifiknya kes laporan muka depan Utusan Malaysia berhubung dengan DAP dan Paderi Kristian bersubahat untuk mewujudkan negara Kristian dan Perdana Menteri dari penganut Kristian.

Secara spesifiknya, adakah Yang Berhormat menganggap berita ini satu *spin* atau tidak? Kalau sebagai *spin*, sebagai pemimpin UMNO yang menjadi pemegang saham terbesar, pagi tadi pun dinyatakan pendirian seorang dua pemimpin UMNO tidak membayangkan pendirian parti UMNO, tetapi dalam kes ini UMNO memegang saham yang terbesar di dalam Utusan Malaysia. Apakah tindakan yang akan diambil UMNO sama ada menjual saham dan membiarkan Utusan Malaysia jahanam kerana tidak ada sokongan UMNO. Kita tahu Utusan Malaysia berani buat segala-gala ini termasuk ada kuasa-kuasa kerajaan di belakang Utusan sebab pemegang saham terbesar ialah UMNO. Kalau tidak ada UMNO Utusan tidak akan berani buat macam ini.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Sebagai seorang rakyat Malaysia yang besar di kalangan pelbagai kaum di Balik Pulau, di Pulau Pinang, saya bila membaca berita itu saya langsung tidak percaya kerana tidak mungkin masyarakat Kristian....(tepuk meja). Betul saya tidak percaya, *because we have been living*. Macam ini dari dulu sampai sekarang *very peaceful* dan saya pun belajar dari Sekolah St. George dulu, saya bermain dengan kawan-kawan di *church* dan sebagainya, biasa. Saya tahu agama ini tidak menganjurkan *violent* dan sebagainya. Jadi memang saya tak percaya. Sebab itu saya kata, biar tunggu dulu, tunggu sampai Menteri buat siasatan. Kalau didapati tidak betul *we can follow up* surat khabar ini, tidak ada masalah. Jadi mungkin Ketua Menteri dah mendahului keadaan. Tunggu sekejap, tunggu sampai disahkan siapa yang buat keluar cerita ini dan sebagainya, lepas itu barulah kita ambil tindakan. Saya tak tahulah, kadang-kadang kita semua rasional, kita tahu mana yang baik, mana yang tak baik.

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Saya sebagai kawan lama Telok Bahang sejak tahun 90-an, saya menghargai kejujuran, keikhlasan Yang Berhormat tak mengaku bahawa tak percaya dengan laporan berita Utusan Malaysia itu. Dan saya pun nasihatlah jangan *defend un indispensable*. Isu ini tidak boleh di *defence* kan. Akur dan *move on* dan nasihatkan Utusan Malaysia jangan buat, minta maaf. Sebagai Kristian saya sendiri merasa ini tak mungkin apa yang dilakukan oleh Utusan Malaysia sudah menyakitkan hati orang-orang penganut Kristian di seluruh Malaysia. Kalau nak jahanamkan DAP tak apalah. Adakala kita menang satu, dua kerusi sahaja pun hampir jahanam. Tapi jangan buat atas agama yang lain. Agama Kristian kah, Buddha kah, Islam kah. Jangan menjadikan mereka *scape goat*....(tepuk meja). Kalau menjahanamkan DAP kita rela dalam pilihan raya rakyat jelata pengundi buat keputusan. Kita biasa menghadapi kekalahan. Saya pun pernah kalah, Ketua Menteri tak pernah kalah tetapi dikalahkan oleh mahkamah. Itu kita berani menghadapi kalau itu adalah satu perjuangan atau *game* politik kita faham, tetapi jangan gunakan pihak-pihak yang tidak berdosa untuk menjadi *scaoe goat*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):**

Kita bersependapat dalam hal ini dan kita nak duduk dalam keadaan aman damai. Malaysia ini *very unique*. Kalau di negara lain dah perang. Kadang-kadang sesama Islam pun, contolah antara Sunnah dengan Syiah bergaduh. Di

negara lain, agama negara lain-lain bergaduh. Jadi kita di sini kita bersyukur kepada Tuhan tak berlaku macam itu. Tapi saya hairan kenapa Ketua Menteri pun lompat juga, tuduh kata UMNO dah Barisan Nasional yang memulakan tuduhan begitu, yang kata paderi-paderi Kristian dah buat perancangan dah jadikan Kristian sebagai agama rasmi. Ketua Menteri sendiri, jadi ini tak patutlah. Jadi itulah saya harap kita dengar dulu, kita berbincang dulu apa masalah dia sebenarnya siapa yang buat isu ini dan kalau saya yakin menteri akan ambil tindakan. Yang kita nak sibuk di sini pasal apa. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seterusnya kepada ahli-ahli lain yang ingin turut sama dalam perbahasan. Ya, Permatang Pasir. Silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh bin Man):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya juga bangun untuk turut membahaskan persoalan mengenai kegilaan Utusan Malaysia ini yang semakin menjadi-jadi. Menabur fitnah dan mengungkitkan perkara yang sensitif tanpa menjejaki bumi yang nyata.

Akhbar milik UMNO yang telah kita sedia maklum selama ini, Utusan Malaysia ternyata lebih berani mencabar kesabaran dan ketenteraman kehidupan rakyat Malaysia dengan mencetuskan perkara-perkara yang kadang-kala tidak diterima oleh akal. Semahunya Utusan jelas kelihatan sebagai media yang berusaha menanam isu-isu yang sensitif ke dalam pemikiran rakyat, khususnya Melayu dan kaum-kaum lain. Ini amat membahayakan kerana dapat menimbulkan kecelaruan di kalangan rakyat umumnya.

Utusan ternyata gemar mengusik perasaan orang Melayu dan juga kaum yang lain dengan isu-isu yang boleh membangkitkan kemarahan dan kesabaran orang Melayu. Namun demikian oleh kerana sebahagian besar rakyat telah lama menolak Utusan Malaysia dengan hal-hal yang meloyakan, maka tahap kebolehan, kepercayaan terhadap isu yang dibangkitkan tidak begitu diterima pembaca atau tidak dipercayai langsung kesahihannya. Begitu pun rakyat merasa tercabar kerana kerajaan khususnya pihak berwajib menutup mata dengan menganggap tidak sensitif dan tidak perlu diambil tindakan. Inilah yang dibicarakan oleh rakyat semasa yang turut menyifatkannya sebagai tidak ada berlakunya keadilan di dalam menguatkuasakan undang-undang. Pihak berwajib kelihatan banyak bersandiwara dalam hal ini.

Tindakan tegas wajar diambil segera terhadap Utusan Malaysia, ekoran laporan mendakwa pemimpin Kristian bersekongkol dengan pemimpin DAP untuk mengambil alih Putrajaya dan menggugurkan status Islam sebagai agama rasmi negara. Laporan tersebut langsung tidak logik dan tidak berasas memandangkan adalah satu hal yang mustahil untuk DAP melakukan dakwaan tersebut kerana jumlah Ahli Parlimen DAP sendiri tidak mencukupi. Rakyat sekalipun tidak mungkin PAS dan PKR tidak bersetuju. Oleh itu pihak berwajib patut bertindak segera ke atas Utusan yang sengaja menimbulkan perkara yang sensitif dan menimbulkan kemarahan rakyat. Tindakan wajib diambil ke atas Utusan Malaysia dan dua *bolggers pro* UMNO yang cuba mencemarkan ketenteraman dan keamanan negara wajar diketahui rakyat bahawa sebarang dasar negara memerlukan persetujuan majoriti Parlimen yang terdiri daripada Ahli Parlimen yang sebahagian besar mereka beragama Islam.

PKR sudah awal-awal lagi mengisytiharkan akan mendukung sepenuhnya Perlembagaan Malaysia, lebih-lebih lagi Islam sebagai Agama Rasmi negara. Utusan Malaysia sudah menjadi semakin melampau dalam pemberitaan ekoran ruang kebebasan suara yang keterlaluan diberikan oleh pihak yang berwajib khususnya UMNO di dalam mengekalkan berkuasa. Kelesuan dan kelonggaran tahap melampau pihak berwajib terhadap utusan ini telah menjadikan media propaganda UMNO ini semakin biadab dan semakin berani secara terang-terangan menyiarkan pelbagai perkara yang bercanggah dengan peraturan ketenteraman awam. Kita tidaklah marah kepada wartawan.

Fokus utama ialah setiap keluaran yang dikeluarkan oleh Utusan boleh menyusahkan rakyat keseluruhannya. Kementerian Dalam Negeri membiarkan sentimen dalam perkauman dan agama ini ditaburkan agar rakyat berbilang kaum mengusik perasaan. Utusan Malaysia sebelum ini menimbulkan 1Melayu, 1Bumi dan sebelumnya mengenai kritikan terhadap Raja-raja Melayu serta pelbagai isu yang bertentangan dengan kebenaran permit yang dikeluarkan. Sehubungan itu, saya menggesa agar kerajaan menarik balik permit akhbar Utusan Malaysia dan pihak berwajib khususnya Menteri Dalam Negeri wajar meletakkan jawatan jika gagal bertindak dan membendunginya...(tepuh meja). Kegagalan menangani isu ini dengan bijak, boleh menyemarakkan isu dalam kaum dan oleh kerana ini saya mencadangkan agar Utusan Malaysia ini diharamkan ataupun dibubarkan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tidak ada perbahasan selanjutnya, saya meminta Y.A.B. Ketua Menteri untuk menggulung.



## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berucap termasuk daripada Y.B. Datok Keramat, Y.B. daripada Permatang Pasir dan juga Y.B. dari Telok Bahang. Y.B. Dato' Speaker ini adalah satu perkara yang amat serius kerana jarang sekali Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri akan mengesyorkan usul serius sedemikian, ianya usul sedemikian hanya di syorkan apabila tidak ada jalan lain, lebih-lebih lagi bahawa Utusan Malaysia langsung tidak menghormati kedudukan dan kewibawaan Y.B. Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini dengan ingkar tidak datang memberi penjelasan mereka. Ini adalah satu penghinaan yang tidak boleh diterima oleh Dewan yang mulia ini. Apa pun pandangan yang diberikan, apabila diminta untuk hadir satu pendengaran yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker, keengganan ataupun keingkaran Utusan Malaysia seperti yang saya rasa yang disebut oleh Y.B. Permatang Pasir adalah sungguh biadab sama sekali.

Dalam aspek ini Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa Dewan yang mulia ini menjunjung kebebasan akhbar, tetapi kebebasan akhbar tidak merangkumi kebebasan untuk menabur fitnah, seperti yang sedia dimaklumkan oleh semua, khususnya daripada Y.B. Permatang Berangan yang selalu mengingatkan kita semua dan juga Y.B. daripada Sungai Bakap bahawa sesiapa yang membuat fitnah adalah lebih teruk daripada membunuh seseorang itu, kerana kalau bunuh seorang itu mati saja, tapi kalau dengan fitnah dia akan mati berkali-kali, dan itu harus dihayati dengan sepenuhnya, dan di sini kita menjunjung kebebasan akhbar, seperti kita lihat itu NST yang selalu juga memusuhi Kerajaan Negeri, selagi dia tidak melampaui batasan, tidak ada sebarang usaha untuk menghalang NST daripada menghadiri Dewan yang mulia ini, tetapi kalau sampai ucapan yang di buat oleh sorang ADUN UMNO pun boleh dipalsukan untuk menjatuhkan imej Kerajaan Pakatan Rakyat. Apabila pendengaran dibuat meminta mereka dengan begitu berbudi dan pekerti hadir pendengaran ini, tak mahu jawab langsung. Saya rasa itu menunjukkan bahawa Utusan Malaysia bukan sahaja tidak menghormati Dewan yang mulia ini tetapi juga tidak menghormati perlembagaan.

Macam mana sebuah akhbar yang kononnya menjunjung Perlembagaan tetapi ingin menghina institusi yang diletakkan di dalam Perlembagaan Persekutuan di mana ada Institusi Parlimen sebagai satu institusi umum diketuai oleh Yang di-Pertuan Agung atau Yang di-Pertua Negeri. Ini tidak dihormati langsung. Peruntukan dalam Perlembagaan tidak dihormati langsung.

Kedua kebebasan akhbar, mana kebebasan akhbar bila kebebasan akhbar hanya digunakan untuk menabur fitnah. Kebebasan akhbar bukan kebebasan berbohong. Ketiga Utusan Malaysia menjadi alat untuk membakar sentimen ekstremis perkauman beragama. Ini bahaya dan memudaratkan keselamatan. Oleh itu saya rasa adalah penting kita menyokong usul yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang diketengahkan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Y.B. Telok Bahang kerana dengan terus terang mengakui bahawa beliau baca laporan muka depan Utusan Malaysia beliau langsung tidak percaya. Ini adalah benda karut sekali, hanya zaman jahiliah hanya ada sahaja. Beliau merupakan pemimpin UMNO pertama....(tepuak meja). Pemimpin UMNO pertama di Malaysia secara terbuka menyatakan beliau tidak percaya laporan di muka depan Utusan Malaysia...(tepuak meja), bukan macam pemimpin UMNO lain yang menggunakan isu ini untuk hentam habis pasal DAP, hentam habis agama Kristian. Yang dianiyai sedemikian, saya ucapkan terima kasih. Tetapi berapakah rakan pemimpin UMNO yang sekedudukan dengan Y.B. Telok Bahang. Semua tidak ada di sini. Pulau Betong macam mana? Percaya tak Pulau Betong laporan muka depan

Utusan Malaysia, percaya tak? Boleh nyatakan pendirian, percaya atau tidak. Berikan dia peluang, kita tanya secara elok, percaya atau tidak, saya akan berikan laluan, percaya atau tidak? Y.B. Pulau Betong telah cakap tidak percaya, Yang Berhormat dari Pulau Betong percaya atau tidak?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya mahukan keamanan di Malaysia.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya, saya tahu. Semua mahu keamanan di Malaysia. Saya tanya percaya atau tidak laporan muka depan Utusan Malaysia itu. Y.B. Telok Bahang tidak percaya. Y.B. Pulau Betong setuju atau tidak bersetuju. Bersetuju apa?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Bersetuju apa itu?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Adakah bersetuju dengan Y.B. Telok Bahang bahawa laporan di muka depan Utusan Malaysia adalah palsu dan karut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya difahamkan perkara ini sedang dalam penyiasatan. Okey.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Percaya atau tidak. Secara peribadi seperti yang disebut oleh Y.B. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya baca semua surat khabar. Saya tidak pasti adakah betul dibetulkan. Kalau betul kata betul, saya tidak pasti yang itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak ada pendirian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya berpendirian bahawa kita semua harus bertanggungjawab. Dalam menjaga keamanan negara.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya saya tahu, tapi percaya atau tidak dalam laporan di muka depan Utusan Malaysia. Itu mudah sahaja. *Yes or no.*

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Mungkin tidak percaya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak percaya atau mungkin tidak percaya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):**

Saya tak percaya.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak percaya. Syabas.....(tepek meja), syabas kepada Y.B. Pulau Betong pun tidak percaya. Sekarang ada dua orang pemimpin yang tidak percaya. Sudah tambahlah. Seterusnya kalau tidak percaya, saya rasa adalah perlu bahawa kedua-dua pemimpin ini meminta tindakan diambil ke atas Utusan Malaysia kerana buat laporan palsu dan karut ini. Boleh tak? Ini bahaya, ini sungguh bahaya sendiri. Kristian nak jadi agama rasmi. Kristian nak gantikan agama Islam. Ini menimbulkan kebencian ada seorang penganut agama Kristian berumur 80 tahun, dia datang jumpa saya, mengapa perkara ini dimainkan, main dengan api. Nak membakar Ketua Menteri dan juga nak menghina agama Kristian. Sampai beliau cakap sampai menangis. Kita tidak buat salah. Kita tidak buat apa-apa mengapa kita dianiayai macam ini. Dia faham itu bukan angkara Islam. Ini bukan angkara rakyat Islam, tapi angkara Utusan Malaysia dan pemiliknya UMNO. Kalau ada pemimpin macam Telok Bahang dan Pulau Betong tidak percaya, tindakan mesti diambil kerana ini satu perkara yang terlalu serius kerana kita tidak boleh biarkan begitu sahaja ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Yang Amat Berhormat ahli Parlimen, cakap di Parlimen. Cerita di sana, di sini kita tidak boleh buat apa. Mungkin satu tindakan boleh dibuat di sana. Menteri ada di sana. Kita sebagai wakil rakyat biasa sahaja, cakap di sana.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita hendak cari kebenaran. Perkara ini harus dibahaskan di sini Y.B. Dato' Speaker kerana didakwa berlaku di Pulau Pinang, di mana pemimpin dan paderi-paderi Kristian di Pulau Pinang didakwa dalam satu Majlis di Pulau Pinang, termasuk saya, sungguhpun saya tidak hadir langsung macam mana saya boleh dikaitkan. Di mana DAP dan paderi-paderi di Pulau Pinang berbincang membuat rancangan, konspirasi untuk menubuhkan sebuah Negara Kristian dan jadi Kristian agama rasmi dan Perdana Menteri agama Kristian. Itu satu perkara serius kerana merupakan satu serangan bukan sahaja ke atas pucuk pimpinan Kerajaan Negeri, bukan sahaja kepada agama Kristian tetapi menjejaskan keharmonian dan keakraban kaum di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya memang bersetuju dengan Y.B. Permatang Pasir bahawa satu tindakan tegas harus diambil yang kita harap bahawa sungguhpun kita mungkin mempunyai pendirian politik yang berlainan, tapi saya rasa kita dapat membezakan mana yang benar dan mana yang batil. Mana yang betul dan mana yang salah. Kalau kita berpendidikan sedemikian saya rasa kita harus mendesak pertama, Utusan Malaysia menarik balik dan meminta maaf atas laporan palsu sedemikian. Kedua Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan keras terhadap Utusan Malaysia. Kita harap bahawa kedua-dua cadangan ini boleh diambil dan dipersetujui semua oleh Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini. Setuju. Dibahagikan Kerajaan setuju. Y.B. Telok Bahang macam mana.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya tidak setuju dengan usul.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya cadang sebagai secara tidak rasmi setuju atau tidak.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Kita tunggu dulu. Saya sebut tadi, kita *should not jump the gun*. Kita tunggu sehingga Menteri Dalam Negeri siasat dan didapati betul dan kemudian kita boleh buat tindakan susulan. Boleh cadang untuk buat tindakan susulan tapi kalau tidak betul, tetapi buat serangan begini diluluskan dalam Dewan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*I think you should not under estimate the seriousness of this lie.* Janganlah memandang rendah betapa bahayanya fitnah ini. Kalau ia tidak dibendung dengan cepat ia boleh merebak dengan impak yang sungguh jahanam sekali.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Saya bersetuju memang jika perkara ini dibiarkan akan menimbulkan ketegangan yang cukup serius di kalangan masyarakat kita, memang ini patut dibendung. Tetapi biar bagi peluang kepada Menteri untuk siasat. Dan kalau didapati tidak benar, *then* tidak benarlah.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker dan Y.A.B. Ketua Menteri. Kalau kita tengok Utusan Malaysia dari dulu sampai sekarang dia sudah bangkit pelbagai isu. Dia bukan sahaja selepas pilihan raya 2008 sebelum itu pun sudah tetapi lebih nyata selepas pilihan raya kedua belas. Saya nak ceritakan beberapa isu, dia ungkit kemarahan orang Melayu, "Bangkitlah Melayu." Satu isu pada lebih kurang setahun yang lalu, "Bangkitlah Melayu." Kedudukan orang Melayu sekarang diancam dan sebagainya. Isu ini dimainkan beberapa minggu dan selepas itu timbul pula isu Teo Nie Ching, Y.B. Serdang kata tidak boleh masuk surau dan sebagainya. Selepas itu cipta fitnah kata ada orang konspirasi nak ganti perlembagaan baru, nak ganti Malaysia dengan perlembagaan baru dan sebagainya. Selepas itu hak orang Melayu dalam Perlembagaan Artikel 153 diancam. Selepas itu video seks pula Ketua Pembangkang.

Pelbagai lucah ayat-ayat lucah dikeluarkan dalam Utusan. Nak siasat sampai bila? Sudah lama isu-isu ini banyak ditimbulkan, tetapi saya nak bagi tahu Menteri Dalam Negeri dia tidak siasat Utusan, dia siasat Suara Keadilan, dia siasat Harakah dan juga Rokat. Harakah dan Rokat hampir-hampir digantung sekarang Suara Keadilan digantung sampai sekarang masih tidak bagi permit. Jadi inilah ketidakadilan yang berlaku dalam Negara ini. Utusan ada imuniti dia boleh cakap apa sahaja tapi tidak akan disiasat. Tengok Awang Selamat, ketua editor apa yang mereka cakap.

Hari-hari cuba memecahbelahkan perhubungan kaum. Mungkin Barisan Nasional, UMNO dulu cuba menyatukan kaum untuk menuntut kemerdekaan. Tetapi sekarang hancur, Utusan Malaysia sudah memecahbelahkan kaum. Semua usaha-usaha yang dulu Perdana Menteri yang dulu-dulu sekarang hasil mereka sudah hancur. Terima kasih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Apa yang disebutkan oleh Y.B. Pantai Jerejak mungkin tidak dirasai oleh pemimpin-pemimpin UMNO yang jarang difitnah seperti fitnah yang alami

atau ditanggung oleh pemimpin Pakatan Rakyat. Ada tiga orang pemimpin yang menjadi sasaran utama Utusan Malaysia, pertama Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia. Yang kedua, Y.A.B. Tok Guru Nik Aziz sasaran nombor dua yang ketiga saya sendiri.

Y.B. daripada UMNO tahukah perasaan apabila seseorang difitnah sedemikian. Saya tidak mahu bayangkan macam mana Dato' Seri Anwar dan Tok Guru Nik Aziz boleh menanggung fitnah sedemikian. Tetapi untuk saya, saya punya anak-anak tidak mahu baca, kalau baca nanti menangis. Baca dia punya bapa teruk macam itu. Sampai ada satu tajuk dalam Utusan Malaysia bahawa saya nak gantikan Agung. Guan Eng nak gantikan Agung. Anak saya tengok ini pun hampir menangis. Apa yang berlaku ini. Tolong bayangkan, macam mana tekanan yang dialami dengan fitnah sedemikian dan sekarang ini diletakkan di atas bahu semua penganut agama Kristian, seakan-akan saya akan menjadi penganut agama Kristian adalah sesuatu yang amat salah sekali. Itulah begitu jahanam Utusan Malaysia. Saya tidak mahu memanjangkan perbahasan ini. Y.B. Dato' Speaker hanya meminta sokongan daripada Dewan Yang Mulia ini untuk menyokong dan meluluskan usul yang disyorkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Speaker sendiri....(tepuk meja). Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang berbunyi seperti berikut : Bahawa Mengikut Sub Peraturan 109B (i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan keputusan usul yang diluluskan oleh Dewan 11hb. November 2010 maka penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dibentangkan di atas meja dalam Dewan ini sebagai risalah Dewan Bil. 1 Tahun 2011 diterima dan dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakana "Ya," yang tidak bersetuju katakana "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya"

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih banyak. Usul diterima.

Ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat untuk 20 minit. Dewan akan disambung semula pada jam 4.50 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang.***

***Dewan disambung semula pada jam 5.00 petang.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dewan disambung semula.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Berhormat dari Ahli Kawasan Perai.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan tentang Laporan Siasatan Kertas Putih Pertindihan Tanah Lot 954 dan 955 mukim SPT dengan Hak milik Sementara HS(D) 49060, PT91, Mukim 20. Kes Tang Hak Ju dan kes ini diangkat di atas meja mesyuarat dalam Dewan ini sebagai Risalah Bil. 2 Tahun 2011. Y.B. Dato' Speaker...(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Sebelum itu saya ada sikit nak buat satu pengumuman. Sebelum Kertas Putih ini di bantangkan, saya ingin membuat pengumuman dan peringatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam prinsip pengasingan kuasa *separation of powers*, mahkamah diberi kuasa untuk mentafsir undang-undang *interpret the law*. Kuasa meluluskan undang-undang pula diberikan kepada Dewan Perundangan dan Kuasa melaksanakan undang-undang ini dipertanggungjawabkan oleh eksekutif. Kita boleh bincangkan fakta-fakta dan kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah dengan alasan-alasan penghakiman. Dalam kes ini penghakiman, *judgement* telah dibuat.

Bagaimanapun dalam membincangkan hasil siasatan dalam laporan Kertas Putih ini. Ahli-ahli Yang Berhormat diingatkan tidak mempertikaikan keputusan mahkamah atau melampaui *cross sub judice* keputusan mahkamah. Kerana dalam perkara yang jelas sebarang perkara masih dalam pertimbangan mahkamah tidak sekali-kali boleh disebutkan, saya sebutkan tadi Peraturan 46(7) sebarang perkara berkaitan, tetapi tidak dalam hal ini penghakiman telah dibuat jadi kita boleh bincang, *discuss* fakta-fakta kes sahaja.

Dalam Bahasa Inggeris "*Reference shall not be made to any matter which is sub judice*. Teruskan

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Y.B. Dato' Speaker, saya minta penjelasan sedikit, sebab hari ini mungkin akan buat sedikit perbincangan tentang *contempt* yang hendak kita pertahankan dan dia masih ada dalam mahkamah dan adakah dia mempengaruhi keputusan dan sudah tentu dalam kertas ini sudah disebutkan *contempt*, *contempt* itu sekarang kita sedang merayu supaya tidak dibayar *A figures* dan kita nak bayar *B figures*. Adakah ianya *sub judice*? Semalam saya tanya satu peguam berkenaan dengan lisan *it is better to avoid*. Kalau *is still on even on apple evel is heaven not*. Saya memohon perlindungan dalam Dewan kalau kita kata *okey no problem*.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Seperti yang saya sebutkan tadi jelas disebutkan tadi. Ini dalam adalah laporan siasatan. Teruskan ucapan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak mempertikaikan keputusan mahkamah, itu bukan satu tujuan Kertas Putih kalau peguam kata *sub judice* maka ada soalan peguam kata itu tidak *sub judice*. Jadi kata ada 10 peguam, ada 10 cerita yang berlainan. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tarikh 21hb. September 2007 Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dalam kes saman Sivil Encik Tang Hak Ju telah mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk

membayar sejumlah ganti rugi terbesar dalam sejarah negeri iaitu sebanyak RM29.4 juta kepadanya.

Keputusan dijatuhkan setelah mahkamah mendapati Kerajaan Negeri Barisan Nasional telah melakukan kesilapan teknikal dalam meluluskan pemberian hak milik sementara dalam lot yang berkenaan berukuran 4.2 hektar kepada Encik Tang Hak Ju untuk tujuan kuari. Secara ringkasnya lot-lot tanah Lot 954 dan 955 ini telah disiarkan sebagai satu tanah kerajaan semasa proses pemajakan, akan tetapi sebuah Rumah Ibadat masyarakat Cina bernama Hock Teik Cheng Sin Temple dan Persatuan Hokkien Province Wellesley telah menuntut dan membuktikan bahawa lot-lot ini adalah hak milik mereka sejak tahun 1961 dan membuktikan dokumen-dokumen yang sah.

Dengan demikian Kerajaan Barisan Nasional mengaku bahawa kesilapan telah berlaku dan membatalkan pemberimilikan sementara kepada Encik Tang Hak Ju. Y.B. Dato' speaker, keputusan ganti rugi ini telah membebankan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kerana Kerajaan Negeri Barisan Nasional tidak pernah menyelesaikan ganti rugi yang tersebut semasa pemerintahannya.

Kerajaan Pakatan Rakyat telah menandatangani RM14,6078.135.50 ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sebagai bayaran balik 50% daripada ganti rugi pada tahun 2009 dan amaun ini telah dibayar kepada Encik Tang Hak Ju. Semasa pemerintahan Barisan Nasional, dua peringkat siasatan dalaman telah dijalankan untuk kes ini di mana Setiausaha Kerajaan Negeri telah menjalankan siasatan yang pertama dan manakala bekas Ahli EXCO Barisan Nasional YB. Suppiayah telah mengetuai siasatan dalam peringkat kedua. Suruhannya Pencegah Rasuah Malaysia telah menjalankan siasatan sendiri selepas Persatuan Hokien Province Wellesley melancarkan aduan kepada badan tersebut dengan mendakwa bahawa amalan rasuah telah berlaku semasa proses pemberimilikan lot-lot tanah kepada pemilik-pemilik tanah Encik Tang Hak Ju.

Kesemua siasatan termasuk siasatan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia telah mengenal pasti kecuaiian dan sikap tidak bertanggungjawab Juruteris dan Pegawai Penempatan di Pejabat Daerah Tanah di Seberang Perai Tengah semasa melaksanakan proses carian hak milik tanah lot 954 dan lot 955 adalah merupakan punca kesilapan dalam kes ini dan Kerajaan Negeri Barisan Nasional menyalah tafsirkan lot-lot ini dan sebagai lot tanah kerajaan.

Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dan juga telah menyatakan tidak terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan bahawa berlakunya perbuatan rasuah di antara Encik Tang Hak Ju dengan kakitangan-kakitangan Pejabat Daerah Tanah dan Seberang Perai Tengah. Satu lagi perkara yang mengelirukan di sini ialah siasatan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia langsung tidak menjalankan siasatan ataupun *enquiry* terhadap bekas Ahli-ahli EXCO Barisan Nasional yang telah meluluskan pemberian hak milik di peringkat Jawatankuasa Tanah Negeri dan juga Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran negeri Kerajaan Pakatan Rakyat menubuhkan Ahli Jawatankuasa Khas untuk MMK menjalankan siasatan khas ke atas kes tanah Encik Tang Hak Ju pada bulan Julai 2008 dan bekas TKM I Yang Berhormat Mohammad Fairus telah mengetuai Jawatankuasa Siasatan ini. Jawatankuasa Siasatan ini telah *enquiry* tentang kakitangan-kakitangan Pejabat Tanah dan Galian dan SPT.

Setelah Yang Berhormat Mohammad Fairus meletakkan jawatan sebagai TKM I saya telah dilantik sebagai Pengerusi Ahli Jawatankuasa Siasatan pada bulan April 2009. Demi mengetahui apakah sebenarnya telah berlaku semasa proses kelulusan pemberimilikan di tahap Jawatankuasa dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri saya telah memanggil kesemua bekas Ahli EXCO Barisan Nasional untuk menghadiri *enquiry*, akan

tetapi selain daripada bekas Timbalan Ketua Menteri Yang Berhormat Dato' Seri Hilmi Yahya, kesemua bekas Ahli EXCO yang lain enggan menghadiri *enquiry*.

Bekas Ahli EXCO yang membalas secara bertulis memaklumkan ketidakhadiran mereka telah mendakwa Kerajaan Pakatan Rakyat mempolitikkan kes ini menyatakan bahawa Jawatankuasa Siasatan boleh merujuk kepada fail-fail berkenaan di Pejabat-pejabat Pertanian Negeri serta siasatan ini langsung tidak perlu. Sedangkan kes masih berjalan di mahkamah pada masa tersebut, tanpa sikap kurang bertanggungjawab tentang Ahli-ahli EXCO ini saya meneruskan siasatan dengan mengadakan *enquiry* bagi mendapatkan keterangan daripada pemilik asal iaitu Hock Tai Cheng Seng Temple dan Persatuan Hokkien Province Wellesley.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kedua-dua persatuan itu telah memberikan jawapan yang memeranjatkan kepada Jawatankuasa Siasatan. Sila benarkan saya untuk menjelaskan saya secara ringkas di sini. Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia tidak pernah memanggil kedua-dua persatuan ini untuk memberi keterangan walaupun merekah yang telah memfailkan aduan kepada badan ini. Kerajaan Negeri Barisan Nasional pula tidak pernah mengambil keterangan yang lengkap daripada kedua-dua persatuan ini serta tidak pernah memanggil mereka sebagai saksi pihak Kerajaan Negeri semasa perbicaraan di mahkamah.

Bukti yang amat memeranjatkan adalah kedua-dua persatuan ini telah menyatakan bahawa Encik Tang Hak Ju dengan nama samaran Tang Hoe Joo telah membuat secara bertulis kepada persatuan ini pada tahun 1994 untuk menjual batu-batu kuari di lot 954 dan 955 kepada syarikatnya. Tang Hak Ju atau Tan Hoe Joo sememangnya disyaki orang yang sama kerana Tan Hoe Joo melalui kad pengenalan, nama perniagaan telah mendakwa dirinya sebagai pemilik kuari itu sebuah kepunyaan pemilik kuari Liti iaitu sebuah kuari kepunyaan Encik Tang Hak Ju.

Bukti ini jelas menunjukkan bahawa Tang Hak Ju masih membuat permohonan pemberimilikan tanah lot-lot tersebut tahun 2002 dan yang mengemukakan *interim register* dan menyatakan bahawa lot-lot ini adalah sebagai tanah kerajaan. Perkara ini jelas bahawa Tang Hak Ju telah memiliki *interim register* tersebut secara tidak sah dengan kebarangkalian yang tinggi, Encik Tang Hak Ju sudah pasti telah mengamalkan prosedur-prosedur yang tidak sihat, seperti amalan yang rasuah untuk memperolehi hak milik sementara bagi lot-lot tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker Kerajaan Pakatan Rakyat sedang dan berusaha kurangkan kuantum ganti rugi perlu dibayar dengan memfailkan rayuan kepada pada masa kini. Sekiranya Kerajaan Negeri gagal dalam rayuan ini, Kerajaan Negeri terpaksa membayar berjumlah hampir RM40 juta termasuk faedah kepada Encik Tang Hak Ju.

Baru-baru ini, bekas ahli EXCO Barisan Nasional, Dato' Dr. Teng Hock Nan telah menyoalkan apa gunanya Kerajaan Pakatan Rakyat membentangkan Kertas Putih kes Tan Hak Ju dalam sidang Dewan ini? Bukan sekarang sahaja tetapi semasa Kerajaan Negeri BN juga bekas ahli EXCO, Dato' Teng Hock Nan tidak mengambil tindakan yang proaktif dalam proses penawaran pampasan bernilai RM1.8 juta dan sebidang tanah alternatif kepada Tang Hak Ju terlebih dahulu. Sekiranya tawaran pampasan ini dapat dirundingkan dengan efektif, Encin Tang Hak Ju berkemungkinan besar tidak akan memfailkan saman sivil kerana Encik Tang Hak Ju berminat untuk mendapatkan tawaran pampasan ini pada masa tersebut. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mahu orang awam untuk mengetahui butiran terperinci yang sebenar dalam kes ini dan mengapakah kuantum ganti rugi yang begitu besar perlu di bayar. Kami mahu rakyat jelata Pulau Pinang untuk memahami bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat akan berusaha keras sehingga ke akhir dalam kes rayuan kami di mahkamah demi memastikan wang rakyat Pulau Pinang tidak membazir untuk membayar satu ganti rugi yang tidak adil dan tidak munasabah. Begitulah tujuan-tujuan bernas kerajaan Pakatan Rakyat untuk



membentang kertas putih untuk kes Tang Hak Ju dalam sidang Dewan Undangan Negeri ini. Dengan ini, Y.B. Dato' Speaker, saya mohon sokong. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Usul ini ada sokongan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong dan izinkan saya untuk menghujahkan sedikit tentang kes ini. Y.B. Dato' Speaker, apa dia isu ini, isu ini ialah isu pemberian tanah hak milik tanah yang silap, kesilapan memberi hak milik tanah sebab apa sebab lot bertindih dan lot yang baru dimilikkan itu sudah ada hak milik yang sah. Sudah ada pemilik yang sah tetapi masih di anggap sebagai tanah kerajaan. Itu isunya, yang penting kita lihat pemberian milik sudah ada hak milik yang sah tetapi diteruskan permohonan untuk memberi permohonan yang baru. Itu isunya Y.B. Dato' Speaker.

Sedikit tentang perihal tanah ini kerana tanah lot 954 dan 955, Mukim 20, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang. Rekod Pejabat Tanah memang dirujukkan begitu, itu nombor lot, mukim, daerah dan seterusnya negeri dan keluasan tanah adalah 4.2 hektar dan tuan tanah asal lot ini, lot 954 dan 955 semenjak dari tahun 1961 ikut *inquiry* yang dilakukan oleh Y.B. Perai dan jawatankuasa beliau dan tercatat nama di situ ialah Ah Hong Teck Cheng *Temple* dan Persatuan Hokkien Province Wellesley, itu pemilik asal dan pemilik pemohon baru adalah Tang Hak Ju yang memohon dalam tahun 2002 dan diluluskan dalam tahun 2003 bulan Julai dengan kegunaan untuk membuat kuari atau pun pembinaan batu bata. Selepas dia dapat *complaint* maka permohonan ini dibatalkan, PTG membatalkan pemberian milik ini pada tahun 2004 dan Tang Hak Ju membuat *complaint* kes mahkamah dan mahkamah putuskan dibayar RM30 juta, RM29.4 juta. Itu latar belakang isunya.

Persoalannya ialah kenapa kecuaiannya ini berlaku masa pemberian hak milik tanah kerajaan, hak milik tanah yang sah tapi masih digazetkan sebagai hak milik kerajaan dan ditimbang dan diproses dan diberikan kelulusan baru, itu isunya. Kalau sekiranya di peringkat pemberian hak milik tanah, kalau kita perhatikan peringkat pengguna hingga ke peringkat kelulusan, ada beberapa peringkat tertentu, yang pihak pegawai atau pun Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat semakan, boleh *detect* atau boleh kenal pasti kesilapan ini.

Yang pertama kita tengok pada peringkat permohonan hak milik. Di peringkat permohonan milik, apabila permohonan baru masuk, maka prosesnya bermula dengan kerani permohonan *land lamination clerk* di pejabat, merujuk kepada lot berkenaan kepada Juruteris. Juruteris sepatutnya sudah pun tanda di atas *cadastre sheet* atau *lito sheet* di Pejabat Tanah itu yang lot 954 dan 955 sudah pun ada hak milik. Tetapi itu mungkin tidak ditanda. Mana satu kesilapan di situ. Kalau sudah di tanda pada masa itu atau pun kalau di tanda tidak diakui ianya telah ditanda maka itu telah berlaku kecuaiannya maka itu telah berlaku kesilapan pada peringkat itu. Kalau hendak disemak, kalau betul-betul disemak patutnya dah boleh *detect* pada awal-awal permohonan lagi. Itu peringkat yang pertama.

Keduanya, Y.B. Dato' Speaker, apabila ditanda kemudian fail itu diproses seterusnya, proses seterusnya ialah kerani berkenaan akan menghantar fail itu atau pun S.O atau pun *Settlement Officer* untuk membuat pemeriksaan kepada tapak, lawatan tapak. Di peringkat itu pun sepatutnya boleh di *detects* yang tanah tu sudah di beri milik. Tapi dalam hal ini, tidak dapat dikenal pasti kesilapan atau pun tidak dikesan. Kemudian sampai peringkat kedua, iaitu proses membuat kelulusan. Selepas S.O membuat laporan itu, kemukakan kepada, masa dia buat siasatan patutnya dia pi siasat dengan

pemohon pun dan juga bertanya kepada lot-lot yang bersempadan, lot 944, 955, lot 966 ka, lot 957, tepi-tepi lot itu patutnya S.O atau Pegawai Penempatan itu, membuat *inquiry* yang lengkap dan kalau sekiranya itu berlaku dan sekiranya itu dibuat, maka kesilapan kecuiaan itu pun boleh dikesan juga di peringkat ini. Maknanya dengan semakan lot-lot sempadan dengan tuan-tuan tanah yang bersempadan dan juga yang penting sekali sekarang ini, permohonan itu di daftar dan ke pertimbangkan kelulusannya, jabatan-jabatan teknikal yang lain. Jabatan-jabatan teknikal yang lain ini banyak, yang memberi komen atau pun pandangan tentang permohonan tanah berkenaan. Kalau sekiranya dilakukan, maka kesilapan-kesilapan tadi dapat dikesan pada peringkat sedemikian.

Seterusnya, apabila kertas ini diangkat ke Jawatankuasa Negeri, sekali lagi, sekali lagi, kesilapan ini patut boleh dikesan di peringkat Jawatankuasa Negeri, tapi tidak juga dikesan. Malah, bila sampai di peringkat Jawatankuasa Negeri, semua jabatan-jabatan yang lain, terutama sekali dari Jabatan Ukur yang sudah tahu lot-lot yang terkemudian daripada lot-lot yang baru ini. Patut dapat dikesan. Baik selepas Jawatankuasa Negeri kesan, balik-balik daripada Pejabat Daerah, Tanah, semasa nak keluar borang 5A, sekali lagi kerani permohonan itu, kerani pemilikan tanah membuat taksiran. Berapa harga premium, berapa lot semua itu, kalau disemak betul-betul pada masa itu, sekali lagi boleh di *detect* juga, sebab sudah ada bil hasil di tanah itu.

Seterusnya yang boleh dikesan lagi di peringkat pendaftaran Hak milik yang baru, kerani pendaftaran, pegawai pendaftaran hak milik dia boleh semak sekali lagi apabila dia nak daftar hak milik yang baru, hak milik yang baru di sini ialah HSD, atau pun Hak milik sementara daerah di situ, Daerah 49060, P.T. adalah nombor Pejabat Tanah 91 Mukim 20, maka diganti lot 954 dengan 955 dengan nombor P.T. baru dan nombor HSD baru. Di peringkat ini pun maknanya kerani pendaftaran itu boleh *detect* lagi apabila dia menyemak lot-lot yang terdahulu. Tapi malangnya ianya tidak berlaku yang demikian dan di situ juga sebelum dia nak daftar hak milik, sekali lagi dia ada peluang dengan menyemak bil hasil tanah. Kalau sekiranya dia semak bil hasil tanah, sekali lagi dia boleh *detect*. Makna peringkat kalau hendak kesan kesilapan ini ada 4, 5 peringkat yang boleh dikesan oleh pegawai dan pihak yang terlibat.

Jelas sekali dalam kes ini, memang berlaku kesilapan dan kecuiaan di peringkat pejabat dan jawatankuasa ini menyebut sebagai kesilapan yang besar dan boleh dianggap sebagai satu skandal, tidak ada bantahan, tidak ada *inquiry* dan tiada apa langsung daripada beberapa peringkat, daripada peringkat permohonan sampai ke peringkat kelulusan. Yang lebih memeranjatkan lagi seperti yang disebutkan oleh Y.B. Perai tadi, pemohon itu sendiri Tang Hak Ju, dia memohon tanah ini dalam tahun 2002 daripada pemilik asal, maknanya dia sudah tahu bahawa sudah ada pemilik asal, dia mohon untuk mengeluarkan bahan batu bata dalam tahun 2002. Maknanya dia sudah tahu bahawa tanah itu sudah pun ada pemberi milik, tanah itu sudah ada pemilik sah, tapi dia masuk juga permohonan baru. Itu....(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker, *it's very-very scandalous on the part of* permohonan yang baru ini. Jelas sekali, ada kes yang tidak betul berlaku dalam proses pemberian hak milik tanah ini kepada Tang Hak Ju. Ini sungguh merugikan Kerajaan Negeri kerana kita terpaksa membayar sampai RM40 juta dan sekali lagi di atas kesilapan, kecuiaan ini, Kerajaan Negeri terpaksa menanggung membayar kecuiaan ini sehingga RM40 juta. Justeru itu, saya mohon menyokong usul yang di bawa oleh Perai.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian usul yang dibahaskan oleh Y.B. Perai.

## Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, boleh saya mulakan ucapan saya dengan menyatakan bahawa saya begitu terkejut dengan *extend*, ...(dengan izin), *of bureaucratic bungling* yang telah berlaku dalam kes Tang Hak Ju ini, sepertimana yang diperkatakan oleh Y.B. dari Penanti tadi bahawa ada banyak peringkat di mana boleh disemak dan didapati, atau pun ditemui bahawa tanah-tanah tersebut telah pun di *alienated* pada pihak ketiga dan bukan tanah milik kerajaan untuk *alienate* semula dan fakta bahawa dia telah melepasi banyak jaringan-jaringan ini dan tidak dikesan membawa kepada satu kesimpulan, secara *influence*, kita boleh membuat kesimpulan, rakan saya menyatakan kecuaiannya-kecuaiannya yang terlalu banyak ini adalah satu skandal tetapi *inferens* yang juga adalah logik adalah mungkin ada unsur-unsur jenayah, kerana kalau tidak ada unsur-unsur jenayah maka kes ini akan dikesan dan kecuaiannya ini tidak akan dibenarkan untuk berlaku berlarutan. *It was not one stage, it's was not one officer, it's was not application than needed to be deal with.* Ada banyak, soalnya ialah mengapa ini berlaku? Memandangkan ini ada laporan di buat kepada SPRM, dan soalnya pihak yang terpenting iaitu pihak pemilik sebenar tanah tersebut iaitu kongsi itu, *temple* itu mereka tak dipanggil, ...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker, itu tidak masuk akal sama sekali.

Sebagai satu agensi yang hendak menyiasat berkenaan sesuatu isu sama ada atau tidak elemen rasuah dan sebagainya. *The first player that affected* dalam kes ini *will be the actual owner, the actual owner on being call* dan dalam kes ini apa yang begitu pelik, begitu mengejutkan Y.B. Dato' Speaker, seperti rakan saya dari Penanti yang mengatakan tadi, apabila dipanggil dan ditemu ramah dalam proses siasatan *inquiry* ini, didapati bahawa penama Tang Hak Ju tersebut, *actually* telah memohon kepada pemilik tanah tersebut iaitu *temple* itu, iaitu Hokkien Clan & Association, *as early*, seawal 20hb. Januari 1994 Y.B. Dato' Speaker saya rujuk pada L7, Exhibit L7 di muka surat, *the second last, the ultimate page very important we go to this one by one. So we understand exactly what the actual matrix it is.* Exhibit L7 ...(dengan izin) Y.B. Dato' Speaker dengan surat yang bertarikh 20hb. Januari 1994, daripada Tan Poh Hong Hardware Construction Sdn. Bhd. kepada Encik Yap Kean Nam iaitu Pengerusi Hokkien Clan & Association dan perkara dinyatakan Lot No. 955, Lot no, *is there* dan memohon ...(dengan izin), *we understand, that this lot no. 955 situated at Kubang Semang is yours, means that* dia orang tahu tanah ini adaklah tanah Hokkien Clan & Association. *Our company is unique of buying stone association, we hope that you will make an offered to sell the stones as above lot, I think that's a mistake there to us,* itu adalah permohonan mereka melalui surat ini. Yang ada beberapa fakta yang boleh kita buat kesimpulan daripada ini, mereka tahu siapa pemilik tanah itu, yang penting sekali.

Sejak tahun 1994 *of course* ada isu tentang sapa yang *sign off* surat ini, dalam surat ini L7 nyatakan Encik Tang Hock Joo Y.B. Dato' Speaker, Tang Hock Joo itu menjadi satu isu. Yang nanti saya akan sentuh lah. Ada jawapan Exhibit L8 Y.B. Dato' Speaker muka surat yang terakhir. Satu surat daripada Peguam Cara dari Hokkien Clan Association yang bertarikh 2 Mac 1994, *sub 3 months later, there reply, we, lot 955 again and this is what is stated* ...(dengan izin), *it would be in proper and unconscionable for them i.e. the clients the Hokkien Clan & Association to extract themselves to you the stones from the said land as the said lot as the cemetery land. There was that they said that it,* sebab mengapa mereka tak benarkan ialah kerana lot-lot tanah tersebut telah pun diberikan pada Hokkien Clan & Association itu dengan tujuan yang digunakan sebagai *cemetery land*.

Now apa yang berlaku seakibat fakta ini, ialah kepada saya Dato' Speaker kerana ini isu ini selain daripada kecuaiannya yang begitu ketara *that's one issue, we can't solve it, this is the messy negligent of the highest the most extreme negligent I have ever seen. I would use the same word again bureaucratic bungling of the highest order arcade, but no points us talking about that because its not the safe government RM40*

juta yang perlu dibayar RM14 juta sudah di deposit kan di mahkamah dan kita harap ini tidak di sentuh oleh sesiapa terutama oleh Tang Hak Ju kerana kalau pada tahun 1994, dia sudah tahu lot tanah ini bukan milik Kerajaan Negeri apabila dia membuat permohonan untuk diberi pajakan tanah tersebut daripada Kerajaan Negeri apakah implikasi dia.

Y.B. Dato' Speaker? Dia adalah seorang *fraudster, he has committed fraud. Two time* dia di mahkamah yang berasaskan *depreciation of property rights under Articles 13 federal constitution is a false claim, he should not and or not to have done that, I do not know what the stand was the illegal adviser of that time in that, to me just having this documents clear, I don't want even blame him* Dato' Sri. Yes, kecuiaan *and so forth I will come to your role in short while but the bigger picture is this* dalam undang-undang Dato' Speaker berkenaan Tang Hoo Ju rakan saya daripada Penanti menyatakan itu menjadi satu isu dapati ialah penama yang sama kerana *i.c* di sahkan *included typo but easier way, the easier way to show* dia ada *complicity* dia ada pengetahuan ialah surat ini bukan surat sendiri, surat ini adalah daripada syarikat Tan Poh Hong Hardware Construction Sdn. Bhd.

Jadi syarikat ini termasuk kesemua pengarah dia mempunyai *consultable knowledge* dan kalau kita buat satu *search* yang saya telah buat dari Kuala Lumpur kerana saya dapati di Pulau Pinang mereka cuba di *register company* selepas kes di fail kan *so we don't have information here that's why the thing is SPRM miss there out why they didn't go to KL, you check directors officer* Tan Poh Hong Hardware Construction Sdn. Bhd. *names 1. I won't read, 2. I won't read, 3. I won't read, 4. Tang Hak Ju. date of appointment 31 May 1996* Y.B. Dato' Speaker. So ini menunjukkan tanpa keraguan yang munasabah bahawa dia ada pengetahuan apabila dia membuat permohonan daripada Kerajaan Negeri untuk diberi pajakan tanah itu, bahawa tanah itu bukan tanah Kerajaan Negeri kerana dia telah buat surat ini.

Jadi apakah *situation? Okay what is the situation.* Apakah keadaan dia sekarang?, memandangkan ini, saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui penasihat undang-undang meneliti dan mempertimbangkan untuk memfailkan satu tuntutan untuk mengetepikan keseluruhan penghakiman yang telah dimasuk di atas sebab ia adalah batal dan tidak sah *void you to the translation by the plaintiff* Tang Hak Ju. Dan itu, boleh dibuat *so* saya harap itu boleh dipertimbangkan dan ini akan menjimatkan negeri kita RM40 juta *a big amount we have to look into this aspect.*

#### **Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Minta penjelasan, berkenaan dengan status Tang Hak Ju sebagai pengarah syarikat tersebut, minta penjelasan sama ada Tang Hak Ju masih memegang jawatan sebagai pengarah syarikat tersebut dan tempoh pelantikannya.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Daripada *search* yang telah dibuat saya, semakan yang telah dibuat saya, dia memang masih pengarah tetapi saya juga mendapati dokumen itu, saya tidak bawa pada hari ini, tetapi saya dapati, bahawa syarikat tersebut memohon supaya dia di keluarkan daripada senarai daftar di *registered* di atas sebab *dormant company*, di dalam lebih 2002. Selepas permohonan dibuat untuk pajakan tersebut. *The point is the material time in 1994, saudara saya daripada Komtar dia telah tahu, dia sudah tahu ini bukan Kerajaan Negeri punya tanah, yet he applied to get the list of that land, that is where we can I think he has committed a fraud or he is committed criminal act which is cost our state incur RM40 million. That of course, that is one aspect, the other aspect which I know must come to my learned friend from Telok Bahang, unfortunately* ada banyak jaringan banyak *stage* yang permohonan ini lalui sehingga ke jawatankuasa

tanah *I think land committee* yang saya percaya dipengerusikan oleh pada waktu itu, *the Landcom that approved* Telok Bahang.

Okey so Telok Bahang telah meluluskan dan apa telah begitu menghampakan ialah fakta bahawa bukan sahaja kecuiaan itu atau tetapi selain daripada kecuiaan ada sebanyak 5 jabatan di dalam proses mempertimbangkan permohonan tersebut menolak penuh permohonan tersebut namun demikian *Landcom veto*, *veto* keputusan mereka dan membenarkan permohonan tersebut dan itu adalah satu perkara yang saya dengan segala hormatnya. Dengan secara jelas menyebabkan kerugian pada negeri kita yang pada jumlah RM40 juta. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang ( Y.B. Dato' Sri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Terima kasih Dato' Keramat. Memang proses biasa di *clarified* kan bila ada permohonan kita dapatkan komen-komen daripada pelbagai jabatan di mana jabatan akan beri komen. Biasa, tapi bila sampai peringkat jawatankuasa tanah, jawatankuasa tanah akan perakukan pada EXCO. Dan saya pada masa itu melihat kepentingan Kerajaan Negeri, kawasan yang dipohon itu tanpa mengetahui yang lain, yang tanah itu Tang Hak Ju dah orang lain punya, tanpa mengetahui itu semua, keputusan kita untuk kepentingan negeri, tanah itu batu semua, dan kalau kita luluskan untuk kuari ini mereka dapat perlesenan kerajaan dapat dia *proceed* daripada itu, dan *priority* daripada batu pun dapat dan akhirnya selepas 15 tahun kita kan dapat satu tanah 9 ekar yang pamah yang boleh kita gunakan untuk rakyat, yang itu yang kita pertimbangkan.

Tentang jabatan-jabatan amalan biasa memang berlaku, ada kes yang contoh Ketua Menteri sebagai Pengerusi Tanah juga buat benda yang sama, ada sekeping tanah lot 770 dekat dengan rumah saya lebih kurang 100 meter dari rumah saya, tanah bendang dan bila di pohon minta komen daripada pelbagai jabatan, 3 jabatan tak setuju. Tapi Ketua Menteri masih lagi meluluskan pertukaran dan *prevision* daripada tanah pertanian kepada nak bela kambing boer. Dan jabatan yang disokong pun dengan syarat biasa, tidak boleh ada bangunan di atas tapak itu, jabatan yang lain tak setuju, tapi Ketua Menteri luluskan juga ini proses biasa. Ini bukan makna mungkin apa yang *implied*, atau mungkin itu tanah dia, mana-mana kes pun tak akan dapat 100% jabatan menyokong. Ada yang *yes* ada yang *no*, jadi sebagai EXCO Kerajaan Negeri kita pertimbangkan yang mana yang terbaik untuk negeri itu yang telah berlaku.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta sedikit, saya ingin nak tahu, bahawa pada tahun 1992, terdapat satu permohonan di mana permohonan itu ditolak kerana tiada tuan empunya dan apakah bila nak bagi kelulusan adakah baca kenyataan *the land use*, di sini saya ada Dewan yang dahulu sebagai seorang pembangkang, dan Dewan itu kata selepas dia batalkan nak bina rumah-rumah di kawasan sana, bina rumah dalam *gravure*, itulah satu alasan yang dibagi oleh Barisan Nasional 1992 telah di tolak kerana tak ada tuan punya, selepas itu *you* kata ada tuan yang punya sedarkah dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pada masa itu Kerajaan Barisan Nasional Ahli Yang Berhormat Seberang Jaya ada juga, dia kata apa memang ada tuan punya tetapi telah dibatalkan. Ini datang daripada Timbalan Ketua Menteri dibatalkan, betul tak? Tak ingat, *you* tak mahu ingat bukan tak ingat.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tak ingat... (ketawa).

**Ahli Kawasan Datok Keramat ( Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Puyu dan juga Telok Bahang sebenarnya saya tidak mengatakan ataupun, *there is no inferences made* cuma bahawa sekiranya 5 jabatan tersebut telah menolak permohonan dan kita melihat la sekarang *with eyeside* betapa cuai mereka *Land Comm* juga mesti mengambil tindakan proaktif untuk menyemak butir-butiran, saya harap ini bukan nya satu *back benchers*, ini bukannya satu amalan yang masih berterusan di mana apa-apa yang dikemukakan ini dianggap sebagai semua teratur. *I think every stage in fact the more higher the level goes to the higher the effort should will be made, ...*(dengan izin) *to ensure to everything verified.*

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan sikit, Ahli Berhormat daripada Dato' Keramat adalah seorang peguam, saya tidak faham *on the legal terms*, kerana saya ada biasa tanya di dalam Dewan yang mulia ini saya kata mengapa Kerajaan Negeri boleh kalah kes begini dalam satu hari, satu kes sahaja dan saya minta *judgment in default* dan saya juga mempersoalkan mengapa Kerajaan Negeri tidak membuat satu rayuan *against the judgment*, tapi buat rayuan *against to the concern* bolehkah bagi sedikit penjelasan di sana.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Boleh, rakan saya daripada Y.B. Sungai Puyu. apa yang berlaku dalam kes ini adalah kita tahu adalah satu penghakiman ingkar telah diperolehi oleh satu sebab kegagalan Peguam Persekutuan hadir pada pagi tersebut dan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Datok Keramat, saya percaya kalau sebagai Penasihat Undang-undang Negeri dan jika peguam hadir di mahkamah lebih-lebih lagi kalau peguam mewakili kerajaan mahkamah akan memberi kelonggaran ataupun menggunakan budi bicara dan memberi mereka masa, saya khuatir di sini tak ada apa-apa permohonan di buat untuk *abridgements of time* untuk memohon lanjutan masa untuk memfailkan pembelaan pun, tak ada apa-apa percubaan pun di buat dan bagaimanakah penghakiman ingkar dengan boleh dimasukkan dalam satu kes begitu *obvious* saya perlu penjelasan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya bukan Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang...(ketawa), tapi adalah pengetahuan sedikit tentang apa berlaku kes ini, kita tahu ada penghakiman ingkar diperolehi cukup *on the points* apa rakan saya dari Batu Uban mengatakan tadi, dari segi undang-undang apabila sesuatu penghakiman ingkar itu diperolehi ada cara, bagaimana kita boleh ketepikan dia *we can file the application to side the side ...*(dengan izin), tak dibuat. Dalam kes ini lagi satu *point* begitu penting yang di *raise* Sungai Puyu, rayuan, mengapa rayuan tak di buat. Rayuan dibuat tapi rekod rayuan difailkan di luar masa.

*This case from the minutes it's started till the court case level something is not right. From the officer to the Land Comm to the court case everything seen just not is being correct. That is the problem in this case, I mean not in one and it's going all in the way.* Dan apa yang berlaku sekarang, ialah rayuan ke mahkamah rayuan *feat* telah diberikan kepada seorang peguam untuk mengendalikan kes ini, seolah-olah kita begitu takut sekiranya Pejabat Penasihat Undang-undang yang mengendalikan kes ini, tapi

*feat* telah diberikan kepada peguam Encik Malik & Salwa untuk mengendalikan dan kes di mahkamah masih *pending* .

Now berkenaan dengan isu perundangan, saya ingin *1 point* lagi sebelum saya menggulung, Y.B. Dato' Speaker, di sisi undang-undang ada satu prinsip yang dipanggil prinsip perjanjian kompromi, *compromise agreement*, dalam kes ini kita tahu apa yang berlaku dia gaduh dia kata *you* kata *you* dah bagi tanah, tanah dah diperolehi, saya *draft ok fair enough, but there was a* perundangan *as a result of reach*, ada satu kompromi yang dicapai iaitu dia hendak menerima RM1.8 juta dan sebidang tanah, dan *that its a compromise agreement ...*(dengan izin) Dato' Speaker.

Apabila dari segi undang-undang ada *compromise agreement* seperti itu, ini boleh dibangkitkan di dalam *court* kes tetapi tak dibangkit, ada banyak kes-kes, *I brought one federal court case* Mahkamah Persekutuan yang tertinggi sekali di Malaysia 1997, *case Tan Chee Too vs Tee Kim Kooi, clearly* mengatakan bahawa setelah ada *compromise agreement* itu *you cannot go backwards or sue what happen early that is the law now even this questionable* tidak dibangkitkan oleh Penasihat Undang-undang pada waktu material bukan sekarang, *to be fair this was a different area not the current* Penasihat Undang-Undang. *This is was a issue* yang telah berlaku Y.B. Dato' Speaker, saya tak mahu ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Dato Keramat, saya difahamkan bahawa Penasihat Undang-undang pada masa *material* tersebut itu sekarang, juga telah dijadikan Pesuruhjaya Kehakiman.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya mahu jawab banyak soalan ini hari...(ketawa), kalau tak silap betul apa yang kawan saya Batu Uban kata memang dia sekarang bukan Pesuruhjaya Hakim sekarang, sudah disahkan Hakim sekarang, but *anyway* itu apa yang berlaku *we all due respect this* Pesuruhjaya Hakim, saya berpendapat beliau telah begitu cuai dalam mengendalikan tugas sebagai Penasihat Undang-undang pada waktu *material* dan *unfortunately*, malangnya kita tak boleh ambil apa-apa tindakan berkenaan isu itu, kita tak boleh ambil apa-apa tindakan berkenaan isu kecuaiian, kita tak boleh ambil apa-apa tindakan tentang isu perundangan seperti perjanjian kompromi yang telah tidak dibangkit, *in law you dont raised it you cannot raise it now in the court or appeal u cant*. Tetapi *in law* sekiranya sesuatu perkara itu adalah *void act or inshore* sesuatu akibat *it can be a side*.

Saya merayu Penasihat Undang-undang Negeri di Pulau Pinang supaya semaklah, *study* sama ada ini boleh dibuat kita *filed on current sued set it the side*. *At the main time* kita *apply for stay or be court appeal on this ground* dan saya harap itu akan dapat menjimatkan Pulau Pinang sejumlah wang RM40 juta dengan itu saya ucapkan terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli Kawasan Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana bagi peluang untuk membahas berkenaan dengan isu pertindihan tanah lot 954, 955, Mukim 20 Seberang Perai Tengah ini, saya amat menghayati apa yang telah dibentangkan oleh Ahli kawasan Perai, Penanti dan terutamanya oleh Yang Arif Datok Keramat...(ketawa), kerana tujuannya

kalau kita kaji dari asal seawal-awal tahun 1960 apabila kes ini mula melibatkan tanah ini dan tanah ini yang telah diberikan kepada Bukit Mertajam Hock Teik Chin Sin Temple dan Hokkien Association Province Wellesley pada masa itu, tanah ini difahamkan didaftarkan dengan *Minister Council*, tetapi tak tahu apa sebab tidak didaftarkan di dalam *State Land Committee*, berkemungkinan kerana kecuaiannya yang tidak ada pada pendaftaran yang sedemikian yang telah memberi ruang ataupun telah pun berlaku kecuaiannya yang telah menyebabkan keputusan-keputusan seterusnya daripada pelbagai peringkat seperti yang dinyatakan oleh Penanti tadi berlaku, dan perkara inilah menjadikan satu keadaan keliru dan berkenaan dengan tanah yang dimaksudkan. Kalau kita lihat Tang Kuari operator pada masa itu telah pun memohon untuk mendapatkan pajakan tanah ini untuk tujuan kuari dan pada masa itu difahamkan juga segala kelulusan yang diberi mengikut prosedur. Sebab masa itu dia orang masih menganggapkan tanah itu masih tidak mempunyai pemilik pada mulanya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta laluan sedikit, minta laluan sedikit, Y.B. Dato' Speaker di sini telah dirakamkan dan pada masa kerajaan yang lepas juga mengakui bahawa pada tahun 1992 telah ada tuan punya, janganlah balik mai sini cuba bagi keterangan tidak didaftar, kalau tidak didaftar tak mengapa pada tahun 1992 boleh di tolak kerana telah ada tuan punya, kalau tidak mengapa ada tuan punya dan juga bahawa yang Timbalan Ketua Menteri sendiri dalam Dewan kata memang ada tuan punya tetapi telah dibatalkan, juga saya tadi ada bagi tahu, adakah baca dia punya *grant* kegunaan tanah, adakah atau tidak? Iaitu kata saya memang bahawa Ahli Yang Berhormat dari Seberang Jaya tidak arif dalam kes ini, lebih baik *you* duduk jangan cakap...(ketawa)

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Ahli Sungai Puyu, sebab itu Ahli Sungai Puyu kadang-kadang cuba nak memperkecilkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk cuba memberikan pandangan dan sebagainya, Ahli Yang Berhormat Sungai Puyu tak dengar betul-betul saya kata pada masa itu adalah tahun 1960, saya ada sebut dengan mukadimah awal saya pada awal 1960 kes ini kes dah mula dilibatkan dengan tanah ini. Apa pun walaupun memperkecilkan tentang saya untuk memberikan pandangan saya, saya tidak mengatakan, saya tidak bersetuju dengan Perai, tak kata tak setuju dengan Penanti dan saya tidak kata tidak setuju dengan Datok Keramat saya cuma menghayati maklumat yang diberikan, tetapi apa yang nak di bahaskan di sini ialah saya ingin mengambil kronologi yang telah dinyatakan oleh Perai, Penanti dan Datok Keramat ialah memang berlaku perkataan yang digunakan oleh Penanti iaitu kesilapan dan kecuaiannya. Dan juga di *emphasize* kan juga lagi sekali oleh Datok Keramat berlakunya perkara yang sedemikian, sebab itulah pada hari ini dalam penghujahan hari ini saya nak lebih menjurus ke atas perkara yang sedemikian.

Jadi oleh kerana berlakunya perkara-perkara begini dan telah mengakibatkan telah berlakunya *negotiation* pun tidak boleh menjadi kenyataan dan seterusnya Mr. Tang mengambil tindakan undang-undang dan sebagainya maka kerajaan Barisan Nasional ketika itu mengambil inisiatif ketika itu untuk melawan dalam mahkamah berkenaan kes ini,....(gangguan) dengar dulu, dengar dulu, tapi malangnya seperti yang telah dinyatakan tadi ialah Penasihat Undang-undang tidak hadir maka *judgement in default because the defendant being absent on the judgement day, we have stimulate....* (gangguan) okey, *go ahead*.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

Yang Berhormat Seberang Jaya, setuju dengan saya, Penasihat Undang-undang pada masa itu telah *incompetent* setuju atau tidak?...(ketawa).



**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Saya tidak boleh bercakap bagi pihak dia, sebab *as a learned* ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):**

*All the circumstances because why incompetent agree or not?*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*I don't agree, okey i bagi sebab. Saya tidak setuju Penasihat Undang-undang ketika itu incompetent kerana saya tidak tahu mungkin pada masa itu mungkin menghadapi keadaan kesihatan yang memudaratkan....(gangguan), tapi....(gangguan), wait, wait, kita kena bagi benefit of the doubt....(gangguan).*

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Tetapi yang berlaku hanya kecuaiannya mungkin tidak *pass over the baton* kepada siapa sahaja pegawai lain untuk mengambil tindakan, saya dah baca peringatan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Minta penjelasan sikit saja Yang Berhormat saya minta penjelasan kalau Penasihat Undang-undang Negeri bukan diwakili satu peguam saja Penasihat Undang-Undang Negeri ada banyak orang dia ada satu pejabat yang canggih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Apa-apa pun yang diterangkan tadi, oleh kerana dalam mungkin keadaan kesihatan atau sebagainya dia tak sempat *pass the baton*. Apa pun yang amat penting sekali ialah apabila perkara ini berlaku yang menjadi masalah kerana ada sedikit berlaku kes ini dipolitikkan. Dari segi kita mengharapkan apabila Kerajaan Barisan Nasional telah pun tidak memerintah pada ketika itu dan ianya menjadi satu kes yang amat mencabar kepada kerajaan baru. Eloklah jika pada masa ketika itu diberikan tumpuan secara mendalam memikirkan apakah tindakan yang boleh diambil dan tidak lagi bermain politik dengan berbagai-bagai tindakan yang diambil yang boleh melengahkan sehinggakan peluang-peluang seperti yang dinyatakan tadi tu untuk habis untuk *avoid at initial* dan beberapa tindakan-tindakan lain yang boleh diambil itu tidak kita ambil dan akibatnya ialah kita telah pun *lapse* masa dan sekarang ini ianya telah mempunyai peluang untuk kita mengambil tindakan dan saya bersetuju dengan Y.B. Datuk Keramat, kita ambil tindakan, kita *stop* sekejap, kita *shift fire* tentang *political*, kita *shift fire*.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan sikit, minta penjelasan sikit. Di Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri pada masa itu Barisan Nasional nafi bahawa ada di *chargement of the fault*, saya telah difahamkan dalam Dewan yang mulia ini kata ada pegawai yang pergi tetapi dia tidak tahu apa dia dok buat, soalan saya adalah jikanya begitu mengapa tidak buat rayuan, mengapa tidak buat rayuan dan apabila nak buat rayuan, masa sudah luput, ini membuktikan apa?, buktikan bukan haknya, haknya LA telah cuai tetapi kesemua EXCO, Barisan EXCO juga tercuai *in computer*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Terima kasih Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Signh Deo a/l Karpal Singh):**

Apa kawan saya dari Seberang Jaya kata sebentar tadi mungkin dia sakit tenat dan sebagainya pada tarikh tersebut, okey, *fair enough*, *if* kalau dia sebenarnya begitu di segi undang-undang itu adalah satu alasan yang begitu kukuh untuk kita ketepikan penghakiman ingkar tersebut, tapi tak dibuat sepertimana rakan saya nyatakan tadi, rayuan pun dibuat di luar masa atau pun rekod rayuan di failkan di luar masa. Ini, *all this thing is the series cumulative effect*, apakah *effect* nya kepada kita? Itu soalan yang,.... (gangguan). Apa pokok soalnya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya ( Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Dia pun tau memang dari segi prosedur mahkamah kalau dia tidak hadir dia boleh bagi dia punya *medical slip* dan sebagainya tetapi Y.B. Sungai Puyu pula kata.... (gangguan), sekejap dua minit saja, pula kata dah ada hantar orang pergi tapi orang tu tak tau nak buat apa, pegawai dia dan sebagainya. Jadi apa yang menjadi perkara pokok hari ini ialah saya cuma nak menjurus kepada pandangan yang diberikan oleh Y.B. Datok Keramat tadi kita ambilkan ia sebagai tindakan susulan yang harus kita lakukan dan seterusnya...(gangguan), dua minit lagi, seterusnya kita *shift fire*, tidak usah cerita tentang politik dan sebagainya, dan dalam Dewan yang mulia ini juga saya memohon supaya Kertas Putih ini dibuat bagus tetapi boleh tambah banyak lagi input-input yang berguna yang boleh diubahsuai dan seterusnya diubahkan perkataan skandal kepada kecuaiian...(bising), sebab bila kita tidak dapat membuktikan berlaku skandal, bila kita tidak dapat membuktikan berlaku skandal adalah kurang adil untuk kita menyatakan yang sedemikian. Ini sahaja yang hendak saya hujahkan pada hari ini kerana saya cuma menjurus kepada saya menyokong apa saja langkah yang boleh menjimatkan khazanah negeri ini dengan pandangan-pandangan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang bertaraf peguam dan juga Ahli Yang Berhormat yang tidak bertaraf peguam macam Y.B. Sungai Puyu. Jadi kita pun berterima kasih, jadi saya pun memohonlah Y.B. Dato' Speaker supaya diubahkan perkataan skandal. Saya mohon untuk turut menyokong.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, minta laluan...(gangguan)...tak, saya sorang-sorang pun tak apa, tapi saya nak *respond* yang tadi, oleh kerana banyak sangat kecuaiian dari peringkat satu sampai.....(gangguan), saya, kita ubah jadi skandal lah...(ketawa)...*its very scandalous*.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Perbahasan, boleh gulung.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Y.B. Dato' Speaker, saya cuma bangun untuk menyertai perbahasan ini dari satu sudut yang berlainan, kalau nya ia kesilapan proses atau pun kesilapan kecuaiian daripada segi proses mahkamah pun telah dijanjikan suatu kenyataan, saya di sini ingin membawa Ahli-ahli Yang Berhormat ke satu perspektif yang lain iaitu juga menepati tujuan kita membuat Kertas Putih itu iaitu macam mana kita nak kurangkan *quantum* itu dan saya ingin mengangkat perhatian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada muka surat 50 dan cuma yang kita tahu saja kita kena bayar RM40 juta atau pun tanpa faedahnya RM29 juta, tahukah Ahli-ahli Yang Berhormat macam mana *figure* ini

dikirakan? Kalau tidak tahunya formula yang dikirakan saya rasa kita pun tidak akan tahu macam mana berapa yang kita boleh kurangkan.

Saya ingin angkat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada muka surat 50, kehilangan pendapatan bersih yang telah pun dinyatakan adalah RM28 juta. Kita kena tanya apakah formula yang digunakan? Berapa kapasiti yang digunakan? Berapa harga pasaran yang digunakan? Saya telah pernah buat satu simulasi terhadap kertas-kertas atau pun dokumen-dokumen yang dibekalkan daripada Pejabat Tanah atau pun daripada lain-lain pihak di mana saya begitu yakin melalui kapasiti mesin, kapasiti *crusher*, mesin *crusher* itu, yang diambil kira sebagai satu faktor yang paling utama dalam pengiraan royalti, saya dapati bahawa melalui kapasiti yang dikemukakan oleh syarikat kuari ini jauh tidak akan dapat jumlah yang sebegitu besar dan itu satu faktor yang saya minta bahawa ini boleh dikaji semula.

Yang kedua harga pasaran yang diguna pada dokumen tersebut pun saya rasa tidak rasional dan tidak munasabah dan saya rasa banyak lagi tempoh masa yang syarikat ini guna untuk buat tuntutan ini adalah jadi satu asas yang begitu penting dalam kita menentukan *quantum*, kalau tak dak nya kita cuma akan mengganggu RM28 juta ini betul sahaja, tetapi adakah ini betul? Saya rasa, saya pernah buat kiraan berdasarkan dokumen dan saya rasa ini mempunyai satu ruang yang cukup besar untuk kita minta pengurangan *quantum* dan saya begitu yakin kalau kita merujuk pengiraan kehilangan pendapatan bersih ini kepada mereka yang memahami isu-isu teknikal dalam aktiviti kuari ini akan kita dapat kurangkan *quantum* dan saya rasa tidak akan kita bayar sehingga RM28 juta yang dinyatakan dalam laporan ini di bawah tajuk kehilangan pendapatan bersih, itu saya minta bahawa kita perlu kalaunya kesilapan pun sudah kita perakui, kecuaiannya kita pun sudah mengakui dan ini sudah jadi satu realiti dalam proses mahkamah, apa yang kita boleh buat? Saya rasa kita perlu fokus kepada pengurangan *quantum* yang boleh menjimatkan duit rakyat Negeri Pulau Pinang dan saya begitu yakin kalau kita rujuk kepada dokumen yang sedia ada mesti kita boleh kurangkan *quantum* yang melalui pengiraan yang lebih teknikal dan saya berharap bahawa mungkin kita dapat buat suatu pengiraan yang lebih terperinci dan kita perlu tahu dokumen-dokumen yang di bawa oleh pihak-pihak peguam untuk Tang Hak Ju, formula pengiraannya kira perlu tahu dan saya *go through* pengiraannya formula itu dan saya dan saya dapati faktor-faktor yang tadi, *parameter* yang saya sebut tadi...jauh..jauh lebih...jauh lebih...*over estimate*, *over estimate* baik dari harga pasaran yang dia guna atau pun yang lebih penting kapasiti mesin yang dia guna dan saya rasa itu ....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Yang Berhormat, saya dah ingatkan tadi Yang Berhormat tidak boleh sentuh tentang perkiraannya, tak boleh, ini saya kena *caution* juga....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

*No, no, no*, kerana Kertas Putih ini.....(gangguan).

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ini boleh kalau apa saja yang ada boleh bawa kepada Peguam Rayuan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):**

Kertas Putih terlibat 54, nyatakan akhir kata Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bukan sahaja berharap agar dapat mengurangkan *quantum* pampasan. So, saya *argue* daripada lebih teknikal supaya kita boleh mengalih fokus ke satu bahagian yang lebih rasional untuk kita *fight for* pengurangan, so atas itu saya mengemukakan formula-formula yang digunakan dan juga harga-harga yang kita perlu teliti semula jikalau

kita mempunyai ruang lagi untuk kita buat sedemikian dan saya rasa itu saja yang saya ingin bawa.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Saya minta Yang Berhormat, memandangkan apa yang Y.B. Dato' Speaker cakapkan tadi...(gangguan)

**Y.B. Dato' Speaker:**

Saya belum cakap lagi.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

*just one only*, memang isu *quantum* dibangkitkan dalam Kertas Putih tapi kita mesti berjaga-jaga tentang apa yang kita nyatakan di dalam sidang DUN ini kerana kes ini di dalam rayuan. Salah satu perkara yang akan dipertimbangkan di dalam rayuan itu sama ada jumlah yang dihakimi tersebut betul atau tidak, mungkin rakan saya boleh bagi input jika saya boleh hantar kepada peguam yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Y.B. Dato' Speaker, saya pun nak ambil sedikit bahagian lah, cuma *very short one, very short one*, saya setuju, saya dengar dengan teliti hujah-hujah daripada Y.B. Datok Keramat, memang pakar, dia memang pakar dalam bidang undang-undang ni, jalan yang patut kita ambil, kita tau la kita *have to committed*, kita dah setuju bahawa kita ada kesilapan berlaku, tapi *in the light* of maklumat baru yang mungkin Y.B. Perai tak bagi tahu lagi iaitu tentang tadi, yang disebut tadi tentang permohonan yang telah dibuat awal oleh orang yang sama mungkin ada asas-asas, ada *froud* di situ. Makna mungkin Kerajaan Negeri boleh *apply* kepada mahkamah untuk *decide judgement* yang dulu, satu. Yang ke-2 tentang *quantum*, saya pun boleh bagi input kalau Y.B. Dato' Speaker benarkan saya boleh bagi input sekarang juga tentang bagaimana nak kurangkan *quantum* yang telah pun dijawab pada hari itu.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak usah, selesai dah?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Boleh?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Tak boleh.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):**

Tak apalah. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Dijemput Y.B. Perai gulung.

## Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, jadi suka juga saya menggulung kes di sini Tang Hak Ju, sebab saya rasa macam ada macam-macam perspektif yang kita perlu ambil kira dan Kertas Putih ini adalah untuk menjelaskan kepada suatu perspektif baru terhadap kes Tang Hak Ju. Ini seperti mana yang saya sudah terangkan, ini bukan bermotif politik sebab saya rasa Kerajaan Negeri mungkin kehilangan satu *quantum* yang begitu besar, jadi kita melalui penyampaian pembentangan Kertas Putih mungkin kita akan cari jalan supaya kita akan kurangkan *quantum* dan saya di sini saya berada bukan mempersoalkan, mempertikaikan keputusan mahkamah, Y.B. Dato' Speaker.

Jadi saya dapat pandangan daripada Y.B. Datok Keramat, Y.B. Telok Bahang, Y.B. Sungai Puyu, Y.B. Seberang Jaya, Y.B. Bukit Tambun dan saya mula dengan Y.B. Bukit Tambun ini. Mereka, beliau adalah pakar kuari, dia tahu macam mana perkiraan-perkiraan ini dan saya rasa kita boleh guna kepakaran in apabila kes ini, apabila kita memfailkan kes atau pun kes sudah failkan untuk mengurangkan *quantum*, dan saya rasa saya tidak mahu *speculate* dalam perkara ini dan satu isu adalah apabila perkiraan dibuat, ini bukan saya mempertikaikan keputusan mahkamah bahawa isu ini *future ernie* telah diambil kira dan sebagainya jadi persoalan.

Jadi fokus saya Y.B. Dato' Speaker adalah ini, kalau kecuaiannya saya rasa bukan kecuaiannya saja, saya rasa, mereka siasatan Setiausaha Kerajaan Negeri kemudian SPRM, kemudian oleh Dato' Subaiyah, semua ini kecuaiannya, saya rasa itu bukan satu isu, sebab apabila kita lihat kes secara keseluruhan ini, yang penting sekali ialah peranan Tang Hak Ju sendiri dalam kes ini. Dua (2) dokumen tadi yang telah kita dikepilkan di sini, menunjukkan bahawa beliau ini tahu bahawa tanah itu bukanlah tanah kerajaan. Ini adalah tanah dua (2) Konsi, *temple* Cina itu. Jadi sama ada Tan Hoo Ju adakah sama dengan Tang Hak Ju? Ini perlu dibuktikan dan mungkin, apabila kita buktikan kita mungkin kita ada satu kes yang kukuh, tetapi apabila saya dapat *interview* dengan Persatuan-Persatuan Cina yang memiliki, mereka rasa Tan Hoo Ju adalah sama dengan Tang Hak Ju, itu pandangan mereka lah. Jadi itu satu yang kita perlu siasat dan

isu ini memang saya rasa ia bukan kecuaiannya sahaja lah, jangan lah kita tuduh pegawai-pegawai kita sahaja, ada lebih besar. Kecuaian *tip of the iceberg*, kecuaiannya adalah.. (izinkan saya). *tip of the iceberg*. Jadi, ada satu komplot yang lebih besar dan ini saya rasa kita putus pada peranan Tang Hak Ju. Kemudian saya rasa peranan LA, saya memang tidak mahu ini, apabila kita ada perbincangan dengan Y.B. Telok Bahang ini juga, timbul juga peranan ini juga dan kes ini sebagaimana kes diluluskan ini telah menimbulkan beberapa soalan bahawa kes ini tidak ada rayuan, masa rayuan pun luput dan masa dia sakit, mungkin dia sakit, saya tidak mempertikaikan itu Ahli Kawasan Y.B. Seberang Jaya dan sebagainya. Tapi kes macam serius bagi ini, macam mana pejabat AG ini tidak mengambil secara serius kes ini, kalau dia sakit mungkin pihak lain atau pun pejabat dia boleh kes ini.

Jadi isu kompromi ini, ditimbulkan oleh Y.B. Datok Keramat ini memang saya pun percaya bahawa apabila Kerajaan Negeri memberi sebagai ganti rugi RM1.8 million dan sekeping tanah di Juru, saya dapat tahu bahawa Tang Hak Ju pun bersedia menerima tawaran itu, kenapa tawaran ini tidak dipanjangkan, tidak diberi sebagai satu pampasan ganti rugi kepada Tang Hak Ju. Ini saya rasa bekas Ahli EXCO, Dr. Teng Hock Nan, mungkin dia tahu pasal hal ini. Kenapa ini tidak dipanjangkan, tidak dibincangkan secara lebih serius, kenapa EXCO ini tidak ambil berat tentang kompromi ini. Dalam kes ini RM1.8 million dengan sekeping tanah saya ingat 20 ekar kalau tidak silap di Juru sebagai ganti rugi, tapi.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):**

Penjelasan, nak tahu mungkin begitu mereka tidak *appeal to the court* lah mungkin *this is scandal*.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Y.B. Perai kita ada satu usul lagi, mungkin kita boleh sambung esok atau... (gangguan).

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Ya, ya, apabila kompromi ini tak jadi, saya pun tidak tahu apa sebab, maka kes ini dapat dibawa ke mahkamah di mana Kerajaan Negeri ini telah kalah dalam kes ini dengan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Pendek sahaja, saya difahamkan pada masa itu Dr. Teng Hock Nan dan semua ini cuba nak merealisasikan kompromi itu. Kemudian dirujuk kepada dari segi perundangan atau pun prosedur yang ada kekangan yang tidak membolehkan pula Kerajaan Negeri melakukan sedemikian, saya tak tahu, kena *check*, saya difahamkan sedemikian.

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Penjelasan Yang Berhormat, Yang Berhormat sama ada Dr. Teng Hock Nan ada hadir tak untuk memberi penjelasan kepada perkara ini

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Daripada Ahli Kawasan Telok Bahang, tiada siapa-siapa hadir dalam *enquiry*. Jadi Ahli Kawasan Seberang Jaya ini saya pun tidak tahu sebenarnya tapi cuma saya tahu bahawa ada satu pakej yang lain sebagai ganti rugi dan akhirnya ini tak jadi. Jadi saya tidak mahu panjangkan perbincangan, mungkin kes ini boleh dilihat melalui daripada pelbagai sudut, tapi saya masih dalam siasatan saya sendiri dan akhir sekali apabila saya buat temu duga, *interview* dengan kedua-dua persatuan ini kita dapat satu gambaran siasatan-siasatan pertama kenapa nama mereka tidak dipanggil. Mereka tidak dipanggil langsung oleh SPRM, Setiausaha Negeri dulu, kemudian Encik Subaiyah, mereka langsung tidak dipanggil, akhir sekali kita panggil. Jadi, inilah jadi masalah dan saya memang mempertahankan bahawa kes ini bukan sahaja kecuaiian kalau ini betul-betul kecuaiian, tapi ini merupakan satu skandal.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Yang Berhormat mohon sekali lagi jangan disebut perkataan skandal, sehingga ianya terbukti skandal, saya mohon dan selepas itu kita boleh dapat kerjasama dengan lebih baik untuk selesaikan untuk menyelamatkan khazanah.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

*Its too late for kerjasamalah...*(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

*Its not late, its never late.*

**Y.B. Dato' Speaker:**

Kita minta beberapa kali.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):**

Memperakukan ia tidak lewat lagi sebab kita dapat maklumat baru daripada Y.B. Datok Keramat.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Minta maaf, minta maaf Y.B. Seberang Jaya, saya turut mempertahankan bahawa ini merupakan skandal dan itu bukan sahaja sebab kecuaiannya ada juga faktor-faktor yang lain yang belum difikirkan. Dengan itu.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):**

Y.B. Perai, penjelasan sikitlah, ada satu perumpamaan dalam bahasa Inggeris bahawa "*intelligent is very high among command age*," Yang Berhormat setuju tak?

**Y.B. Dato' Speaker:**

Boleh gulung terus.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Dengan itu Y.B. Dato' Speaker saya memohon menyokong usul ini. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa Dewan ini telah membuat ketetapan tentang laporan siasatan kertas putih iaitu pertindihan tanah Lot 954 dan 955, Mukim 20, Seberang Perai Tengah dengan hak milik sementara HS(D) 49060, PT.9.1, Mukim 20 Seberang Perai Tengah (Tang Hak Ju) maka laporan ini dibentang di atas meja mesyuarat dalam Dewan ini sebagai risalah bilangan 2 Tahun 2011 diterima dan dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak setuju katakan "Tidak."

**Ahli-Ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya" lebih banyak, usul diterima.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan bahawa pada 1 November 2010 Mesyuarat Yang Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas telah menetapkan Jawatankuasa Pilihan untuk mengadakan rundingan awam berkenaan Rang Undang-undang kebebasan maklumat 2010 dan hendaklah menyiapkan laporan

berkaitan rundingan awam itu untuk dibentangkan pada Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Keempat. Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas, bahawa Jawatankuasa Pilihan masih di dalam proses rundingan awam dan proses penyediaan laporan berkenaan. Oleh itu Jawatankuasa Pilihan memerlukan perlanjutan masa bagi maksud itu dan bahawa Dewan ini dipohon untuk membuat ketetapan iaitu membenarkan perlanjutan tempoh masa kepada Jawatankuasa Pilihan untuk menyiapkan dan membentangkan melaporkan Jawatankuasa Pilihan mengenai Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang...(gangguan). *Let me finish my speech.*

Saya berucap kali ini dengan tujuan memohon kebenaran daripada Y.B. Dato' Speaker untuk menangguhkan bacaan kedua Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 ke sidang Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Seperti Y.B. Dato' Speaker sedia maklum, Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 telah saya bentangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri berakhir pada tahun 2010. Terlebih dahulu saya ingin memohon maaf kerana tidak dapat membentangkan bacaan kedua Rang Undang-undang ini pada sidang Dewan Undangan Negeri kali ini.

Penangguhan ini sememangnya bukanlah kerana kelewatan atau pun ketidakcekan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam menangani perkara ini selaras dengan prinsip CAT nya sendiri seperti yang didakwa oleh Parti Gerakan dan beberapa pihak tertentu yang lain. Saya tidak faham mengapa Parti Gerakan tidak mengerti bahawa tujuan benar pembubaran Rang Undang-undang ini adalah untuk meningkatkan transparansi dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Walau pun demikian, pembubaran Rang Undang-undang ini perlulah melalui satu proses penilaian yang menyeluruh yang melibatkan semua pihak sebelum ianya dapat ditetapkan di Dewan yang mulia ini. Sehingga sekarang selain Negeri Selangor tiada sebarang negeri lain di Malaysia telah meluluskan atau pun memulakan usaha-usaha meluluskan Rang Undang-undang kebebasan maklumat. Hakikatnya pelbagai halangan wujud bagi mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia bagi menggubal undang-undang ini.

Pertama sekali undang-undang ini mestilah liberal daripada sebarang percanggahan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972, sekira diluluskan undang-undang ini akan mewujudkan hak efektif bagi orang untuk mengakses maklumat-maklumat Kerajaan Negeri. Maka dengan itu pelaksanaan dan maklum balas daripada orang awam dan Badan-badan Bukan Kerajaan haruslah diteliti dan dinilai secara bernas. Walau pun demikian, Kerajaan Negeri juga memikul satu beban yang tinggi bagi memastikan bahawa Rang Undang-undang ini tidak memberi peluang kepada pihak-pihak yang tertentu untuk menyalahgunakan maklumat yang diperolehi.

Pada tahun lalu sebaik sahaja kelulusan untuk membatalkan Rang Undang-undang ini diluluskan di Mesyuarat EXCO sebuah Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) telah ditubuhkan. Y.B. Datok Keramat telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa dan pihak Kerajaan Negeri juga telah diwakili oleh Y.B. Sungai Bakap, Y.B. Bagan Dalam dan Y.B. Bukit Tengah. Y.B. Telok Bahang, Y.B. Seberang Jaya dan Y.B. Telok Air Tawar telah dilantik bagi mewakili pihak pembangkang setelah dan akan oleh ketua pembangkang iaitu Y.B. Penaga.

Sejak penubuhan, Jawatankuasa Pilihan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 7 kali dan perbincangan juga telah diadakan dengan pihak NGO sebanyak 2 kali. Jawatankuasa Pilihan telah mengeluarkan jemputan kepada 75 NGO di Negeri Pulau Pinang, tetapi 28 telah bersetuju dan menyertai perbincangan yang telah diadakan.

Jawatankuasa Pilihan ini telah memberi penilaian yang sewajarnya kepada ulasan-ulasan daripada kesemua pihak termasuk NGO-NGO, orang awam serta ulasan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa dari pihak pembangkang. Hasilnya



Jawatankuasa Pilihan telah melaksanakan pindaan kepada 11 seksyen, pembaharuan kepada 8 seksyen dan pembatalan kepada 3 seksyen di dalam Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat asal dan yang mengandungi 15 seksyen. Antara pindaan signifikan yang telah dilakukan ialah pemansuhan kuasa inventori yang telah diberikan kepada pegawai maklumat untuk menerima atau menolak permohonan untuk maklumat dengan kesemua penambahbaikan tersebut. Satu draf undang-undang kebebasan maklumat Negeri Pulau Pinang yang lengkap telah pun disediakan.

Akan tetapi Jawatankuasa Pilihan berpendapatan draf baru harus dikemukakan semula kepada semua pihak yang telah memberi ulasan membolehkan mereka meneliti penambahbaikan yang telah dibuat sebelum dibentangkan di sidang Dewan Undangan Negeri. Itulah merupakan satu-satunya sebab mengapa permohonan untuk menangguhkan bacaan kedua, Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat ditujukan kepada Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker, kebaikan dan manfaat Undang-undang Kebebasan Maklumat akan dinikmati oleh kedua-dua pihak, Kerajaan dan juga orang awam. Bagi Kerajaan Negeri Undang-undang Kebebasan Maklumat akan menyediakan saluran yang sah untuk menyalurkan maklumat dan meningkatkan kredibilitinya di kalangan orang awam. Manfaat yang berlipat kali ganda akan dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang sekiranya Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat diuruskan. Rakyat akan mempunyai akses yang mudah kepada maklumat-maklumat di mana seseorang rakyat atau individu dapat menilai serta membincangkan polisi-polisi yang mempengaruhi kehidupan mereka. Akses kepada maklumat kerajaan memberi suatu kuasa yang signifikan kepada rakyat untuk memastikan Pihak Berkuasa tidak mengimplementasikan polisi-polisi yang tidak bernas dan tidak mesra rakyat. Kuasa rakyat untuk mengakses maklumat juga akan membolehkan amalan tidak sihat seperti rasuah dapat di kesan dengan lebih mudah lagi. Untuk jangka panjang undang-undang kebebasan maklumat akan membantu untuk mewujudkan sistem pentadbiran Kerajaan Negeri lebih *transparent* dan dengan kadar amalan rasuah yang rendah serta rakyat Pulau Pinang yang lebih matang.

Y.B. Dato' Speaker, kesedaran Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat adalah masih amat rendah di kalangan rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sebagai sebuah negeri yang pro-rakyat akan sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat Pulau Pinang akan sentiasa terlibat secara langsung dalam mewujudkan polisi dan pentadbiran yang cekap, akauntabiliti dan telus di Pulau Pinang.

Dengan itu Y.B. Dato' Speaker, pertimbangkan permohonan saya, dan izinkanlah bacaan kedua Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat ditangguhkan untuk dibentangkan di dalam sidang Dewan Undangan Negeri yang akan datang. Dengan ini Y.B. Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan, Sekian, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Usul ini ada sokongan?

**Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):**

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Teruskan dengan ucapan menyokong, kalau tidak ada, okey, Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Y.B. Ahli Kawasan Perai ini, dipersilakan.

### **Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):**

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menyokong usul yang dikemukakan oleh Y.B. Ahli Kawasan Perai yang memberi pelanjutan masa kepada Jawatankuasa Pilihan yang dipengerusikan Ahli Yang Berhormat Datok Keramat. Memang Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang ke dua membentangkan Rang Undang-undang seperti ini. Negeri Selangor merupakan negeri pertama di mana mereka telah menghabiskan masa lapan setengah bulan untuk memperundangkan satu Enakmen Kebebasan Maklumat dan jikalau bagi Negeri Pulau Pinang saya juga berharap supaya Enakmen ini dapat diperundangkan dengan secepat mungkin. Walaupun perlanjutan masa diperlukan tetapi saya berharap supaya kita dapat menyempurnakan tugas kita dalam tempoh yang sama panjang seperti di Selangor. Jikalau perlu satu sidang khas untuk meluluskan Enakmen ini saya berharap Y.B. Dato' Speaker dapat mempertimbangkannya.

Y.B. Dato' Speaker, mengikut rundingan awam memang diperlukan supaya kita dapat memperjelaskan tujuan perundangan ini kepada pihak awam. Banyak persepsi negatif atau tanggapan negatif terhadap Enakmen Rang Undang-undang semasa dibentangkan atas sebab pada masa itu terdapat banyak kelemahan pada draf Enakmen tersebut dan kita berharap penjelasan dapat diteruskan dari masa ke semasa dan seterusnya mungkin dengan perlanjutan masa ini kita boleh mengadakan rundingan mesra dan adakan sesi perundingan dengan penghuni kita masing-masing di kawasan kita masing-masing. Ini adalah satu cara kita dapat satu pendekatan supaya kita dapat menjelaskan kepada penghuni kita masing-masing dan pada masa yang sama, kita dapat mengerakkan pertubuhan-pertubuhan setempat untuk memberi pandangan mereka yang bernas untuk memberi input yang lebih mendalam kepada Jawatankuasa Pilihan.

Lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan dalam ucapan saya adalah ahli-ahli jawatankuasa pilihan ini, di mana saya dapati ada ahli-ahli yang tidak berminat untuk menyertainya. Terdapat ahli-ahli daripada Telok Air Tawar dan Telok Bahang tidak pernah menghadiri sebarang mesyuarat yang diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan itu. Adakah ini mereka menunjukkan tidak berminat langsung atau mereka sanggup tidak menunaikan tanggungjawab yang diberi, yang diamanahkan oleh penghuni-penghuni mereka.

Dengan Jawatankuasa Pilihan ditubuhkan dan ini adalah satu amanah, amanah yang diberikan oleh Dewan Undangan Negeri supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai seorang ADUN yang dapat sokongan oleh rakyat mereka, disokong oleh pengundi-pengundi mereka. Saya berharap supaya perkara ini dapat diambil iktibar oleh Ahli-ahli jawatankuasa pilihan tersebut. Jikalau mereka tidak berminat langsung mungkin kita boleh menggunakan sesi ini supaya memutuskan, jikalau perlu kita melantik semula ahli-ahli yang lebih berminat kita perlu, dan saya kita perlu membuat kajian semula keahlian di dalam jawatankuasa tersebut, kerana keahlian ini dan perlu dikekalkan dan perlu mendapat penyertaan penuh dari ahli-ahlinya supaya lebih banyak pandangan daripada mereka. Jangan kita mempersia-siakan peluang keemasan ini dan jangan kita mengabaikan tanggungjawab yang diberikan dan diamanahkan oleh penghuni-penghuni pada kita, Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

### **Y.B. Dato' Speaker:**

Ada lagi yang ingin membahas, kalau tidak ada, saya hendak meminta Y.B. Perai untuk terus membuat penggulungan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:**

Y.B. Dato' Speaker, saya rasa permulaan saya ini sangat ringkas, saya rasa seperti mana saya telah bincangkan perlanjutan masa ini adalah sangat perlu supaya draf Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat perlu diteliti perlu disemak perlu mendapat pandangan daripada juga NGO, sebelum draf ini akan jadi Rang Undang-undang dalam Dewan Undangan ini. Jadi saya minta bahawa ahli-ahli dalam jawatankuasa ini mengambil bahagian supaya menyemak dan untuk memastikan supaya Rang Undang-undang atau draf yang terakhir ini akan menjadi satu draf yang baik dan boleh diterima bukan sahaja di kalangan kerajaan ataupun ahli-ahli Dewan ini, tetapi juga orang ramai. Jadi dengan itu Y.B. Dato' Speaker, saya terus mencadangkan penerimaan usul ini. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Bahawa pada 1 November 2010 Mesyuarat Yang Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedua Belas, telah menetapkan Jawatankuasa Pilihan untuk mengadakan rundingan awam, berkenaan dengan Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2010 dan hendaklah menyiapkan laporan berkaitan rundingan awam itu untuk dibentangkan pada Mesyuarat Yang Pertama bagi Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kedua Belas, bahawa jawatankuasa pilihan masih dalam proses perundingan awal dan proses penyajian laporan berkenaan.

Oleh itu Jawatankuasa Pilihan memerlukan perlanjutan masa bagi maksud itu, bahawa Dewan ini dipohon untuk membuat ketetapan iaitu membenarkan pelanjutan tempoh masa kepada Jawatankuasa Pilihan untuk menyiapkan dan membentangkan laporan Jawatankuasa Pilihan mengenai Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang akan datang, diterima dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," dan tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Y.B. Dato' Speaker:**

"Ya," semua bersetuju, sebulat suara, usul diterima.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ada sokongan.

**Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:**

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian. Sekian.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.***